



SAUDERA

WADAH MENGEMBANGKAN MINDA THE NAVY PEOPLE

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIA NAVY EDISI KHAS

TLDL SIAGA
PERAIRAN TERPELIHARA

Tentera Laut
Bertaraf Dunia

SAR MH370
TLDL Sedia Berkorban

**EDISI
KHAS
HARI TLDL**

TLDL JUARA
6 Kali Berturut-turut



SAMBUTAN HARI TLDL KE-80

CREATIVITY IN CRAFT

Boustead
Heavy
Industries



B

Boustead Heavy Industries Corporation Berhad

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 56200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2048 7770 Fax: +603 2048 7788 www.boustead.com.my



DARI MEJA

Ketua Editor



Dari Meja Ketua Editor:

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izinNya Edisi Khas Majalah SAMUDERA sempena Hari TLDM Ke-80 bagi tahun 2014 berjaya diterbitkan. Pada ketika kini seluruh negara masih berduakacita dengan tragedi MH370, TLDM telah menzahirkan komitmen pengembelangan aset dan warga yang profesional memberi bantuan semaksimum mungkin dalam usaha membantu pihak kerajaan melaksanakan operasi mengesan dan menyelamat pesawat tersebut. Semoga sumbangan ini bukan sahaja akan berjaya membantu menaikkan maruah negara, malah sebagai bukti kepentingan peranan dan fungsi TLDM kepada Malaysia sebagai sebuah negara maritim.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun TLDM Ke-80 bagi seluruh Navy People. Marilah kita bersama-sama meningkatkan usaha untuk melaksanakan segala perancangan dan menangani segala cabaran yang mendatang bagi memastikan TLDM berada di landasan untuk bergelar Tentera Laut Bertaraf Dunia.

SAMUDERA Edisi Khas kali ini banyak mencoretkan kegemilangan dan pembangunan TLDM setelah 80 tahun menabur bakti dalam mempertahankan kedaulatan perairan negara. Setiap rentetan cabaran yang dialami dan dihadapi dalam mengharungi lautan biru ditatahkan pada keluaran ini. Usaha TLDM di peringkat antarabangsa juga diketengahkan bagi membuktikan usaha yang telah dilakukan selama ini bagi memenuhi impian sebagai Tentera Laut Bertaraf Dunia dan sekaligus menyokong keamanan sejagat. Sejarah dengan perkembangan yang dilalui, pembangunan prasarana dan infrastruktur baharu di beberapa unit dan pangkalan TLDM juga diselitkan. Selain itu, usaha menyokong pembangunan negara melalui program National Blue Ocean Strategy (NBOS) juga diketengahkan.

Kes kehilangan pesawat MH 370 sememangnya menjadi perbualan pada masa kini. Walau bagaimanapun, kupasan dari sudut kemampuan TLDM dalam menguruskan operasi Search and Rescue (SAR) pada peringkat permulaan di perairan Malaysia yang telah melibatkan banyak negara ini turut dimuatkan selain memaparkan kemampuan TLDM yang juga turut menyertai operasi SAR pesawat malang ini di Selatan Lautan Hindi. Keunggulan TLDM dalam acara sukan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Pencapaian dalam bidang sukan juga diterjemah dengan memaparkan kejayaan demi kejayaan yang ditempa oleh TLDM dalam mengungguli Sukan Antara Perkhidmatan.

Harapan dari Sidang Redaksi agar semua paparan keluaran kali ini dapat menghilangkan kerinduan pembaca SAMUDERA dan akan terus menjadi wadah kepada The Navy People untuk berkongsi maklumat serta merasai kehangatan sambutan Hari TLDM Ke-80. Sekian, salam hormat dari Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA dan selamat menyambut Hari TLDM Ke-80. Semoga TLDM akan sentiasa dirahmati olehNya. Amin....

TLDL SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA

SEDIA BERKORBAN.

SAMUDERA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/ PENASIHAT

Laksamana Madya Dato'Seri Panglima
Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin

KETUA EDITOR

Laksamana Muda Dato' Pahlawan
Syed Zahiruddin Putra Bin Syed Osman

EDITOR

Kept Shamsuddin bin Haji Ludin TLDM
Kdr Muhammad Haziq bin Abdullah TLDM
Lt Kdr Kamarulzaman bin Kamaruddin TLDM
Lt Kdr Karimah binti Awil TLDM
Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM
Lt Siti Salina binti Johari TLDM

PENASIHAT KREATIF dan REKA BENTUK

Lt Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM

PENGEDARAN

BK PBK (I) Mohd Rizalman bin Amin



SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan pertahanan daripada seluruh warga The Navy People dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20713218/ 3072/ 3074/ 3187
Faks : 03-26981680/ 26927677

Rekabentuk Dan Percetakan
MIHAS GRAFIK Sdn Bhd
No. 9, Jalan SR 4/19 Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan Selangor.



- 3** TLDM Siaga Perairan Terpelihara
- 6** SAR MH370, TLDM Sedia Berkorban
- 14** KD DUYONG Lahir Penyelam TLDM
- 17** Navy Dulu - Kini - Kelak, Persepsi Seorang Materos
- 10** Tentera Laut Bertaraf Dunia
- 26** Majlis Pelancaran Buku Ops Fajar
- 38** ESSCOM
- 40** NBOS
- 52** Pancaragam Wanita Bukti Kemampuan
- 59** Perjuangan THE NAVY PEOPLE - MALBATT 850-1 UNIFIL
- 73** Need For Submarine
- 83** TLDM Juara 6 kali berturut-turut
- 90** 3 Soalan Menjawab Hakikat Kehidupan

KANDUNGAN

TLDM SIAGA PERAIRAN TERPELIHARA



TLDM SIAGA PERAIRAN TERPELIHARA

Malaysia terletak di kawasan yang strategik iaitu antara Hemisfera Timur dan Barat Asia. Malaysia juga, suatu ketika dahulu pernah menjadi pusat tumpuan pedagang dari Eropah, China, India dan Timur Tengah kerana kedudukannya yang dikelilingi oleh Selat Melaka, Laut Sulu dan Laut China Selatan. Selain itu, Malaysia yang dikelilingi negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, Filipina dan Vietnam menjadikan Malaysia memainkan peranan yang penting di Asia Tenggara. Garis pantai Malaysia yang merentangi hampir 4,492 km dan perairannya merangkumi 598,540 km persegi termasuk Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) menjadikan industri minyak dan gas, perkапalan, perikanan dan pelancongan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara. Justeru, berdasarkan persekitaran demografik, kehadiran tentera laut yang berkebolehan amat diperlukan dalam menjaga dan mengawal aset strategik negara dan perairan maritim.





Sejarah Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bermula melalui penubuhan Straits Settlement Naval Volunteer Reserve (SSRNVR) pada 27 April 1934. Seterusnya, Queen Elizabeth II telah menganugerahkan taraf "Diraja" pada Ogos 1952 bagi menghargai jasa dan sumbangan pasukan tentera laut semasa darurat. Kini, TLDM telah mencapai usia 80 tahun setelah melalui tiga zaman reformasi iaitu reformasi pertama bermula sejak penubuhan SSRNVR pada tahun 1934 sehingga kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Manakala reformasi kedua bermula dari tahun 1957 sehingga 1979 dan reformasi ketiga bermula sejak TLDM berpindah dari Woodlands, Singapura ke Lumut pada tahun 1980 sehingga kini. Pembangunan TLDM kini berkembang pesat sejak era brown water navy apabila TLDM melindungi perairan negara menggunakan kapal yang dipindah milik dari Royal Navy iaitu Kapal Penyaru Ranjau dan Seaward Defence Motor Launches. Sepanjang 80 tahun penubuhan, TLDM telah melalui pelbagai cabaran seperti kesan selepas perang, pemberontakan, konfrontasi dan serangan lanun dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara.

Kini, TLDM telah mengorak langkah daripada penjaga pesisir pantai kepada tentera laut yang lebih berdaya saing. Perolehan kapal Frigat, Helikopter, Kapal Peronda Generasi Baru, Kapal Selam dan bakal menerima Littoral Combat Ship (LCS) telah melengkapkan TLDM dengan keupayaan Blue Water Navy. Perubahan

evolusi ini semestinya satu keperluan dalam menghadapi keselamatan maritim yang semakin sukar dan mencabar.

Dalam usaha ke arah Tentera Laut Bertaraf Dunia, TLDM telah melaksanakan program pemodenan yang berterusan untuk mencapai keperluan semasa pertahanan. Kehadiran dua Kapal Selam jenis SCORPENE (KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK) membuka era baru dalam pemodenan armada TLDM. Kemasukan kapal selam telah merangsang keupayaan pengopersian sejarah dengan visi TLDM iaitu Tentera Laut Bertaraf Dunia. Selain itu juga,

itu, bagi menggantikan Kapal Ronda yang telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

...penubuhan Pusat Latihan Kapal Selam TLDM (STC) pada 1 September 2009 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu merupakan strategi TLDM dalam melatih sendiri warga kapal selam yang kompeten.

(APMM), TLDM telah memperolehi Kapal Peronda Generasi Baru sesuai dengan keperluan semasa dan pertahanan maritim. Sebanyak enam buah kapal peronda generasi baru iaitu KD KEDAH, KD PAHANG, KD PERAK, KD TERENGGANU, KD KELANTAN dan KD SELANGOR telah diserahkan kepada

TLDM dan berupaya melaksanakan tugas operasi.



penubuhan Pusat Latihan Kapal Selam TLDM (STC) pada 1 September 2009 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu merupakan strategi TLDM dalam melatih sendiri warga kapal selam yang kompeten. TLDM juga telah melaksanakan program Ship's Life and Capability Extension Programme (SLEP) sebagai salah satu usaha dalam menaik taraf armada TLDM seperti yang telah dilakukan ke atas kapal KORVET iaitu KD LEKIR dan KD KASTURI. KD KASTURI telah selesai menjalani SLEP dan kembali menyertai armada pada tahun lepas. Selain

Perolehan LCS melalui program kerjasama antara Syarikat Boustead Naval Shipyard (BNS) Sdn Bhd dan DCNS Perancis dijangka akan meningkatkan keupayaan perperangan TLDM. Sebanyak enam buah kapal berdasarkan kelas GOWIND DCNS dijangka memulakan pembinaan pada tahun ini dan kapal pertama akan menyertai armada TLDM pada 2019.

Selain meningkatkan keupayaan armada, TLDM juga sedang menaik taraf infrastruktur dan pangkalan dari semasa ke semasa. Penubuhan Markas Wilayah Laut 3 di Pulau Langkawi, perpindahan strategik Markas Wilayah Laut 2 dari Labuan ke Kota Kinabalu, Sabah dan perancangan pembangunan masa hadapan Markas Wilayah Laut 4 di Sarawak akan meningkatkan keupayaan TLDM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Walau bagaimanapun, pembangunan yang dilaksanakan bukan bersifat persaingan malah ianya satu usaha yang jelas dalam membangunkan pasukan yang berkebolehan dan meningkatkan tahap keyakinan antara tentera laut sahabat dalam memastikan keselamatan serantau melalui inisiatif seperti Malacca Straits Patrol dan Eyes in the Skies (EiS).

Dalam usaha ke arah Tentera laut Bertaraf Dunia, TLDM telah membangunkan The Navy Plan (Kad Skor) untuk memperkasakan usaha TLDM mencapai visi dan misi. The Navy Plan merupakan Peta Strategi TLDM yang diperbaharui setiap tahun untuk menghadapi cabaran melalui Key Results Areas (KRA) yang ditetapkan. Kini, TLDM telah membangunkan Peta Strategik TLDM 2013-2020 (PS 1320) untuk mencapai

visinya. Misi TLDM adalah melindungi kedaulatan dan kepentingan maritim Malaysia sepetimana yang ditetapkan dalam Strategi Pertahanan Maritim menjelaskan pada dasarnya, pelaksanaan misi ini berhubung kait dengan keperluan kawalan laut, melaksanakan rondaan dan mengawal perairan.

Bersambung ke muka 45





16 SHIP | 3 AIRCRAFT | 1 MISSION
ROYAL MALAYSIAN NAVY



S.A.R
FOR
MH370

SAR MH370 **TLDM SEDIA** **BERKORBAN**

Pada 8 Mac 2014, seluruh dunia telah dikejutkan dengan kehilangan sebuah pesawat Malaysian Airline System (MAS) yang membawa seramai 239 penumpang termasuk krew. Pesawat yang dalam perjalanan menuju ke Beijing dari Kuala Lumpur itu tiba-tiba hilang dari perhatian radar sebaik memasuki sempadan Malaysia – Vietnam. Kehilangan pesawat pada tengah malam itu telah menjadi satu topik paling hangat dan dengan serta merta memperkenalkan Malaysia keseluruh pelusuk dunia. Sebaik menyadari kehilangan



pesawat ini, kerajaan Malaysia telah menggunakan setiap kelengkapan yang ada bagi mengesan kedudukan pesawat. Sistem radar dikenal pasti, Tentera Udara dikerahkan ke kawasan berhampiran dan tidak lupa, Tentera Laut Diraja Malaysia telah menjadi harapan paling besar rakyat Malaysia dan seluruh dunia bagi mengesan pesawat ini. TLDM menjadi satu angkatan yang paling sesuai dalam misi mencari pesawat. Pesawat ini dilaporkan hilang ketika melintasi Laut China Selatan. Kawasan lautan yang begitu luas hanya boleh diterokai menggunakan kapal. Penggunaan pesawat bagi mengesan di lautan adalah kurang efisen kerana kemampuanya untuk bertahan ketika mencari adalah singkat.



KD MAHAWANGSA



KD KASTURI



KD LEKIU



FENNEC



S.A.R FOR MH370



2X SUPERLYNX



KD TERENGGANU



KD PAHANG



KD SELANGOR



KD GANYANG



KD MAHAMIRU


 SUBMARINE
 ESCAPE AND RESCUE VESSEL
 MV MEGA BAKTI



Ini menyukarkan ia bagi mengesan objek secara teliti. Kapal juga mampu menjadi satu platform bagi mengambil serta menyimpan sebarang objek jika ditemui di laut.

TLDM Berikan Yang Terbaik

Sebaik menerima arahan pelayaran bagi Ops Carilamat MH370, sebanyak 16 buah kapal dan 3 buah helicopter TLDM diaturgerak. Kapal yang terlibat semasa operasi ini ialah KD MAHAWANGSA, KD KASTURI, KD LEKIU, KD TERENGGANU, KD PAHANG, KD SELANGOR, KD KELANTAN, KD GANYANG, KD HANDALAN, KD PENDEKAR, KD PERKASA, LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN, KD MAHAMIRU, KD JERAI, KD PERANTAU, MV MEGA BAKTI, sebuah pesawat Fennec dan dua buah pesawat Super lynx.

Operasi mencari dan menyelamat ini juga menyaksikan TLDM telah menggunakan kapal menyelamat kapal selam, MV MEGA BAKTI. MV MEGA BAKTI adalah merupakan sebuah kapal yang direka khas bagi membantu dalam menyelamatkan krew kapal selam sekiranya terjadi sesuatu yang tidak diingini kepada kapal selam Negara. Ia dilengkapi dengan kapal selam tanpa pemandu bagi membuat pengesanan bawah air sehingga 1000 meter. Kapal ini turut dilengkapi dengan Hyperbaric Chamber bagi membuat rawatan kecemasan.



Setelah pencarian masuk hari ke sembilan, petunjuk baru menunjukkan pesawat mungkin telah berubah haluan dan tidak lagi berada di sekitar Laut China Selatan, berdasarkan maklumat baru ini, pencarian telah diubah ke dua koridor iaitu koridor utara merangkumi kawasan dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan ke bahagian utara Thailand dan koridor selatan yang merentangi kawasan dari Indonesia ke bahagian selatan Lautan Hindi.

Dengan pengumuman terbaru dari Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak ini, operasi mencari di Laut China Selatan telah ditamatkan. Aset TLDM telah dirancang kembali bagi memenuhi kehendak operasi yang semakin mencabar. Kini, sebanyak enam buah kapal telah diaturgerak ke koridor selatan. Empat buah PV iaitu KD PAHANG, KD TERENGGANU, KD KELANTAN dan KD SELANGOR serta KD KASTURI dan KD LEKIU telah digerakkan bersama dua buah Super Lynx dan sebuah Fennec. Tiada istilah berputus asa, tiada istilah mengalah dan tiada istilah penat bermain diminda. Setiap arahan yang diterima dilaksanakan dengan penuh semangat juang yang tinggi. Walau terpaksa berpisah dengan keluarga bagi satu tempoh yang lama, tanpa sebarang perancangan awal, semangat SEDIA BERKORBAN yang menebal dalam diri setiap warga THE NAVY PEOPLE telah membawa TLDM di mata dunia.





Acap kali diplomasi ketenteraan sering menjadi elemen penting dalam strategi maritim. Diplomasi ketenteraan menjadi wahana pilihan dalam mengembangkan dasar luar dan dasar negeri sesebuah negara sewaktu dalam keadaan aman. Oleh sebab kapal mempunyai ciri-ciri yang tertentu, tentera laut kebiasaannya digunakan untuk membantu negara-negara sekutu, menghalang musuh negara atau memaksa negara musuh mengubah polisi. Berlainan dengan khidmat ketenteraan lain, tentera laut lebih menjadi pilihan dalam soal diplomasi kerana kapal-kapal laut dianggap lebih bersifat aman berbanding kereta kebal atau jet pejuang. Pun begitu, sebagai ahli Negara-negara Berkecuali (NAM), Malaysia mengamalkan dasar luar yang sedikit berbeza berikutan keadaan rantau ini yang agak unik.

Rantau Asia Tenggara dicirikan sebagai rantau yang mempunyai lebih kepelbagaiannya dalam soal geografi,

satu mekanisma tentera laut yang penting dan Malaysia menganggap mekanisma ini sebagai teras dasar luarnya. CBM perlu dirangka dan dilaksanakan bagi menggalakkan keamanan dan kestabilan rantau ini. CBM dan pendekatan politik selalunya dirangka dan diaplifikasi bagi membantu meredakan pergolakan atau situasi buruk.

Dalam mewujudkan rantau yang selamat dan stabil, TLDM memangkin usaha kerjasama luar terutamanya dengan negara-negara jiran dan serantau. Dikenal pasti sebagai hal yang paling utama, negara-negara jiran adalah yang mula-mula perlu didekati. Seawal tahun 1970-an, beberapa Perjanjian Persempadanan telah dimeterai dengan negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Filipina. Melalui perjanjian ini, pelbagai aktiviti telah dirancang bagi memastikan kedaan sempadan terkawal. Antaranya ialah mewujudkan Pejabat Koordinasi

Kumpulan Kerja Bersama dengan Vietnam dalam membangunkan Rondaan Bersepada di kawasan Joint Commercial Arrangement antara dua negara di Laut China Selatan.

Walaupun Malaysia tidak menyertai mana-mana perjanjian persekutuan atau mana-mana pakatan keselamatan, namun melibatkan diri dalam kuasa-kuasa serantau atau luar rantau sememangnya penting bagi TLDM. Fokus kepada ahli-ahli ASEAN, melalui Memorandum Persefahaman yang diwujudkan oleh Kementerian Pertahanan, TLDM menjalin hubungan dalam aspek operasi, latihan dan teknikal. Beberapa aktiviti jalankan melalui bungan tersebut, termasuklah pertukaran kursus dan tenaga pengajar, High Level Engagements mesyuarat dua hala dan



TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA

politik dan budaya berbanding dengan rantau-rantau lain di dunia. Walaupun hari ini rantau ini lebih aman dan makmur berbanding masa-masa lain dalam abad ini, persepsi ancaman dan soal-soal yang dititik beratkan adalah berbeza-beza, bergantung pada perspektif setiap bahagian kecil rantau ini. Oleh yang demikian, Confidence Building Measures (CBM) merupakan

Sempadan bagi menyusun aktiviti-aktiviti keselamatan dan pertukaran maklumat, Border Coordinated Patrol di laut, Joint Development Area Patrol dan latihan dua hala. Komitmen Malaysia untuk keamanan rantau ini telah maju setapak lagi melalui pembentukan

latihan, serta pertukaran maklumat perisikan. Pewujudan Navy-to-Navy (N2N) Talks dengan beberapa negara telah membawa hasil dalam menyebarluaskan kefahaman yang lebih baik antara tentera laut serta membincangkan objektif yang strategik



bagi kedua-dua pihak.

Aktiviti-aktiviti yang mantap seperti latihan ketenteraan dijadikan aktiviti rutin oleh TLDM. Selain itu, demi memanfaatkan peluang meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam TLDM, latihan-latihan ini telah diguna pakai secara meluas untuk meningkatkan CBM dan hubungan persahabatan atau usahasama. Walaupun aktiviti ini dilakukan secara rutin, intipati latihan tetap diselia setiap tahun bagi memastikan ia mencapai tahap, dan bertepatan dengan keadaan keselamatan terkini. Lawatan operasi yang dilakukan selepas latihan ketenteraan digunakan untuk menjalinkan hubungan baik antara tentera laut melalui beberapa aktiviti yang dilaksanakan secara bersama seperti sukan, majlis resepsi atau lawatan ke pangkalan. Setakat ini, terdapat 14 latihan secara dua hala dijalankan setiap tahun yang kebanyakannya melibatkan negara-negara rantau Asia Pasifik. Eksesais CARAT dengan Angkatan Tentera Amerika Syarikat merupakan antara eksesais ketenteraan terbesar yang dijalankan setiap tahun membabitkan ketiga-tiga perkhidmatan dalam dimensi latihan peperangan pelbagai hala. Sebagai satu usaha untuk mengelakkan campur tangan dalam mana-mana kuasa negara atau rejim, dasar pakatan dan persetujuan pelbagai hala Malaysia diterhadkan. Sehingga kini, Five Power Defence Arrangement (FPDA) merupakan satu-satunya persetujuan pertahanan

yang disertai oleh Malaysia. Negara-negara yang terlibat dalam FPDA ialah Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom. Persetujuan ini dimeterai sejak 1971 lagi bagi mempertahankan Semenanjung Malaysia dan Singapura daripada ancaman luar.

Setiap tahun, dua latihan ketenteraan di bawah FPDA akan dijalankan iaitu Eksesais BERSAMA SHIELD dan Eksesais BERSAMA LIMA.

latihan amat memberangsangkan dan latihan tersebut memberikan manfaat dalam mewujudkan suasana yang aman dan selamat.

Walaupun Malaysia mengelakkan diri daripada terlibat dengan persetujuan pelbagai hala, TLDM mempertimbangkan penyertaan bergantung pada keadaan.

Bagi latihan di luar negara, TLDM menyertai latihan ketenteraan seperti



Penganjuran eksesais tersebut diselang selinan antara Malaysia dan Singapura. Setakat ini, penglibatan ahli lain dalam

Eksesais KAKADU di Australia, Eksesais MILAN di India dan Eksesais AMAN di Pakistan. Hasil latihan pelbagai

Bersambung ke muka 22





Oleh: Kept Shamsuddin bin Hj Ludin TLDM

PASUKAN BERPRESTASI TINGGI PASTIKAN KEUNGGULAN TLDM

High performance Team atau Pasukan Berprestasi Tinggi merupakan satu konsep dalam pembangunan organisasi merujuk kepada pasukan atau organisasi yang amat memberi tumpuan kepada matlamat mereka untuk mencapai keputusan yang unggul. Berdasarkan pernyataan berikut, TLDM mengambil inisiatif mewujudkan satu pasukan dalam memastikan keputusan yang unggul dapat dicapai berkaitan pengawalan perbelanjaan dan langkah penjimatan yang akan dilaksanakan sepanjang Tahun 2014.

Pengawalan perbelanjaan secara berhemah, telus dan keutamaan kepada platform, peralatan serta perkhidmatan yang lebih diperlukan adalah satu inisiatif serta matlamat TLDM bagi membolehkan langkah-langkah penjimatan dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan inisiatif mencapai impak maksimum serta tidak mengganggu pengoperasian serta kesiagaan unit dan aset-aset, satu bengkel berkaitan penyediaan Buku Rancangan Perolehan (RP), Senggaraan Pangkalan dan Penyediaan Ketentuan Staf Tentera Laut (KSTL) Program Pertahanan Maritim telah dikoordinasikan oleh Cawangan Belanjawan, Bahagian Material dan Cawangan Pengurusan Projek Peralatan, Bahagian Perancangan Pembangunan, Markas Tentera Laut. Bengkel yang dilaksanakan amat penting kepada TLDM bagi membincangkan menentukan halatuju RP bagi memenuhi keperluan perkhidmatan. Pada masa yang sama, pengawalan perbelanjaan dan langkah penjimatan merupakan matlamat sampingan yang



amat dititikberatkan oleh pihak Pengurusan TLDM.

Bengkel telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 Dis 13 di di Hotel Pullman, Putrajaya melibatkan Panglima-panglima Pemerintahan, Pegawai Memerintah Markas dan Unit, Pegawai Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dan Pegawai Senggaraan dari pelbagai latarbelakang kepakaran berjumlah 52 orang. Bengkel telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin.

Penggunaan konsep High Performance Team di dalam penyediaan Buku RP, Senggaraan Pangkalan dan Penyediaan KSTL Program Pertahanan Maritim merupakan satu langkah terbaik yang mampu memberi banyak manfaat serta faedah kepada TLDM. Penggunaan sumber manusia dalam secara maksimum daripada pelbagai kepakaran, bakat, kemahiran

yang saling melengkap, komited untuk tujuan yang sama melalui sesi perbincangan serta percambahan minda telah diaplikasikan sepanjang bengkel bagi menentukan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2014 dapat dibelanjakan mengikut perancangan dan seterusnya matlamat berkaitan perbelanjaan secara berhemah, telus dan keutamaan pada yang lebih diperlukan dapat dicapai.

Penerapan ciri-ciri High Performance Team semasa bengkel penyediaan Buku RP, Senggaraan Pangkalan dan Penyediaan KSTL Program Pertahanan Maritim membolehkan pencapaian seperti berikut dicapai diakhir bengkel:

- Penyediaan RP yang terperinci yang mampu memenuhi keperluan operasi Markas dan unit serta meningkatkan kesiagaan kapal.
- Skop Kerja Senggaraan Pangkalan bagi pelaksanaan senggaraan ke atas bangunan

pejabat, Rumah Keluarga dan kemudahan yang dapat meningkatkan kesejahteraan Warga TLDM.

- KSTL yang lengkap bagi memastikan perolehan peralatan baru mengikut spesifikasi yang diperlukan sesuai dengan keperluan sebenar.
- Elemen-elemen Integrated Logistic Support (ILS) yang melibatkan aktiviti dan deliverables ILS sahaja yang dimasukkan dalam KSTL seperti dokumentasi teknikal dan bekalan, onboard spares and Support and Test Equipment (S & TE) bertepatan dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) ke-51 yang bersidang pada 24 hingga 26 Jun 13.
- Budaya ‘Cut and Paste’ dalam penyediaan KSTL dapat dihindarkan agar pengguna mengetahui keperluan sebenar peralatan bagi mengelakan peningkatan kos kepada peralatan yang tidak diperlukan.
- Peserta dapat mengetahui proses pengesahan KSTL melalui carta alir dan format penulisan KSTL berpandukan BRL 1940 dan sesi taklimat.



- KSTL dapat disiapkan dalam masa yang singkat kerana unit penaja dapat berinteraksi dan berbincang terus bersama TPTL dan pegawai dari CPP Alat semasa sesi penyediaan dan pembentangan KSTL.
- Peserta dapat mengetahui proses pengesahan KSTL melalui carta alir dan format penulisan KSTL berpandukan BRL 1940 dan sesi taklimat yang diberikan oleh CPP Alat.
- Penambahbaikan dalam pengurusan perolehan dapat dilaksanakan seperti menentukan KSTL dalam simpanan belum dibuat perolehan sahaja diberi

keutamaan terlebih dahulu.

Konsep High Performance Team yang diamalkan semasa bengkel telah memberi pulangan atau outcomes yang dikehendaki. Di samping itu, pelaksanaan bengkel ini dapat membantu perancangan dan pengurusan kewangan di peringkat PTJ di dalam melaksanakan perolehan dan perbelanjaan berdasarkan value for money dan mengikut keutamaan serta memberi pulangan pelaburan (return of investment) yang tinggi kepada TLDM.





KD DUYONG LAHIR PENYELAM TLDM

SEJARAH AWAL

Sejarah KD DUYONG bermula pada tahun 1965, ketika itu dikenali sebagai Pasukan Selam Armada yang berpangkalan di Woodlands, Singapura. Pasukan Selam ini ditubuhkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelaman yang diperlukan oleh Armada ketika itu. Pada awal tahun 1977, Sekolah Latihan Menyelam telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah pentadbiran KD PELENDOK yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kursus menyelam kepada warga TLDM yang berminat untuk menjadi seorang penyelam. Pada akhir tahun 1981, kedua-dua unit ini telah berpindah ke Pangkalan TLDM Lumut.

Di awal penempatannya di Pangkalan TLDM Lumut, kedua-dua unit ini diletakkan di bawah dua unit berasingan iaitu KD PELENDOK dan Markas Armada. Walau bagaimanapun pada masa tersebut, tiada kemudahan prasarana khusus

MEGA

MENGANDUNG KERANA KOLAM RENANG? >>4

MENGHANGATKAN INTIM WANITA >>7

Pemusnah periuk api

Oleh ZAINI RABAN

KEPAKAKAN dia sebagai pasukan Diving Unit terruji ketika mendekati Somalia yang sering disebut sebagai negeri tanpa hukum. Kepantisan pasukan TLDM menyelamatkan kapal dari ledakan bom kapal tangki India dari 1 Januari 2008 dan 1 Januari tahun berikutnya mengentarkan mereka membuka mata banyak keupayaan dan keberbakatannya. Bergakap mengenai ketujuh unit yang memang kecekapan terutama di

Men
kepa



kemudahan asas antara Pasukan Penyelam dan Sekolah Menyelam bagi penjimatan kos pembinaan dan pelaksanaan operasi.

Perasmian Dan Pentaulihan

Pusat Selam TLDM secara rasminya telah ditubuhkan pada 15 Sep 98 dan dirasmikan pada 9 Okt 98 oleh Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Seri Ahmad Ramli Bin Hj Mohd Nor, Panglima TLDM ketika itu. Seterusnya, pada 5 Mei 05, ia ditauliahkan sebagai KD DUYONG oleh Laksamana Tan Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor; Panglima Angkatan Tentera pada waktunya tersebut.

Fungsi Dan Peranan

Sejajar dengan konsep penubuhan KD DUYONG yang menyatukan Pasukan Penyelam dan Sekolah Menyelam, fungsi dan peranan yang digalas oleh unit ini adalah seperti berikut:

Meningkatkan keselamatan piawaian dan pengendalian penyelaman, Pemusnahan Ordnans Letupan (EOD) dan salvage seperti yang termaktub dalam Dasar Menyelam TLDM.

Menyelaras dan menguatkuaskan semua aktiviti selam dalam TLDM demi mendukung keperluan masa depan negara.

Sebagai pihak berkuasa dalam mengeluarkan arahan dan program keselamatan untuk semua aspek penyelaman, EOD dan salvage TLDM.

Mengkaji, menilai dan merumus dasar, doktrin, taktik, prosedur dan jaminan kualiti dalam aspek penyelaman EOD dan salvage yang dilakukan oleh pasukan penyelam.



Melaksanakan pendidikan dan latihan menyelam, EOD dan Mine Counter Measure Diving untuk warga TLDM, ATM, Agensi Kerajaan dan negara-negara sahabat.

Mengumpul dan menilai data-data kelayakan, laporan kekalangan dan kecederaan yang berpuncu dari aktiviti menyelam dan EOD.

Memberi bantuan dan kerjasama kepada agensi-agensi kerajaan dan tentera laut negara-negara sahabat apabila diperlukan.

Bertindak sebagai pusat rujukan negara dalam bidang penyelaman.

Misi

Sentiasa rela hati dan bersedia untuk memberi khidmat berkualiti kepada TLDM, ATM, agensi kerajaan dan juga masyarakat awam.

Moto

Cekap. Menuntut setiap warga selam mahir dalam melaksanakan tugas teras bagi enjamin

kecacatan sifar. Melaksanakan tugas dengan betul pertama kali dan setiap kali (Do it right the first time and every time).

Cerdas. Menuntut setiap warga proaktif dan inovatif dalam melaksana tugas teras. Membudayakan organisasi pembelajaran (Learning Organisation) sebagai amalan sepanjang hayat.

Cekal. Menuntut ketabahan hati dan tidak mudah mengalah walaupun dalam apa jua situasi.



PENCAPAIAN DAN KECEMERLANGAN

1. Dipersijilkan dengan MS ISO 9001:2000 pada 21 Mei 04.
2. Rekod Selaman Dalam (94.1meter) pada 23 Apr 03 dan diakui dalam Malaysian Book of Record.

NAVY DULU - KINI - KELAK: PERSEPSI SEORANG MATEROS



Makalah ini bertujuan menyampaikan pemerhatian provokatif berlandaskan persepsi seorang materos ke atas perkara yang sentiasa diperbincangkan ramai tetapi tidak disampaikan dalam bentuk penulisan sebagai bahan renungan ataupun kajian. Apakah itu persepsi? Istilah ini dapat didefinisi secara psikologi, etimologi dan antropologi namun untuk pemahaman yang mudah, persepsi sosial merupakan suatu proses yang terjadi dalam diri seseorang yang bertujuan untuk mengetahui, menginterpretasi dan menilai orang lain baik mengenai sifatnya, kualitinya ataupun keadaan lain yang ada dalam diri orang yang dipersepsi sehingga terbentuk gambaran mengenai orang lain sebagai objek persepsi tersebut (Lindzey & Aronson). Contohnya, setelah dibadai ombak dan mengharungi beberapa perairan di muka bumi ini, kini sudah tiba masa untuk pelaut ini mengemudikan sebuah meja di tingkat 17, Markas Tentera Laut.

Ada yang mengatakan hanya yang berkaliber akan terpilih untuk berkhidmat di koridor kuasa ini. Persepsi ini adalah kurang tepat kerana sukses tidak terletak hanya kepada kaliber seseorang, jika anda sememangnya seorang insan yang sentiasa berusaha untuk mengejar kecemerlangan maka kedudukan anda di koridor kuasa ini mungkin akan memberi ‘pulangan’ sewajarnya namun jika anda seorang yang hanya berhanyut mengikut arus pasang surut maka natijahnya anda akan merasa bahang yang tidak terhingga. Para pembaca,

saya telah memperkenalkan istilah persepsi dan berusaha memberikan contoh yang mudah untuk difahami bagaimana istilah persepsi ini membentuk dan mempengaruhi pandangan dan pendirian seseorang serta menghasilkan sikap (behaviour) positif/negatif, baik/buruk, sokong/bantah dan pelbagai lagi perwatakan yang mungkin anda telah melihat di dalam kanca perkhidmatan/tugasan seharian.

Dengan menggunakan istilah persepsi ini sebagai lensa (lens) dan lampu suar (beacon) penulisan makalah ini, saya ingin mengupas persepsi ‘Navy Dulu - Kini – Kelak’ bagi membolehkan warga tentera laut sama ada dari peringkat pimpinan, pengurusan ataupun pelaksanaan menilai kewajaran pemerhatian dan pandangan penulis. Dewasa ini, anda mungkin telah mendengar rungutan dan tomahan yang ‘Navy Dulu’ lebih kompeten, lebih komited, lebih fokus dan lebih baik dalam semua aspek yang lain berbanding dengan ‘Navy Kini’. Adakah kenyataan ini benar ataupun hanya satu pendapat yang tidak berasas dan dibuat mengikut emosi? Bagi menjawab soalan ini, saya ingin menggunakan nasihat seorang mantan Panglima Armada iaitu kita sentiasa perlu mencerminkan diri untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan. Dengan itu, saya akan cuba huraikan apa yang dimaksudkan ‘Navy Dulu’ lebih baik berbanding ‘Navy Kini’.

Justeru, apakah faktor yang dikatakan lebih baik dan ini perlu dihuraikan terlebih dahulu. Jika anda melihat environmen tentera laut kini

berbanding dengan suasana tahun 60an, 70an, 80an dan 90an, anda akan mengakui bahawa tentera laut memiliki aset yang lebih canggih, infra struktur yang lebih moden, kelengkapan yang lebih berautomasi, sistem perkhidmatan yang lebih mesra dan pelbagai lagi perubahan yang meningkatkan kualiti kerja serta hidup. Jika faktor-faktor aset, infra struktur, kelengkapan, kewangan dan dasar adalah lebih pada ‘Navy Kini’ berbanding ‘Navy Dulu’, apakah faktor yang menjadi punca rungutan dan tomahan ini?

Menggunakan kerangka 5M iaitu Man, Machine, Money, Materiel and Method, saya hanya dapat merumuskan bahawa faktor yang menjadi punca persepsi negatif di atas adalah anda dan saya iaitu navy people atau warga tentera laut kini. Apakah kelebihan pegawai dan anggota ‘Navy Dulu’ berbanding ‘Navy Kini’? Saya akan cuba menerangkan perbezaan ini berpandukan pengalaman sendiri dan berdasarkan pandangan yang diperolehi daripada mereka yang masih berkhidmat dan yang telah bersara. Kumpulan yang dimaksudkan ini adalah terdiri daripada pegawai kanan, pegawai, pegawai waran, bintara dan laskar dari kedua-dua kategori jantina. Pengambilan saya adalah kumpulan kadet yang pertama untuk menerima latihan asas di Lumut pada tahun 1980 dan pengalaman awal ini telah meninggalkan banyak pembelajaran manis, masam, pahit dan perit.

Namun latihan asas ini telah menguji ketabahan, iltizam, sikap



berjuang, semangat setiaawan dan kepimpinan setiap individu. Kami diajar bahawa untuk menikmati kejayaan, seseorang itu perlu berilmu, berani, berdikari, kreatif, inovatif dan mengharungi semua cabaran tanpa mengeluh atau mengalah. Pergerakan dilakukan secara berkumpulan dengan berkawat ataupun berlari dan bukannya di dalam kenderaan berhawa dingin. Mungkin ada yang akan katakan itu ‘Navy Dulu’ dan ini ‘Navy Kini’ di mana perkara ini adalah perbuatan ‘tidak wajar dengan pendekatan dunia kontemporari’. Persoalan yang perlu dijawab adalah jika seseorang itu tidak diuji dengan cabaran-cabaran sebegini pada titik-titik pembentukan seorang pewira/perajurit muda, mampukah beliau mempamerkan tahap keupayaannya yang diharapkan daripada seorang tentera terlatih untuk menangani dan menghadapi senario yang lebih mencabar di kemudian hari.

Setelah menamatkan latihan asas pada pertengahan tahun 1982, kami telah diperjawatkan di kapal ronda sebagai Pegawai Persuratan, Timbalan Pegawai Persenjataan, Timbalan kepada Timbalan Pegawai Panduarah dan sebagainya. Selain daripada mempelajari kemahiran melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab daripada pegawai atasan, sebahagian besar daripada ilmu yang diperolehi adalah daripada tunjuk ajar anggota bawahan seperti Coxswain, Engine Room Artificer (ERA), Chief of the Boat (COB), Buffer dan Yeoman. Mereka yang berpengalaman dan berdedikasi ini walaupun tegas di dalam pelaksanaan part-of-ship masing-masing sentiasa meluangkan masa untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada yang muda. Mereka ini tidak perlu diberi arahan atau peringatan untuk membuat kerja-kerja yang mereka

telah pun dilatih untuk laksanakan kerana mereka adalah generasi ‘Navy Dulu’.

Walaupun berkelayakan akademik SRP dan SPM/STPM, mereka berupaya mempamerkan sikap profesionalisme yang mengagumkan tentera laut asing dan serantau khususnya di dalam pengoperasian kapal-kapal pembinasa laju dan penyaru ranjau. Kehidupan di kapal amat mencabar bagi seseorang pegawai muda ataupun laskar muda kerana selain daripada berusaha untuk menepati ekspektasi tinggi staf terkanan kapal, mereka juga dikenakan tindakan disiplin seperti Stoppage of Leave, Required Onboard (ROB) Alpha/Bravo/Charlie, Extra Duty, berlari sambil memikul darpa (rattan fenders) dan pelbagai lagi hukuman

Dalam konteks yang sama di ‘Navy Dulu’, tindakan seperti Amaran Panglima /Pegawai Memerintah, kehilangan senioriti atau dilucutkan Pangkat (Dis-rating) ke atas anggota terkanan yang melakukan kesalahan adalah fenomena yang sering kedengaran semasa ‘Navy Dulu’. Tujuannya adalah untuk memperingatkan dan menekankan kepada semua peringkat terkanan bahawa sikap sambil lewa, cuai, tidak professional dan kerja sub-standard dari mereka yang terlatih dan berpangkat tidak akan dimaafkan seperti yang dilakukan oleh mereka yang di dalam latihan. Amalan mendisiplinkan secara tegas ini bukannya bersandarkan kepada hanya satu personaliti tetapi merupakan budaya pencegahan yang disokong semua sama ada di pangkalan



yang kreatif. Tujuannya bukan untuk mendera tetapi menyedarkan mereka yang berkenaan bahawa ketidakpatuhan kepada keperluan perkhidmatan tidak akan diizinkan/dibiarkan (condone) dengan mudah.

ataupun di armada. Pendekatan ‘Navy Kini’ adalah lebih liberal di mana peluang demi peluang diberikan atas sebab perikemanusiaan dengan harapan mereka ini akan berubah sikap namun keberkesanan opsyen ini perlu dikaji secara seriusnya.

Ungkapan ‘there are no bad sailors except bad officers’ jarang sekali diuar-uarkan semasa ‘Navy Dulu’ tetapi ia lebih kerap digunakan di dalam ‘Navy Kini’ dan apakah punca perubahan ini, jika anda terjumpa jawapannya, sila berkongsi bersama. Selain dari ini, Pegawai Waran dan Bintara di ‘Navy Dulu’ pernah diberikan kuasa (empowered) untuk melaksanakan tugas penting seperti Pegawai Bertugas Harian dan Penolong Pegawai Bertugas Anjungan tetapi di ‘Navy Kini’ pengalaman dan kepakaran yang dimiliki mereka dianggap tidak melayakkan kumpulan ini untuk melaksanakan tugas risiko tinggi seperti di atas. Adakah



dengan kelayakkan akademik yang lebih tinggi dan dimantapkan dengan latihan kemahiran yang lebih sistematik, kumpulan Pegawai Waran dan Bintara hari ini tidak setanding dengan rakan sejawat mereka dari 'Navy Dulu'? Adakah cabaran kerja semasa, perluasan penggunaan teknologi dan aset yang canggih membuatkan kumpulan yang digelarkan 'tulang belakang' (back bone) 'Navy Kini' hanya layak untuk melakukan kerja-kerja yang tidak kompleks, kurang mencabar dan berisiko rendah? Adakah persepsi bahawa kualiti perkhidmatan dan prestij serta imej organisasi hanya dapat dijamin dengan penugasan seorang pegawai merupakan satu fakta yang berasas?

Walaupun data dan fakta yang kukuh tidak dapat disediakan untuk mengesahkan andaian seterusnya, ada yang berpersepsi bahawa 'Navy Kini' menghadapi lebih banyak cabaran berpunca daripada insiden-insiden kecuaian, kehilangan, kecurian, penyalahgunaan kuasa, kes tidak berintegriti dan disiplin berbanding 'Navy Dulu' berdasarkan peristiwa-peristiwa dan kejadian-kejadian yang telah berlaku. Kemungkinan insiden di atas turut berlaku semasa 'Navy Dulu' namun frekuensi dan impak kejadian tidak begitu ketara sehingga memerlukan pengarahan khusus dikeluarkan seperti di 'Navy Kini' untuk membanteras peningkatan

ketidakpatuhan di kalangan warga semasa. Adakah warga 'Navy Dulu' lebih mementingkan organisasi daripada ganjaran peribadi dan disebabkan itu, tiada pengarahan khas perlu dikeluarkan untuk menegaskan tindakan punitif bagi membanterasnya. Fenomena ini juga turut diperlihatkan di peringkat kebangsaan di mana wujudnya pengarahan untuk memantapkan keutuhan tadbir urus dan integriti berbanding dengan suasana pasca kemerdekaan di mana pembangunan negara diutamakan. Adakah ini bermakna apabila seseorang 'Navy Kini' apabila terdedah kepada informasi sama ada melalui pengajian tinggi, latihan serba moden, interaksi bebas, media elektronik dan internet berbanding dengan individu dari 'Navy Dulu', sikap dan kelakuan mereka ini akan dipengaruhi oleh elemen-elemen moden ini sehingga mereka mengabaikan kepentingan organisasi dan negara. Besar kemungkinan juga, warga 'Navy Dulu' mengamalkan kehidupan yang lebih simplistic dengan mengutamakan keperluan fisiologi, keselamatan hidup dan kekeluargaan. Generasi 'Navy Kini' mungkin lebih sofistikated dan memiliki cita rasa yang tinggi khususnya dari aspek kemewahan dan kedudukan. Tidak dapat dinafikan di dalam perlumbaan kehidupan seharian, terdapat mereka yang bercita-cita di luar keupayaan dan kemampuan yang mudah terpedaya atau dipengaruhi terjebak

di dalam perangkap tidak berintegriti dan bermoral.

Selain dari ini, ramai orang lama turut mengatakan bahawa pada zaman mereka, setiap tugas perlu dilakukan tanpa pengarahan atau panduan terperinci. Mereka dengan bangga menyatakan produk yang dihasilkan mereka adalah dari usaha kreatif, inovatif dan inisiatif peribadi mereka. Contohnya, waktu zaman pegawai muda di 'Navy Dulu', penugasan yang diterima hanya mengandungi maklumat apa yang perlu disediakan dan bila ia perlu dimajukan/disiapkan. Tiada panduan lain disediakan kerana setiap pegawai muda dikehendaki untuk mencari maklumat tambahan sewajarnya dan memastikan output yang dihasilkan menepati semua kriteria/keperluan pegawai atasan berkenaan. Pegawai Muda 'Navy Kini' pula perlu diberikan mentoring, coaching, facilitation dan sebagainya untuk memastikan kerja-kerja penghasilan mereka menepati keperluan pihak atasan dari permulaan sehingga terhasilnya output mereka. Jika inisiatif ini tidak diambil maka pegawai yang mengagihkan tugas tersebut akan dianggap telah gagal menunjukkan keupayaan kepimpinan yang efektif oleh pihak berkepentingan. Sila rujuk pada carta ciri-cir perbezaan di antara generasi dengan melayari www.wmfc.org/uploads/Generational Differences Chart.pdf untuk





memahami sebab-sebab yang mungkin mewujudkan jurang generasi.

Dengan senario-senario perbandingan yang dibincangkan di atas, adalah diharapkan ia telah memberikan sedikit gambaran berkaitan persepsi yang membezakan ‘Navy Dulu’ berbanding ‘Navy Kini’. Justeru, apakah punca perbezaan ini atau adakah wujudnya sebarang perbezaan di antara kedua-dua fasa iaitu dulu dan kini? Ada yang berpendapat bahawa warga dulu menyertai perkhidmatan tentera kerana mereka lebih berpatriotik kerana terdiri daripada generasi zaman kemerdekaan dan meminati pengembalaan (adventure). Ada pula yang berpendapat warga kini yang lebih berpelajaran dan mementingkan kerjaya serta bermaterialistik. Ada pula yang menghujahkan bahawa paradigma (mindset) generasi tahun 60an (baby boomers: born between 1946-1964) dan generasi ‘X’ (born between 1965-1985) adalah berbeza berbanding generasi ‘Y/Z’ (born between 1982-2001) serta mengesahkan perbezaan ini mewujudkan ‘jurang generasi’ yang mungkin menjadi punca perubahan ‘Navy Dulu’ kepada ‘Navy Kini’. Jika lebih ramai warga lama ditemu bual, besar kemungkinan mereka ini akan memberikan rasional dan teori yang lebih luas untuk memperjelaskan persepsi yang dibincangkan ini.

Selain daripada berkongsi persepektif persepsi ‘Navy Dulu’ berbanding ‘Navy Kini’, makalah ini juga turut membincangkan tindakan yang dapat dipertimbangkan oleh semua peringkat untuk memastikan ‘Navy Kelak’ di masa hadapan tidak dikaitkan dengan persepsi yang menyuarakan bahawa warga tentera laut ‘sekarang’ kurang menyerlah berbanding warga sebelum ini iaitu gabungan generasi ‘Navy Dulu’ dan ‘Navy Kini’. Dengan itu, apakah yang dapat mencegah persepsi ini daripada terbentuk atau menjadi kenyataan? Saya berfirasat bahawa mereka yang berpersepsi sesuatu situasi dulu lebih baik dari masa kini dan seterusnya merisaukan keadaan masa hadapan perlu memainkan peranan yang lebih aktif berbanding dengan hanya berkedudukan atau berpendirian pasif. Bagi mengatur gerakan strategi dan taktik ke arah menghindarkan persepsi ini berlarutan, adalah dicadangkan tindakan-tindakan pencegahan berikut dipertimbangkan (senarai

ini bukan menyeluruh dan mungkin dapat ditambah baik oleh anda):

- Staf terkanan sama ada dari peringkat atasan ataupun bawahan secara kolektif atau berseorangan dengan ikhlas dan sukarela perlu berkongsi pengalaman dan pembelajaran dari ‘Navy Dulu’ dengan mereka dari ‘Navy Kini’ menggunakan mekanisme dialog, buletin, majalah dan media interaksi yang bersesuaian.
- Staf terkanan dari setiap lapisan perlu mengambil kekudukan yang lebih tegas (fair but firm) terhadap insiden-insiden ketidakpatuhan yang kerap berlaku di mana pelbagai usaha peringatan telah pun diberikan tanpa mengkompromikan kepentingan organisasi kerana terpengaruh dengan emosi menegakkan kebijakan ataupun perasaan perikemanusiaan.
- Staf terkanan perlu benarkan generasi ‘Navy Kini’ untuk menyuarakan pendapat dan idea mereka secara kritikal dan terbuka

perlu mengambil kira pembelajaran dari ‘Navy Dulu’.

• Biar apapun istilah jenis atau kategori generasi yang para cendekiawan dan penyelidik akademik menghasilkan daripada pengajian mereka, kesemua jenis generasi ini perlu melalui satu proses mendoktrinkan (doctrination) mereka untuk menjadi satu dan hanya satu generasi warga tentera laut yang sedia berkorban untuk kepentingan organisasi dengan mempamerkan nilai-nilai teras kemuliaan, kesetiaan, keberanian dan kebanggaan yang akan menahan masa dan mengharungi perubahan masa depan.

Adalah diperingatkan bahawa makalah ini adalah berkaitan dengan persepsi maka jika ada yang tidak bersetuju dengan apa yang dinyatakan di dalam penulisan ini, sila ketengahkan pandangan dan pendapat melalui sumbangan penulisan yang dapat memberikan perspektif intelektual yang mungkin mempersembahkan perkara yang dibincang dari pandangan lensa yang



menggunakan media komunikasi yang sedia ada secara terkawal untuk membolehkan ‘Navy Dulu’ memahami dan menghayati bagaimana ‘Navy Kini’ berfikir dan ingin menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

- Usaha atau inisiatif untuk mengubahsuai perkara asas (fundamentals) yang telah diuji masa dan didapati pendekatan yang paling sesuai (time tested and proven) untuk membentuk dan membangunkan warga tentera yang berwibawa, berani, patriotik, setia dan sedia berkorban walaupun dilakukan dengan menanda aras amalan baik negara-negara maju

berbeza. Jika terdapat mereka yang berminat atau tergerak hati untuk melakukan kajian akademik bagi memahami atau mengetahui sebab-sebab wujudnya persepsi ini, besar harapan saya jika makalah ini telah dapat menyediakan input pernyataan masalah yang dapat menyumbang kepada usaha akademik yang bakal dilaksanakan. Sebagai akhir kalam, saya harap penulisan ini telah berjaya mencapai tujuan provokatifnya yang dinyatakan di permulaan makalah ini. Selamat membaca dan renung-renungkan kandungan di atas.

oleh:
Kepten Ganesh Navaratnam TLDM
Pengarah Pengurusan Strategik

PROGRAM SAMBUTAN HARI TLDM KE-80

12 April 2014 (Sabtu)

- 120645 - Program Jati Diri Pelajar Sekolah Menengah Pangkalan TLDM Lumut di Dewan Pusat Kepimpinan
 131730
- 0900 - 1300 Program Menembak Bersama Agensi Kerajaan dan Badan Korporat di Lapang Sasar Abdul Samad

13 April 2014 (Ahad)

- 0900 - 1700 Program Regatta Remaja Maritim di Boat House KD PELENDOK (Ahad)

14 - 26 April 2014 (Sabtu - Isnin)

- 140900 - Program Jiwa Murni -Kesejahteraan Kampung Dato' Seri Kamaruddin
 261300

20 April 14 (Ahad)

- 0730 – 1100 Program Jiwa Murni - Pembersihan Lumut Bandar Tentera Laut di Bandar Lumut
 2045 - 2330 Pertunjukan Pancaragam Sempena Sambutan Lumut Bandar Tentera Laut di Bandar Lumut

23 April 14 (Rabu)

- 2000 - 2300 Majlis Makan Beradat Bintara di Wisma Bintara Lumut
 1000 Hari Bersama Media di Markas Pemerintahan Armada

24 April 14 (Khamis)

- 0730 - 1600 Hari Bersama Media di Markas Pemerintahan Armada
 1000 - 1900 Karnival Jualan Harga Runtuh dan Karnival Halal Hub di PERNAMA

25 April 14 (Jumaat)

- 1000 - 1900 Karnival Jualan Harga Runtuh dan Karnival Halal Hub di PERNAMA
 1200 - 1415 Majlis Tahli dan Khutbah Khas di Masjid An-Nur
 1830 - 2330 Malam Cinta Rasul di Stadium TLDM

26 April 14 (Sabtu)

- 0900 - 1800 Hari Terbuka Armada (HTA) dan Karnival 1 MINDEF di Tambatan Pangkalan Lumut
 2000 - 2300 Majlis Santapan Diraja Bersama DYMM Sultan Selangor di Wisma Samudera

27 April 14 (Ahad)

- 0745 – 1000 Istiadat Penganugerahan dan Perarakan Panji-Panji Rejimen Sempena Hari TLDM Ke-80 di Padang Kawad KD PELENDOK
 1000 - 1800 Hari Terbuka Armada (HTA) dan Karnival 1 MINDEF di Tambatan Pangkalan Lumut
 1010 - 1100 Majlis Ramah Mesra di Auditorium M.Sidek Shabudin
 2015 – 2245 Majlis BBQ Bersama DYMM Sultan Selangor di Wisma Samudera

28 April 14 (Isnin)

- 0820 - 1300 Lawatan Isteri Pesara JLAKS di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Pra Sekolah, Sek Keb TLDM 2, Sek Men TLDM dan Pusat Pembangunan Wanita
 0930 - 1155 Perasmian Bangunan Wisma Suria KDSI I, Pelancaran Buku *Defining Moments* dan Santapan DiRaja di KDSI I
 2000 - 2315 Perlawanan Akhir Piala Zain di Stadium TLDM

29 April 2014 (Selasa)

- 0800 - 1800 Kejohanan Golf Tahunan TLDM 2014 (Kategori Tertutup) di Damai Laut GCC
 0820 - 1430 Majlis Meraikan Anak-Anak Yatim dan Murid-Murid Sek Keb TLDM di KD KELANTAN
 0900 - 1700 Program Derma Darah di Auditorium M.Sidek Shabudin
 0915 - 1100 Lawatan Kebajikan ke 96 Hospital Angkatan Tentera
 1430-1630 Majlis Meraikan Balu TLDM dan Anak Yatim di Pusat Pembangunan Wanita

30 April 14 (Rabu)

- 0845-1130 Majlis Meraikan Kanak-kanak Istimewa di Auditorium M. Sidek Shabudin



Bersambung dari muka 11

hala ini telah meningkatkan profesionalisme dan kebersamaan selain meningkatkan keupayaan pembangunan dalam kalangan warga TLDM melalui showing of the flag.

Dalam konteks Asia Tenggara, TLDM percaya bahawa tentera laut negara ASEAN akan terus memainkan peranannya dalam menyumbang kepada keamanan dan kestabilitan rantau ini. Hubungan ASEAN dengan rakan Dialognya adalah penting dan perlu dikekalkan kerana hubungan ini memperuntukkan rangka kerja bagi perbincangan strategik serta pertukaran pandangan secara produktif dalam pelbagai isu yang mampu memberi kesan kepada rantau ini. TLDM percaya terdapat banyak ruang untuk usaha sama yang lebih erat antara ASEAN dan rakan dialognya.

TLDM juga percaya yang hubungan yang luas dan erat dengan negara-negara jiran akan mencipta satu platform berkesan dalam mempromosikan Domain Maritime Partnership. Hubungan dua hala dan pelbagai hala ialah asas dalam mengintegrasikan usaha kerjasama serantau dalam meningkatkan Maritime Domain Awareness (MDA). Ia boleh dijadikan rangka untuk kerjasama dan perkongsian maklumat MDA serantau. Mekanisma kerjasama serantau yang kuat membolehkan penyebaran maklumat yang lancar dan membawa kepada persefahaman yang lebih jelas mengenai Domain Maritime.

Pengibaran bendera (Showing-off Flags) merupakan tradisi tentera laut di seluruh dunia dan telah dianggap sebagai elemen penting dalam diplomasi tentera laut. Selain menyertai eksesais, TLDM juga mengadakan

lawatan operasi ke pelabuhan di beberapa negara selaras dengan eksesais yang disertai di luar negara. Lawatan tersebut biasanya dirancang bergantung pada kawasan eksesais. TLDM juga mengadakan lawatan pelabuhan ke negara-negara tertentu berdasarkan hubungan baik atau sewaktu latihan pelayaran seperti ASEAN Tour 2005 di mana kapal-kapal TLDM telah melawat enam negara di Asia Tenggara. Penglibatan KLD TUNAS SAMUDERA dalam Tall Ship Race Baltic 2007 di Poland telah meningkatkan imej TLDM di mata dunia. Sambil mengelilingi dunia, KLD TUNAS SAMUDERA dalam membuat lawatan ke 28 pelabuhan di samping menyertai Tall Ship Race yang melibatkan 150 kapal layar dari pelbagai negara di seluruh dunia. Kedua-dua aktiviti ini dilihat memberikan kesan kepada dasar luar Malaysia dan telah meletakkan TLDM di mata dunia.

Lawatan pelabuhan oleh kapal tentera merupakan sesuatu yang penting bagi

sesebuah negara sebagai lambang hubungan diplomatik yang baik dan juga sebagai wahana mempereratkan persefahaman antara negara. Sewaktu lawatan pelabuhan, kapal-kapal tersebut biasanya akan menganjurkan majlis resepsi untuk pegawai-pegawai tempatan sambil memperkenalkan makanan dan budaya Malaysia kepada para tetamu. Lazimnya, TLDM bertindak sebagai ejen pelancongan bagi menarik pelancong ke Malaysia dengan mewujudkan keinginan para

tetamu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Malaysia. Selain itu, interaksi antara warga tentera laut dalam aktiviti sukan dan interaksi anak-anak kapal dengan masyarakat tempatan sewaktu lawatan ternyata memberikan kesan dan perspektif positif mengenai TLDM dan Malaysia kepada masyarakat tempatan.

Dalam pada itu, lawatan daripada tentera luar tetap menjadi keutamaan TLDM. Malaysia yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara dan dalam laluan perairan utama dunia, menerima tidak kurang daripada 40 lawatan pelabuhan setiap tahun. Pelabuhan-pelabuhan di semenanjung Malaysia seperti Langkawi, Pulau Pinang, Lumut, Klang dan Kuantan dilihat menjadi tarikan anak-anak kapal dan telah menjadi menjadi tuan rumah kepada lebih 15,000 anak kapal daripada 70 kapal tentera dari 15 buah negara. TLDM memastikan agar setiap lawatan pelabuhan mendapat layanan yang terbaik bagi mengelakkan perkara yang mampu menggugat imej masyarakat tempatan dan memberikan persepsi buruk kepada pelawat.

TLDM mempunyai kerjasama dua hala dengan hampir kesemua negara ASEAN dan negara lain di luar rantau Asia Tenggara. Kerjasama ini, antara lainnya, meliputi aktiviti seperti N2N Talks, the Naval Working Group, the Coordinated Patrols and Bilateral Exercise. Interaksi dan aktiviti ini mengukuhkan kerjasama dan meningkatkan pemahaman mengenai isu semasa. TLDM akan terus berusaha untuk memupuk hubungan profesional dengan negara-negara jiran di rantau ini. TLDM percaya bahawa kekerapan interaksi dan melaksanakan pelbagai aktiviti dapat memperbaiki kerja sama dua hala.

Menyedari kepentingan Selat Melaka terhadap komuniti antarabangsa, negara-negara pesisir; Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand telah bersepakat untuk menjalankan Malacca Straits Patrol (MSP) secara rutin bagi memastikan keselamatan dan keamanan perdagangan di selat tersebut. Demi menjaga kepentingan masing-masing, negara-negara pesisir telah maju setapak dan mengadaptasikan kaedah yang lebih fokus dalam menangani ancaman keselamatan maritim yang



luar dari kebiasaan di Selat Melaka. Bermula dengan operasi perkongsian maklumat yang mudah, MSP telah berkembang kepada kerjasama yang lebih rumit dan lebih meluas dengan tiga aktiviti utama; Malacca Straits Sea Patrol (MSSP), Eyes-in-the-Sky (EIS), dan Intelligence Exchange Group (IEG). Pembentukan Joint Working Group (JWG), MSP Information System, MSP Exercise, MSP SOPs dan jalinan kerjasama dengan Monitoring and Action Agencies (MAA) telah menjadi satu contoh terbaik yang membolehkan negara-negara pesisir meningkatkan tahap pengendalian secara menyeluruh dalam operasi pelbagai hala dan menambah baik kebersamaan agensi-agensi terbabit. TLDM percaya kejayaan MSP boleh dikongsikan dan dicontoh bagi mempromosikan kerjasama maritim yang lebih luas melangkuui Selat Melaka.

Tentera Laut ASEAN telah maju setapak lagi melalui adaptasi ASEAN Information Sharing Portal (AIP) dan ASEAN Maritime Security Information Sharing Exercise (AMSI SX) yang dimulakan oleh Tentera Laut Singapura dan Indonesia. Dalam pada itu, ADMM Plus Expert Working Group (EWG) on Maritime Security telah mewujudkan ADMM Plus Maritime Security Community Information Portal (AMSCIP). Inisiatif ini memberikan penekanan terhadap usaha tentera laut melakukan tindakan yang membina di samping menambah baik keupayaan untuk bekerja bersama. AIP telah meletakkan sasaran yang jauh ke hadapan dalam mengukuhkan Maritime Domain Awareness dengan menyalurkan laporan dan maklumat dan risikan yang terkumpul kepada rakan kongsi.

TLDM telah menugaskan seorang pegawai di Information Fusion Centre (IFC) di Changi, Singapura. Beliau bertanggungjawab menjadi perantara dengan agensi-agensi Malaysia seperti APMM, Pusat Penyelarasian Pengawatkuasaan Maritim (PPPM) dan International Maritime Bureau Piracy Reporting Centre di Kuala Lumpur. TLDM juga menempatkan seorang pegawai di Combined Maritime Forces (CMF), Bahrain sebagai Senior National Representative (SNR). Penempatan wakil TLDM di pusat berkenaan memainkan peranan penting dalam usaha kerjasama dan perkongsian. Hubung kait antara AIP, AMSCIP dan

IFC tentunya bakal menjadi Jaringan Kecemerlangan dan seterusnya menjadi sistem pengurusan pengetahuan antara negara-negara dalam rantau terlibat.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia menyedari kepentingan kerjasama dalam memromosi kian Global Maritime Partnership (GMP) dan mengetengahkan isu-isu keselamatan maritim. Oleh sebab itu, TLDM menyertai pelbagai simposium dan persidangan. TLDM juga komited terhadap penglibatannya dalam aktiviti pelbagai hala, antaranya termasuklah Western Pacific Naval Symposium (WPNS), Indian Ocean Naval Symposium (IONS), Five Power Defence Arrangement (FPDA), ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus Experts Working Group on Maritime Security (ADMM-Plus EWG MS), ASEAN Regional Forum (ARF) dan ASEAN Navy Chiefs Meeting (ANCM). Confidence Building Measures (CBM) telah terbukti sebagai satu langkah yang paling berkesan dalam mempromosikan keamanan dan kestabilan serantau. Langkah ini juga membentuk rangka kerja operasi dan menjadi dasar

EDISI KHAS HARI TLDM

kepada pelbagai aktiviti di lapangan. Sebagai contoh, pada tahun 1994, TLDM menganjurkan Bengkel WPNS dan Persidangan WPNS ke-4 di Kuala Lumpur. Pada tahun 2006, TLDM juga telah menganjurkan 3rd Mine Counter Measure and Diving (MCME/DIVEX) yang diadakan di Kuantan. Pada tahun 2008, TLDM telah dipilih sebagai pengajur bengkel WPNS dan Persidangan WPNS ke-11 sebelum digantikan oleh Ketenteraan Laut Republik Korea melalui permohonan mereka.

Melalui tema,
Enhancing
Interoperability
and Professional
Cooperation, TLDM
telah meneroka
pelbagai inisiatif
untuk meningkatkan
kefahaman bersama
dalam bidang-
bidang yang akan
memberikan
keuntungan kepada
kepentingan negara-
negara ahli...

TLDM berpeluang menganjurkan Bengkel WPNS ke-21 dan Persidangan WPNS ke-13 pada tahun 2012 di

Kuala Lumpur. Melalui tema, Enhancing Interoperability and Professional Cooperation, TLDM telah meneroka pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kefahaman bersama dalam bidang-bidang yang akan memberikan keuntungan kepada kepentingan negara-negara ahli seperti penubuhan Environmental Working Group, pindaan terhadap Code for Unalerted Encounter at Sea (CUES) dan pelan kerja masa hadapan. TLDM bercadang untuk menjalankan dua aktiviti dengan sasaran





untuk meningkatkan interoperasi dan kerjasama profesional. Aktiviti tersebut ialah Senior Enlisted Working Group (SELWG) yang akan diadakan tahun ini mulai 18 hingga 22 Ogos di Kuala Lumpur, dan LIMA Sea Exercise di Langkawi pada 2015.

Bagi ANCM pula, TLDM telah membentangkan kertas konsep dalam mesyuarat di Manila pada tahun 2013 tentang pengenalan Perjanjian ANCM Plus. Dalam masa yang sama, adalah satu kebanggaan melihat kemajuan yang dicapai oleh ADMM Expert Working Group ke atas Keselamatan Maritim yang dikelolakan oleh TLDM bersama Tentera Laut Diraja Australia. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan di bawah mekanisma kerjasama ini. Latihan Table-Top telah diadakan di Langkawi, Malaysia pada tahun 2012 dan latihan di laut di Jervis Bay Australia pada Oktober 2013. Pelaksanaan kedua-dua latihan ini merupakan satu pernyataan tentang sokongan TLDM terhadap Perkongsian Maritim Global di bawah mekanisme ADMM Plus.

Berbeza dengan WPNS, penyertaan di dalam IONS masih belum diputuskan. Walaupun menyedari kepentingan Lautan Hindi dalam kepentingan strategik Malaysia, untuk berada di "barisan hadapan" adalah sesuatu yang masih belum mampu dikendalikan oleh tentera laut yang kecil seperti TLDM. Walau yang demikian, TLDM berminat untuk memperluas penglibatannya dalam rantau berkenaan pada masa hadapan melalui apa cara sekalipun. TLDM juga ialah peserta yang aktif di dalam persidangan dan seminar serantau dan para pegawai

sering dihantar keluar negara untuk menyertai acara-acara seumpamanya. Aktiviti tersebut telah diiktiraf sebagai sesuatu yang penting dalam mewujudkan kesedaran tentang situasi semasa serta meluaskan perspektif tehadap sesuatu isu. Kemasukan kapal selam dalam armada TLDM pada tahun 2009 juga telah meletakkan TLDM dalam kalangan komuniti pengendali kapal selam. Pegawai-pegawai kapal selam telah menghadiri beberapa aktiviti yang berkait dengan kapal selam di seluruh dunia seperti Asia Pacific Submarine Conference (APSC) di Singapura, Exercise Pacific Reach di Australia dan Exercise of Search and Rescue of Damage Submarine di Itali. TLDM akan menjadi pengelola APSC yang ke-14 yang akan diadakan dari 8 hingga 9 September 2014 di Kota

Kinabalu, Sabah.

...TLDM membuktikan yang ia mempunyai keupayaan untuk melindungi kepentingan negara lebih dari yang dijangkakan...

Selain fokus terhadap mekanisme perkongsian dan kerjasama sedia ada, TLDM berhasrat untuk menyumbang idea baharu yang bertujuan untuk menambah baik tahap usaha sama dan perkongsian maklumat antara Tentera Laut Asia Tenggara. Teknologi telah membolehkan TLDM untuk berkongsi maklumat dalam masa nyata dan meningkatkan akses pelbagai maklumat maritim.

Kejadian di Teluk Aden dan Somalia telah memberi kesan yang ketara terhadap operasi TLDM. TLDM beroperasi beribu-ribu batu jauhnya dari negara melaksanakan tugas pengiring ke atas semua kapal-kapal berkepentingan yang melalui Teluk



Aden. Namun, bertugas terlalu jauh dari negara telah memberikan impak operasi seperti sokongan logistik dan bantuan teknikal. Buat masa ini, hubungan baik dengan tentera laut sahabat telah memberi kesan baik dalam menyokong peranan TLDM di luar negara. Bantuan dan sokongan yang berterusan daripada negara di rantau ini menjadi kunci kepada kemapanan operasi tersebut. Keberadaan kapal TLDM juga telah beberapa kali menggagalkan cubaan rampasan kapal oleh lanun-lanun seperti yang berlaku dalam serangan Kapal China, Zhen Hua 4 dan kapal tangki minyak mentah India, MT

daripada Kerajaan. Strategi tersebut tidak memerlukan kapal perang canggih dengan beratus anak kapal untuk memberikan khidmat perlindungan dengan kos yang tinggi selain daripada hanya dua kapal dagang yang dikendalikan oleh 60 kakitangan setiap satunya untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.

Perkongsian tersebut telah meletakkan kerajaan Malaysia ke satu posisi yang menggalakkan dalam komuniti maritim dan mempromosikan Malaysian International Shipping Corporation sebagai sebuah penyedia

beberapa kaedah dan cara. TLDM mempromosikan Global Maritime Partnership melalui penyertaan yang aktif dalam aktiviti dan inisiatif di bawah pelbagai platform kerjasama. TLDM juga berusaha untuk mengekalkan ikatan dua hala yang kuat dan pada masa yang sama mengekalkan penglibatan yang berterusan dalam forum dan aktiviti-aktiviti pelbagai hala. Melalui perkongsian dua hala dan pelbagai hala, sejumlah besar maklumat dan pelbagai isu maritim boleh dikongsikan. TLDM akan tetap meneruskan peranannya dalam menyokong dan menyertai mekanisme kerjasama sama ada berbentuk dua hala



ABUL KALAM AZAD. Walaupun TLDM tidak menyertai pakatan tentera laut yang beroperasi di kawasan tersebut, pembinaan keupayaan telah diadakan melalui beberapa pertemuan dengan tentera laut rantau berkenaan sewaktu persidangan dan lawatan operasi.

Penubuhan program perkongsian pintar selaras dengan Konsep Pertahanan Menyeluruh juga telah menyelesaikan beberapa cabaran dalam TLDM. Strategi tersebut telah membolehkan TLDM menggunakan kaedah yang berbeza dan tidak memerlukan Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan dana tambahan

perkhidmatan yang mampu melakukan penghantaran secara selamat dan singkat. TLDM membuktikan ia mempunyai keupayaan untuk melindungi kepentingan negara lebih dari yang dijangkakan. Strategi dalaman ini telah membolehkan TLDM meneruskan komitmen domestik dan serantaunya. Jalinan kerjasama strategik dengan komuniti maritim di negara lain perlu lebih diteroka daripada hanya bertumpu kepada usaha kerjasama antara agensi dengan agensi penguatkuasa maritim sedia ada.

Kesimpulannya, TLDM mengendalikan hubungan antarabangsanya melalui


atau pelbagai hala.

Menyedari bahawa isu keselamatan maritim telah menjadi tumpuan antarabangsa dan kaedah kerjasama merupakan kunci dalam menangani permasalahan tersebut, TLDM dijangka akan terus meningkatkan hubungan antarabangsanya dengan negara-negara lain. Penglibatan dengan sebanyak negara yang mungkin dilihat akan memberikan ganjaran dalam usaha mewujudkan persekitaran operasi yang selamat dan perairan yang lebih aman.



Sempena Ulang Tahun Kelima Pengoperasian Op FAJAR di Perairan Teluk Aden, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan MISC Berhad telah menerbitkan sebuah buku berkonsepkan coffee table yang berjudul OP FAJAR: THE MALAYSIAN SUCCESS STORY IN THE GULF OF ADEN di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak hari ini.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein dengan diiringi oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar dan Presiden MISC Berhad, Datuk Nasarudin bin Md Idris. Turut hadir menyaksikan pelancaran ini ialah



MAJLIS PELANCARAN BUKU OP FAJAR THE MALAYSIAN SUCCESS STORY IN THE GULF OF ADEN

Oleh : PW II Normahaily

Ketua Staf Markas ATM; Laksamana Madya Dato' Nasaruddin bin Othman, Panglima Pemerintahan Armada; Laksamana Madya Dato' Abdul Hadi bin A. Rashid dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara; Datuk Mohamed Thajudeen bin Abdul Wahab serta individu-individu penting yang pernah terlibat menjayakan Operasi FAJAR secara langsung dan tidak langsung.

Operasi FAJAR direncana

susulan kejadian rampasan kapal milik MISC Berhad oleh kumpulan lanun bersenjata di Perairan Teluk Aden yang telah menggemparkan negara pada 19 Ogos 2008. Permulaannya, kapal TLDM KD LEKIU dan KD SRI INDERAPURA telah diaturgerak pelayarannya pada 30 Ogos 2008 untuk misi membebaskan krew serta kapal MISC iaitu MV BUNGA MELATI DUA dan MV BUNGA MELATI LIMA. Misi tersebut telah berjaya disempurna dan ditamatkan pada 2 Okt 08 .

Operasi Khas ini diterajui oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan dilaksanakan secara bersama (joint) dengan bantuan elemen Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Operasi ini merupakan Operasi Khas yang berbentuk Military Operation Other Than War (MOOTW) atau Gerakan Ketenteraan Selain Peperangan. Selain kapal TLDM, elemen ATM yang terlibat dalam misi ini ialah Pasukan Khas Laut (PASKAL), Grup Gerak Khas (GGK) TD, Tim Perubatan dan helikopter TLDM dan TUDM.

Kejayaan pelaksanaan misi Operasi Khas ini telah meletakkan ATM sebaris dengan pasukan tentera dari beberapa buah negara maju lain seperti Perancis, Kanada, Denmark, Jerman, England, Amerika Syarikat dan Sepanyol yang menghantar aset mereka untuk beroperasi di kawasan Perairan Teluk Aden. Malahan Malaysia merupakan antara negara terawal menghantar aset ketenteraan ke kawasan ini pada ketika itu. Langkah dan komitmen Kerajaan Malaysia bagi menempatkan aset ketenteraan dalam memastikan kepentingan perdagangan ini telah mendapat perhatian dunia serta dijadikan contoh oleh negara-



negara lain seperti Itali, China dan India yang mana kemudiannya turut menempatkan aset tentera laut mereka di kawasan tersebut. Perkara ini juga turut menyerlahkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang sentiasa mempertahankan keselamatan dan sumber berdasarkan maritim.

Operasi FAJAR kemudiannya diteruskan dengan misi mengiringi kapal-kapal berkepentingan negara yang merentasi Perairan Teluk Aden dengan penugasan kapal KD MAHAWANGSA, KD HANG TUAH, KD SRI INDERA SAKTI dan penugasan semula KD SRI INDERAPURA dalam siri Op FAJAR 2 hingga OP FAJAR 4. Pada siri OP FAJAR 5, pengoperasian BUNGA MAS LIMA selaku kapal auxiliary TLDM telah bermula dengan pelayaran sulung pada 21 Jun 2009. Pengoperasian ini telah melakar sejarah tersendiri apabila pertama kali di Malaysia sebuah kapal dagang ditransformasikan menjadi sebuah kapal Auxiliary TLDM bagi merealisasikan hasrat dan impian negara khususnya ATM dalam mengamalkan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) seperti yang terkandung dalam dasar Pertahanan Negara. Sehingga kini terdapat dua buah kapal Auxiliary TLDM hasil kerjasama strategik di antara TLDM dan MISC yang sedang menjalankan operasi di Perairan Teluk Aden. Pada 8 Ogos 2011 sebuah lagi kapal Auxiliary TLDM iaitu BUNGA MAS ENAM telah dilancarkan bagi penugasan yang sama.

Antara kejayaan dan pencapaian pelaksanaan Op FAJAR ialah:

- Pada 21 Januari 2011, pengoperasian OP FAJAR 8 telah berjaya mengekang cubaan rampasan lanun ke atas kapal MT BUNGA LAUREL di Perairan Teluk Aden.
- Kejayaan pesawat Fennec TLDM dan Kapal Auxiliary BUNGA MAS LIMA dalam mematahkan cubaan rampasan lanun terhadap kapal milik negara China ZHEN HUA 4 pada 18 Disember 2008 dan cubaan rampasan kapal milik negara India MT Abul Kalam Azad pada 1 Januari 2009.



- Keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan kerjasama strategik serta perkongsian bijak di antara TLDM dan MISC melalui Operasi FAJAR jelas terbukti apabila sehingga kini tiada sebarang kes penawanan atau rampasan terhadap kapal-kapal dagang Malaysia di Perairan Teluk Aden sejak operasi dilaksanakan.

Sehingga kini, sejumlah 535 buah kapal berkepentingan kepada negara bernilai melebihi RM91 Bilion yang merentasi Perairan Teluk Aden telah selamat diiringi tanpa sebarang insiden.

Kejayaan ini telah membuktikan keupayaan dan kemampuan ATM untuk beroperasi dalam senario yang





boleh menjelaskan aspek kepentingan negara. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama padu yang digembleng oleh elemen dalam ATM dan pelbagai agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan MISC Berhad. Komitmen tinggi yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani situasi ini telah menjadi pemangkin terhadap merealisasikan konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) merangkumi perkongsian pintar di antara ATM dan syarikat strategik tempatan dalam menangani isu dan insiden di persekitaran maritim.

Pelancaran buku hari ini adalah sebagai usaha TLDM dan MISC Berhad dalam mendokumentkan perjalanan perlaksanaan OP FAJAR. Selain itu, ia juga dijadikan sebagai tanda penghargaan dan kebanggaan terhadap individu-individu yang terlibat dalam siri Op FAJAR secara langsung dan tidak langsung.



Dalam usaha untuk mewujudkan Tentara Laut bertaraf dunia pelbagai usaha telah dijalankan oleh TLDM untuk mencapai matlamat itu, antaranya adalah seperti membangunkan modal insan dan sumber manusia yang berkualiti, mewujudkan pengurusan logistik yang lebih efisyen dan meningkatkan sistem latihan kepada yang lebih baik agar menepati kehendak dan perkembangan semasa. Untuk mencapai matlamat tersebut maka perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah sumber manusia. Umum mengetahui bahawa sumber manusia yang berkualiti adalah merupakan tunjang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, kewujudan Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR) adalah dilihat sebagai tepat pada masanya.

PUSTAKMAR ialah singkatan dari perkataan 'Pusat Taktik Maritim'. Ianya terletak di dalam kawasan Pangkalan TLDM Lumut.



Bangunannya khusus dibina untuk menempatkan satu sistem komputer yang berupaya membantu pengendalian Olahperang dan Latihan Taktik. Tugas utama pusat ini ialah mengadakan kemudahan olehperang untuk unsur-unsur TLDM dan lain-lain agensi berkaitan dan mengendalikan olah perang tersebut samada untuk tujuan melatih ataupun untuk penyelidikan taktik. Pusat ini boleh menampung keperluan simulasi peperangan permukaan bawah air, udara dan elektronika di dalam suasana masa sebenar atau dipercepatkan (Real or accelerated time).

Antara tugas dan tanggungjawab PUSTAKMAR adalah seperti berikut:

- Mengendalikan maklumat taktikal maritim serta menerbitkan risalah berdarjah berkenaan taktik maritim.

- Memberikan pendedahan mengenai taktik peperangan maritim melalui latihan olah perang
- Mengkaji doktrin –doktrin semasa supaya sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi serta taktik peperangan global.
- Membantu untuk melakukan kajian kesesuaian perolehan sistem senjata dan pelbagai kelengkapan maritim.

Semenjak ditubuhkan, PUSTAKMAR bukan sahaja berjaya melatih warga TLDM malah berjaya melatih tentara warganegara asing seperti Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat, Brunei dan banyak lagi. Dalam usaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan, PUSTAKMAR turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk latihan dan pembelajaran seperti Bilik Pengawalan Latihan (Controller Room), auditorium, Sistem Penyelaku Peperangan Berkomputer yang



PUSAT TAKTIKAL TERUNGGUL

Oleh LK PRL Mohd Hafiz Islami bin Mustaffa





menggunakan sistem Action Speed Trainer (ASTT) dan 18 buah Bilik Informasi Taktikal (Kubikel).

TLDM mula bercadang untuk membina pusat simulasi olah perang pada tahun 1977. Satu usaha tender telah dibuat, tetapi apabila penilaian teknikal dibuat didapati sukar sekali untuk memilih sistem yang sesuai. Setelah difikirkan dengan sedalam-dalamnya, TLDM menyedari bahawa perkara ini berlaku kerana kurang pengalaman dan 'expertise' untuk TLDM mengenai alat-alatan seperti ini, Ekorannya, kerajaan bersetuju untuk satu pasukan membuat 'Study Tour' di pusat-pusat Taktikal British, Jerman dan Perancis. Tinjauan ini telah dibuat dalam tahun 1979. Sekembalinya, pasukan ini telah membuat 'Staff requirement' yang mana menjadi asas kepada alat yang ada sekarang ini. Bangunan ini dirasmikan oleh YBhg Laksamana madya Dato' Mohd Zain bin Mohd Salleh, Panglima Tentera Laut pada masa itu.


Pada 2 Okt 03, kontrak Sistem ASTT keluaran STN Atlas telah ditandatangani semasa berlangsungnya LIMA' 2003 di Langkawi. Kontraktor utama ialah Mutiara Dominasi (M) Sdn Bhd dan pembekal ialah Rheinmetall Defense Electronics Jerman yang dahulunya dikenali sebagai STN Atlas. Perlaksanaan projek ini melibatkan menaik taraf bangunan sedia ada dan membina sebuah bangunan tambahan yang bersambung dengan bangunan sedia ada.

Bisnes teras pusat ini ialah pembangunan kemahiran peperangan maritime khususnya di dalam aspek prosedur-prosedur peperangan dan proses membuat keputusan di peringkat taktikal dalam suasana hampir benar. Pada 23 November 1981, kerajaan telah menandatangani kontrak yang bernilai RM20,000,000.00 dengan sebuah syarikat di England iaitu Solartron Simulation Group Ltd untuk alat latihan olah perang dan taktik berkomputer.

Sejajar dengan budaya penambahbaikan berterusan, sistem penyelaku ini telah digantikan dengan sistem yang lebih canggih.

Sistem ini dibekalkan oleh Rheinmetall Defense Electronics (RDE) Ltd, Jerman bernilai RM24.3 juta. Infrastruktur untuk latihan olah perang juga telah ditambah. Sebanyak 9 buah bilik informasi tempur tambahan telah didirikan menjadikan 18 buah kesemuanya iaitu 2 untuk Markas Maritim, 2 untuk Pegawai Rentah Taktis dan 14 sebagai kapal.

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap kredibiliti pasukan maka misi dan visi PUSTAKMAR diwujudkan, antara lain kewujudan misi dan visi ini adalah sebagai pembakar semangat warganya untuk terus berusaha mencapai lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan.





**SELAMAT MENYAMBUT
HARI TLDL
KE-80**

27 APRIL 2014



CABARA KE A MEMBUDA

Segala usaha berterusan dan penat lelah warga Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan (MPPL) TLDM akhirnya terbalas apabila berjaya memperolehi persijilan Persekutaran Amalan Berkualiti Amalan 5S (QE.5S) pada 24 Jun 2013 yang lalu. Persijilan ini diperolehi setelah berjaya mencapai penilaian penuh dalam Audit Persijilan Persekutaran Amalan Berkualiti 5S oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC). MPPL TLDM merupakan salah satu markas yang disenaraikan oleh pihak tertinggi TLDM untuk memperolehi Pensijilan Persekutaran Berkualiti Amalan 5S bagi tahun 2013.

Penganugerahan sijil ini bukan sesuatu yang mudah ibarat memetik jari sahaja. Warga MPPL telah berjuang dari awal tahun 2013 bagi menjayakan hasrat ini. Usaha bermula dengan pelancaran Ke Arah Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S telah diadakan pada 25 Feb 13 oleh Panglima Pemerintahan Pendidikan dan Latihan (PPPL) TLDM, Laksda Dato' Pahlawan Syed Zahiruddin Putra Syed Osman. Tarikh 28 Jun 13 dipilih sebagai sasaran bagi markas memperolehi Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S. Dalam ucapan pelancaran, PPPL TLDM berkata, "Saya berharap Amalan Persekutaran 5S ini dapat dijadikan budaya kerja di sini dan jadikanlah ia satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan secara bersama dan bukannya beban kepada kita,"

Seterusnya warga MPPL terus melaksanakan beberapa program yang perlu bagi melayakkan dipersijilkan oleh MPC. Antara usaha yang dijalankan seperti mengadakan Kursus Kesedaran 5S yang telah disampaikan Tim 5S KD PELENDOK (KDP) diketuai Kdr Chandramohan Balakrishnan TLDM. Kursus yang telah dihadiri 40 warga MPL TLDM itu memfokuskan beberapa tajuk utama merangkumi Pengenalan dan Definisi 5S, Manual 5S, Jawatankuasa 5S dan Pelaksanaan 5S. Kursus ini diadakan bagi memastikan semua warga MPPL TLDM benar-benar faham berkaitan konsep dan amalan 5S. 5S perlu dibudayakan oleh semua pihak dan peringkat bagi memastikan kejayaan untuk dijadikan amalan dalam budaya kerja.

Pada 22 Mac pula, satu gotong royong perdana membabitkan semua warga MPPL TLDM, Jalan Semarak. Gotong royong perdana ini merupakan salah satu aktiviti pra syarat bagi memenuhi kriteria ke arah persijilan 5S selain sebagai salah satu usaha mendidik warga MPPL TLDM supaya sentiasa bersih dan bersistematik dalam kehidupan sehari-hari. Melalui aktiviti gotong royong perdana ini juga mampu untuk melaksanakan 4 peringkat dari elemen 5S iaitu sisih, susu, sapu dan seragam. Dalam masa yang sama MPPL turut mengadakan pertandingan logo Amalan Persekutaran Berkualiti bagi menarik



A large, stylized number '5' graphic is positioned on the right side of the page. It is white with a thick orange outline, set against a dark blue circular background. The '5' is oriented vertically and has a slight shadow effect.

AMAN MPPL CARAHL AYAKAN 5S



minat warga terhadap amalan 5S. Pemenang bagi pertandingan tersebut adalah Lt Kdr Mohd Zulhilmi Jamaluddin TLDM di mana logo beliau akan digunakan untuk logo Amalan Persekutaran Berkualiti 5S MPPL TLDM.

Sebagai persiapan untuk audit dari pihak MPC, satu Audit Dalaman Persekutaran Berkualiti Amalan 5S telah dijalankan oleh Tim Audit KD PELANDOK (KDP) pada 29 Mei 13. Audit yang diketuai oleh Kdr Chandramohan Balakrishnan TLDM dimana markas telah berjaya memperolehi markah 73.1 peratus secara keseluruhan. Markah tersebut menunjukkan MPL TLDM berada di tahap memuaskan yang berjaya memperolehi markah dalam skala empat (70 hingga 90 peratus). Walau pun belum mencapai ke tahap yang memuaskan, dengan sedikit perubahan dan komitmen berterusan MPPL TLDM telah bersedia untuk menghadapi audit sebenar dari pihak MPC.

Hasil usaha berterusan ini akhirnya membawa hasil di mana pada 25 Jun 13, MPPL TLDM telah berjaya memperolehi persijilan Persekutaran Amalan Berkualiti Amalan 5S. Kejayaan ini diperolehi setelah MPPL TLDM telah berjaya mencapai keputusan disyorkan untuk persijilan setelah penilaian penuh dibuat dalam Audit Persijilan Persekutaran Amalan Berkualiti 5S oleh pihak MPC. Hasil audit yang telah

dijalankan mendapat MPPL TLDM telah berjaya mengamalkan aktiviti 5S dengan baik sekali, walau pun masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan.

Upacara rasmi penganugerahan sijil Amalan Persekutaran Berkualiti 5S telah diadakan dalam satu majlis ringkas pada 1 Ogos yang lalu. Majlis telah dihadiri oleh semua warga MPL TLDM dan telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan Jabatan Kecemerlangan Perniagaan MPC Tuan Hj Ab Rahim Yusoff yang mewakili Ketua Pengarah MPC. Belai telah menyampaikan sijil tersebut kepada PPPL TLDM. Persijilan ini juga sebagai satuk kejayaan menyahut cabaran Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar untuk melihat MPPL TLDM dipersijilkan QE.5S pada tahun ini dan ia juga merealisasikan sasaran PPL TLDM, untuk memperolehi persijilan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan kejayaan memperolehi sijil QE.5S MPL TLDM akan memastikan warganya sentiasa mengamalkan amalan ini bagi memastikan kecemerlangan warganya akan sentiasa berterusan. TAHNIAH.

Artikel oleh:

Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM
Pegawai Seksyen Perhubungan
Awam
Markas Pemerintahan
Pendidikan dan Latihan TLDM



Penubuhan Pusat Kepimpinan TLDM (PK TLDM) adalah merupakan aspirasi pucuk kepimpinan TLDM bagi menjana modal insan cemerlang selaku pemangkin dalam pembentukan pemimpin yang unggul dari semua lapisan warga dan organisasi TLDM. Pemimpin

Susulan daripada itu, untuk menyediakan satu kursus yang bermanfaat dan berkesan, PK TLDM telah menujuhkan satu kumpulan tenaga pelajar yang berpengalaman serta bersistematis dengan mengikuti kursus-kursus tertentu sebelum ia dilaksanakan. Sehingga akhir

tahun 2013 sebanyak 48 modul telah berjaya dilaksanakan dan tahun tersebut telah mencatatkan bilangan tertinggi pelaksanaan modul ini.

Kursus ini telah dilaksanakan secara meluas dan melibatkan peserta dari dalam dan luar TLDM. Peserta dari dalam TLDM adalah seperti Unit-unit dan kapal-kapal TLDM yang memohon bagi meningkatkan semangat kerjasama yang kukuh dan berpanjangan di dalam organisasi mereka. Seterusnya, melalui inisiatif PK TLDM dan Bahagian Kesiagaan Markas Pemerintahan Armada satu kursus interim Team Building bagi warga kapal TLDM yang telah selesai rutin pembaikan refit di limbungan yang melaksanakan Latihan Penyesuaian Laut bagi mempertingkatkan efisensi dan kesiagaan operasi selepas rutin pembaikan yang lama. Dengan pelaksanaan kursus ini, ia amat bertepatan dengan kehendak perkhidmatan kerana warga kapal yang mengikuti kursus ini akan diajar dan dilatih membentuk jati diri yang kuat serta mampu mengawal emosi dalam

PUSAT KEPIM

Oleh: BM PBK(I) Noor Azrul bin Mohamad Noor

PENERAJU KURSUS TEAM BUILDING

yang berwibawa diperlukan untuk menghadapi cabaran di era globalisasi ini yang penuh dengan saingan dan cabaran baik dari segi kerja maupun dalam program peningkatan modal insan. Seiring dengan hasrat tersebut, PK TLDM telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan dirasmikan secara rasminya oleh Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Panglima Tentera Laut pada 28 Ogos 2009. Bagi menggalas tanggungjawab ini, PK TLDM menyediakan pelbagai modul kepimpinan termasuk Modul Pembinaan Pasukan (Team Building).

Sejak dari awal penubuhan PK TLDM, Modul Pembinaan Pasukan telah berjaya dijalankan dengan kelulusan pihak pengurusan tertinggi TLDM.

pelbagai situasi serta perlu menjalani ujian pemikiran bagi membentuk warga kapal yang cekap dan terampil dalam mencapai misi dan visi organisasinya.



Kursus untuk agensi luar pula adalah terdiri daripada Summer Camp 3 NBOS 8 Remaja Berwawasan, BAKAT (L), Maktab Tentera Diraja, Sg Besi, Sekolah Menengah Sains Teluk Intan, sekolah-sekolah sekitar Manjung, IKM, Institut Pengajian Tinggi, PKBM (L) peringkat Zon dan kebangsaan. Tidak ketinggalan yang memohon khidmat kursus Team Building dari PK TLDM adalah agensi kerajaan seperti Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan lain-lain bergantung kepada kelulusan pihak tertinggi TLDM.

Asas Keperluan Team Building

PK TLDM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan modul Kursus Pembinaan Pasukan (Team Building) dengan beberapa objektif seperti, memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berterusan di dalam sesebuah organisasi serta membentuk The Navy People yang mempunyai ketahanan fizikal dan mental. Modul ini memberi penekanan terhadap individu untuk berdaya saing dan dalam masa



berketerampilan dan inovatif.

Kaedah Pelaksanaan Kursus Team Building

Dalam usaha untuk melaksanakan Team Building secara berkesan, beberapa langkah perlu diikuti iaitu melibatkan:

Teori. Penyampaian modul yang

Praktikal. Pelaksanaan aktiviti praktikal disampaikan dalam bentuk aktiviti permainan indoor dan juga outdoor. Setiap modul yang diajar akan diselangi dengan permainan indoor games di dalam kelas. Manakala outdoor games akan dilaksanakan di luar kelas. Aktiviti outdoor games terbahagi kepada dua iaitu aktiviti air dan juga darat termasuk

PINANT TLDM

yang sama menerapkan elemen sahsiah dan kerohanian sebagai benteng untuk mengharungi cabaran bagi menyumbang kepada organisasi yang mampan dan seterusnya melahirkan pegawai dan anggota TLDM bersifat pemimpin yang

dilaksanakan adalah berkonsepkan kaedah 4K 1I iaitu Kepimpinan, Kerjasama, Kreativiti, Komunikasi dan Integriti. Setiap modul yang disampaikan menekankan topik yang menjurus kepada kategori peserta kursus yang hadir dan mempunyai objektif yang ditetapkan.

permainan paintball.

Kaedah Penyampaian. Setiap jurulatih atau fasilitator yang ditugaskan untuk menyampaikan modul mempunyai kemahiran berinteraksi dengan peserta kursus. Kesemua bentuk penyampaian teori akan disertakan dengan alunan musik bagi memberi penghayatan yang cukup mendalam dan berkesan kepada peserta kursus.

Jangkamasa dan Modul Kursus. Kursus Team Building ini dikendalikan sepenuhnya oleh jurulatih PK TLDM. Ia direkabentuk untuk dilaksanakan dalam tempoh 3 hari.

Semoga usaha TLDM bagi bagi menjana modal insan yang kredible akan dapat dijayakan dengan adanya PK TLDM sebagai penggerak kepada usaha tersebut.





PENERBITAN JADUAL PELUPUSAN REKOD FUNGSIAN TLDM

KERJASAMA PUSMAS TLDM DAN ARKIB NEGARA MALAYSIA

Posat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM telah ditubuhkan secara rasmi pada 7 April 2009, cetusan idea YBhg Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj. Jaafar susulan kes tuntutan hak kedaulatan Pulau Batu Putih. Posat ini ditubuhkan bertujuan untuk mencari, mengumpul dan menyimpan rekod-rekod sejarah TLDM untuk kegunaan masa hadapan. Kerjasama antara PUSMAS TLDM dengan Arkib

Oleh: Lt Ahmad Syamsuri bin Yatiman @ Abd Fatah TLDM



Negara Malaysia (ANM) telah bermula sejak dari awal penubuhan Tim Nukleus Arkib TLDM. Lanjutan itu, pada 28 Ogos 2009, PUSMAS TLDM dan ANM telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU). Hasil daripada kerjasama tersebut, beberapa aktiviti telah dilaksanakan secara bersama oleh kedua-dua

pihak antaranya:

- Temubual dengan tokoh-tokoh TLDM seperti mantan Panglima Tentera Laut, veteran TLDM era 60-an dan 70-an serta pioneer Pasukan Khas Laut (PASKAL).
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bersama (JKIB) di antara PUSMAS TLDM dan ANM.
- Penganjuran Kursus Pengurusan Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan dengan bantuan tenaga pengajar dari ANM setiap tahun.



Memudahkan akses operasi bagi tujuan ilmiah Rekod TLDM di Arkib Negara

leh SOFIAN BAHAROM
fian.baharom@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Julai - Rang ramai terutama para penyelidik dan geosstrategik ketenteraan boleh mengakses rekod-rekod melibatkan operasi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Arkib Negara untuk tujuan mohon.

Rekod-rekod berhubung pertahanan dan keselamatan maritim, pengurusan serta pengukuran hidrografi, aset serta borang-borang berkaitan TLDM itu boleh diakses selagi tidak diklasifikasi sebagai rahsia.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar berkata, perkara itu berikutan kerjasama sistematis antara pasukan itu dengan Arkib Negara melalui Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (Pusmas) TLDM sejak 2009.

"Sejak tertubuhnya Pusmas pada 27 April 2009, TLDM secara konsisten telah menyalurkan rekod-rekod kami kepada Arkib Negara untuk tujuan pelupusan dan pemeliharaan seperti yang tertakluk pada Seksyen 27(1) dan (3) Akta Arkib Negara 2003," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis memorandum persefahaman (MoU) antara TLDM dan Arkib Negara, di sini hari ini.



ABDUL AZIZ JAAFAR bertukar dokumen dengan Daresah Ismail selepas majlis menandatangani persetujuan bersama antara Arkib Negara Malaysia dan TLDM di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ NASIRRUDDIN YAZID

man (MoU) antara TLDM dan Arkib Negara, di sini hari ini.

MoU tersebut bertujuan memper-setujui dan memperkuat penggunaan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian TLDM (JPR) yang bagi panduan kepada pengurusan rekod ketur-

Yang turut hadir, Arkib Negara, Daresah

Ketua Staf Bahagian Pengurusan Strategik Markas Tentera Laut, Laksamana Pertama Datuk Anuwar Mad Said dan Pengarah Pusmas, Kapten Mohd. Yusri Mohd. Yunus.

Rorohungku IPR. Abdul Aziz berkata,

TLDL, Arkib Negara perkukuh pengurusan rekod

Kuala Lumpur: Pengurusan rekod yang sistematis adalah penting untuk sesebuah badan beruniform kerana ia adalah sumber rujukan bersama semasa dan akan datang bagi berkepentingan negara.

Bagi mengelak rekod penting dan bernilai dilupus secara tidak sengaja, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menggunakan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian yang dibangunkan secara bersama dengan Arkib Negara.

Pelihara data penting

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar, berkata jadual merupakan alat untuk memastikan keberkesanan pengurusan rekod TLDM dalam memastikan data penting dan bernilai dipelihara.

Jadual ini digunakan sebagai panduan bagi pelupusan rekod yang tidak bernal dan rekod yang bernal dalam TLDM. Penghasilan jadual ini akan memberi penjimatan dalam aspek kos, penggunaan peralatan, ruang penyimpanan dan tenaga kerja untuk menyelenggara rekod tidak aktif."

Harapnya jadual pelupusan rekod itu di sini, semalam.

Pengarah Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM,



Abdul Aziz bertukar dokumen dengan Daresah Ismail pada majlis menandatangani Jadual Pelupusan Rekod Fungsian antara TLDM dan Arkib Negara sambil dipерkhidmatkan timbulah Ketua Staf Bahagian Pengetahuan dan Percercajan dan Pengetahuan Arkib Negara, Faridah Israh (kiri) dan Pengarah Pusat Sumber Maritim dan Sejarah TLDM, Kapten Mohd Yusri Mohd Yunus di Wisma Warisan, Jalan Dato' Seri Setiahan, Kuala Lumpur. (FOTO MIMI FADEZAL, HOZAMAH / BHU)

- Bantuan khidmat nasihat oleh ANM berkaitan pengurusan rekod, pembangunan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS), Bengkel Klasifikasi Fail serta khidmat nasihat berkaitan penyimpanan rekod fizikal dan digital.
- Penerbitan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian TLDM.

Sejajar dengan keperluan Seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), PUSMAS TLDM telah membangunkan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian TLDM dengan kerjasama ANM. Jadual ini mengandungi dua klasifikasi utama iaitu Siri 600 (Pertahanan dan Keselamatan Maritim) dan Siri 700 (Pengurusan Pengukuran Hidrografi). Selain itu, jadual ini turut merangkumi pelupusan bagi aset khusus milik TLDM serta Borang Angkatan Tentera (BAT) yang pelupusannya di bawah kawalan TLDM. Setakat ini, TLDM merupakan perkhidmatan

tunggal dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah berjaya membangunkan JPR Fungsian tersebut.

JPR Fungsian TLDM secara umumnya memberi tumpuan kepada aspek pelupusan rekod. Jadual ini digunakan sebagai panduan bagi pelupusan rekod yang tidak bernal kekal dan rekod yang bernal dalam TLDM. Ia juga merupakan maklumat tambahan yang perlu dibaca bersama Manual Pelupusan Rekod TLDM (BRL 90) Edisi

tama TLDM dengan cepat.

"Kalau tiada jadual memang lambat, pihak berkenaan kena periksa dan sedikit rekod-rekod itu."

"Namun dengan adanya JBR, TLDM hanya perlu mengikut apa yang tercatat dalam jadual dan membuat pemisahan kepada rekod-rekod yang banyak supaya yang tidak penting dapat dimusnahkan dan yang penting serta bernilai dipelihara," ujarnya.

Kaedah tersebut katanya, mempercepatkan kerja pengurusan rekod dan menjimatkan ruang bilik rekod sebuah pertubuhan sekali gus menjimatkan kos operasi proses berkenaan.

Beliau berkata, TLDM juga sedang menjalankan kerjasama dengan Arkib Negara dalam proses pengumpulan rekod-rekod bertulis, audio dan visual termasuk menemubual bekas-bekas Panglima Tentera Laut serta bekas pegawai kanan TLDM yang terlibat dalam operasi tertentu bagi dijadikan bahan rekod bersejarah.

"Selain itu, TLDM telah berbincang dan Arkib Negara dan mempertimbangkan penggunaan Sistem Pengurusan Rekod (SPR) bersama-sama. (END)

Kapten Mohd Yusri Mohd Yunus berkata, jadual pelupusan rekod PUSMAS ini setiap markas akan menyimpan dan melupus sesatu dokumen di arkib mereka sendiri.

"Melalui sistem ini, setiap dokument di seluruh markas akan dianharti untuk melupus rekod PUSMAS ini setiap sebulan dan setiap markas akan menyimpan dan melupus sesatu dokumen di arkib mereka sendiri."

berkata Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian itu meliputi beberapa siri rekod utama iaitu menjimatkan peralatan dan kerja-

kanan maritim, pengurusan dan pengukuran hidrograf aset TLDM dan borang angkatan tentera.

Kedua semasa Persidangan Jawatankuasa Penilaian Rekod (JKPR) di markas dan unit TLDM. Selain JPR Fungsian TLDM, JPR Urusan Am serta JPR Kewangan dan Perakaunan yang telah disediakan oleh ANM turut digunakan sebagai panduan. Hasil daripada penerbitan JPR Fungsian TLDM ini dapat memberi penjimatan dalam aspek kos, penggunaan peralatan, ruang penyimpanan dan tenaga kerja untuk menyelenggara rekod tidak aktif.



TLDM akan menyambut ulangtahun ke-80 pada bulan April ini. Jika mengambil kira kehidupan manusia, ia telah memasuki usia lanjut yang penuh dengan kematangan. Antara sedar atau tidak, TLDM sememangnya telah mengorak langkah jauh kehadapan dengan pemodenan aset dan kematangan pengurusan. Semoga kita semua the Navy People akan terus berusaha menyuntik transformasi dan memberi sumbangan maksimum dalam apa jua aspek penglibatan bagi memastikan TLDM terus relevan dan menjadi antara Angkatan Laut terbaik dunia.

April 2014 juga amat bersejarah sekali kepada ESSCOM (East Sabah Security Command). ESSCOM yang merupakan Organisasi ke-64 Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Apr 13 dan

akan menyambut Ulangtahun Pertama pada bulan April ini.

ESSCOM diwujudkan akibat pencerobohan berdarah di Kampung Tanduo, Felda Sahabat, Lahad Datu yang mencatat sejarah hitam membabitkan beberapa wira ATM dan PDRM turut terkorban serta cedera. Ia menjadi organisasi peneraju khusus bagi menjaga kedaulatan dan keselamatan kawasan pantai timur negeri Sabah (ESSZONE) yang meliputi 10 daerah iaitu Kudat, Pitas, Beluran, Kota Merudu, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Walaupun keselamatan menjadi misi utama, aspek lain seperti peningkatan kesejahteraan hidup dan sosio-ekonomi turut menjadi tanggungjawab ESSCOM. Atas dasar itu, ESSCOM dibentuk begitu unik membabitkan gabungan

pegawai kanan dan anggota dari ATM, PDRM, APMM dan awam. Ia dibahagikan kepada 5 bahagian utama.

Semua perjawatan ATM, PDRM dan APMM adalah berlandaskan Perjawatan Kadar. Seiring dengan itu, gaji bulanan Pegawai ATM dan PDRM dibayar oleh JPM. Terdapat 1 x JUSA B, 5 x JUSA C dan 10 x Brig Jen/SAC setaraf di ESSCOM. Bahagian Pertahanan di mana sebahagian besar pegawai ATM diperjawatkan, dianggotai oleh 13 pegawai (9 ATM/4 APMM) yang diketuai oleh seorang Mejar Jeneral dari Tentera Darat. Perjawatan khusus bagi TLDM hanyalah 2 orang iaitu 1 x Kept TLDM dan 1 x Kdr TLDM sementara terdapat 2 x perjawatan bagi Mej/Lt Kdr yang berkONSEPAN terbuka yang boleh diisi oleh mana-mana perkhidmatan. Perjawatan ulung (First Crew) ESSCOM yang diisi oleh pegawai TLDM adalah:

- Pegawai Staf Prinsipal (Laut) – Kept Rusli bin Ahmad TLDM.
- Pegawai Staf Operasi (Laut) – Kdr Noor Azhar bin Borhan TLDM.

Semasa penubuhan, Lt Kdr Hambali bin Md Isa TLDM turut diperjawatkan, namun hanya untuk 2 bulan sahaja sebelum diperjawatkan semula ke KOMLEK. Tugas dan tanggungjawab utama pegawai TLDM antaranya adalah:

- Penasihat kepada Ketua Pengarah dan semua Pengarah ESSCOM berkaitan aspek maritim dan TLDM.



- Menjadi perantara antara ESSCOM dan unit-unit pangkalan serta aset TLDM di laut.
- Wakil ESSCOM pada aktiviti membabitkan maritim.
- Mengkaji prosedur, amalan serta pelaksanaan operasi maritim di kawasan ESSZONE.

Semua tugas berkaitan yang diarahkan Pengarah Bahagian Pertahanan ESSCOM.

Sejak pelancaran sehingga Dis 13, Ibu Pejabat ESSCOM beroperasi dari 6 buah kabin mudahalih yang diletakkan menumpang di Pangkalan Polis Marin Lahad Datu. Namun dari 2 Jan 14, Ibu Pejabat ESSCOM berpindah ke lokasi baru iaitu sebuah bangunan 4 tingkat di Harbour Town, Lahad Datu. Bahagian Pertahanan menghuni tingkat teratas (Tingkat 3).

mengumpul maklumat, menganalisis situasi dan merangka proses kerja baru dan SOP yang lebih berkesan.

Dalam pelaksanaan aktiviti bagi merealisasi pelbagai tugas, banyak cabaran yang perlu ditempuhi. Antara yang utama adalah:

Persisiran pantai yang panjang serta taburan pulau-pulau yang banyak.

Jarak sempadan antarabangsa negara yang dekat.

Terdapat banyak aktiviti jenayah rentas sempadan.

Bilangan PATI yang ramai.

Impak tidak langsung dari situasi keselamatan dan ekonomi negara sahabat.

Bagi memastikan ESSCOM diurus dengan efisien berlandaskan Teras Strategik yang telah diwujudkan beberapa aktiviti sedang dan akan dilaksana.

Meningkatkan ‘interoperability’ di antara komponen ATM, PDRM dan Awam di dalam ESSCOM.

Kajian bagi memperkuuh kawalan maritim dan tindakan susulan di pesisiran laut dan daratan.

Mengadakan “Engagement” dan “Roadshow” di 10 daerah ESSCOM.

Program peningkatan semangat patriotisme dan sosio ekonomi masyarakat tempatan.

Mewujudkan komunikasi strategik melalui penggunaan dan pengawalan Media Baru.

ESSCOM

ESSCOM beroperasi berlandaskan fungsi dan peranan yang disenaraikan dalam Peraturan-peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013 dan telah menggariskan 5 Teras Strategik iaitu:

- Mengukuhkan kawalan keselamatan secara bersepada.
- Meningkatkan keupayaan risikan dan perkongsian maklumat.

- Merancang dan menyelaras penempatan semula.
- Memupuk semangat patriotism.
- Menyela ras pembangunan sosio ekonomi.

ESSCOM telah mengenalpasti beberapa pelan tindak dan sebahagian darinya telah dilaksanakan. Banyak bengkel, perbincangan dan pertemuan telah diatur di antara pihak-pihak yang berkepentingan dan agensi penguatkuasa bagi

Selain dari itu, satu lagi cabaran yang perlu ditangani adalah bagi menyelaras prosedur yang standard bagi pelbagai agensi yang beroperasi di ESSCOM. Selain dari ATM, PDRM dan APMM terdapat beberapa agensi lain yang juga melaksanakan penguatkuasaan di ESSZONE iaitu Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Laut, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Malaysia serta RELA. Setiap agensi mempunyai bidang kuasa, prosedur tetap operasi dan kekangan masing-masing. Bagi memastikan tiada pertindihan atau kelompongan dalam pelaksanaan tugas, beberapa kolaborasi terpaksa diwujudkan.

Pada 6 Jan 2014, JPA melalui Waran Perjawatan Bil. A5 Tahun 2014 bth 6 Jan 14 telah meluluskan perjawatan tambahan seramai 153 orang menjadikan kekuatan terbaru ESSCOM kepada 199. TLDM akan memperolehi tamabahan 4 perjawatan baru. (1 x Laksma, 1 x Lt Kdr, 1 x PWII, 1 x BM, 1 x LK).

Merancang penempatan semula penduduk di kampung air & setinggan.

Bagi memudahkan semua aktiviti ESSCOM dihebahkan dan maklumat serta fakta yang betul disampaikan pada umum, satu website ESSCOM telah diwujudkan. Ia boleh dilayari di <http://esscom.gov.my>.



PELANCARAN PENGOPERASIAN KOMPLEKS MILITARY COMMUNITY TRANSFORMATION CENTRE (MCTC) PANGKALAN TLDM LUMUT

DISEMPURNAKAN OLEH:

YBHG. PANGLIMA TENTERA LAUT
4 MAC 2014M BERSAMAAN 2 JAMADILAWAL 1435H



SOKONGAN TLDM DALAM PROGRAM NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

Oleh: Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM/
 Lt Fazlan Fahme bin Puzi TLDM/ Lt
 Muhammad Firdaus bin Ahmad Darwis
 TLDM/ Lt Dya Mohd Azanshah bin
 Kamaldin TLDM/ BK TNL Saiful bin
 Selatha/LK PBK Ahmad Tarmizi bin
 Zainol

National Blue Ocean Strategy (NBOS) atau Strategi Lautan Biru merupakan satu pendekatan baru yang tidak memperlihatkan sebarang persaingan untuk pertumbuhan dan pembangunan negara. Ia telah diilhamkan oleh Perdana Menteri

Datuk Seri Najib Razak pada tahun 2009, NBOS telah menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru mengikut acuan Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dengan kadar cukai yang rendah.

Melalui NBOS, perkhidmatan awam kini melaksanakan program kerajaan menerusi pendekatan yang lebih kreatif, inovatif dan kolaboratif. Kerjasama dan usaha kolaboratif

antara agensi bukanlah sesuatu perkara baru tetapi, menerusi NBOS, perkongsian dan kerjasama ini dapat dipertingkatkan, yang mana setiap pihak berkepentingan mampu mengoptimalkan sumber terkumpul bagi mencapai hasil yang lebih baik.

Sejak itu, sepanjang tahun 2013 TLDM telah melaksanakan beberapa program dengan kerjasama beberapa kementerian dalam usaha untuk menyokong saranan kerajaan dalam mencapai NKRA Negara.

KERJASAMA DENGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

1. Program Community Policing Sempena Sambutan Aidilfitri PDRM-TLDM

Program Community Policing sempena sambutan Aidilfitri bersama masyarakat Manjung anjuran PDRM - TLDM telah diadakan di Dewan Merdeka Seri Manjung, Perak pada 25 Ogos 2013. Tema program ini ialah The Man in Blue and The Man in White. Majlis ini telah diserikan lagi dengan kehadiran OBJ Manjung YDH Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Abdul Wahab bin Dato Seri Azizul Hassan Orang Besar Jajahan Manjung, ADUN

Pasir Panjang YB En. Rashidi bin Ibrahim, Ketua Polis Perak Dato' Pahlawan Mohd Syukri bin Tahlan, Panglima Armada Laksda Abdul Hadi bin A.Rashid, Panglima Sistem Armada Laksda Dato' Hj Khairuddin bin Khalid dan Panglima Bantuan Laksma Abdul Aziz bin Md Sani.

Sebanyak 4 daerah dari Perak telah terpilih untuk menjayakan NBOS iaitu Ipoh, Taiping Pengkalan Hulu dan Manjung. Daerah Manjung melibatkan kerjasama di antara PDRM dan TLDM. Dalam ucapan, Ketua Polis Perak telah menyarankan bahawa keselamatan negara adalah agenda utama negara beliau turut

berterima kasih kepada pihak ATM dalam penglibatan membantu operasi bersama PDRM.

2. Program Community Policing - Projek Jiwa Murni

Markas Wilayah Laut 3 (MAWILLA 3) bagi mewakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Langkawi telah mengadakan satu Program Gotong-royong yang dianjurkan sepenuhnya oleh TLDM sempena Program NBOS 8 – Joint Communication Of PDRM & ATM di Kampung Raja, Mukim Padang Matsirat, Langkawi pada 14 Disember 2013.

Tujuan Program Joint Communication

Of PDRM & ATM diperkenalkan untuk memaklumkan masyarakat mengenai kerjasama erat yang terjalin di antara ATM dan PDRM di bawah Program NBOS yang dilaksanakan.

Program Gotong-royong tersebut telah bermula pada jam 0730H dan berakhir jam 1400H. Program ini dimulakan dengan acara pemotongan riben sebagai simbolik pembukaan program yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah KD SULTAN BADLISHAH, Kdr Syanaz bin Ibrahim TLDM selaku wakil TLDM dan Sarjan Mejar Abdullah bin Abdul Samad selaku wakil PDRM.

Seramai 200 orang terlibat terdiri daripada anggota TLDM, PDRM dan warga kampung telah sama-sama menggembung tenaga bagi menjayakan ini. Aktiviti gotong-royong telah dilakukan di Balai Raya Kampung Raja, Masjid Lama Padang Matsirat dan di Kawasan Tanah Perkuburan Kampung Raja. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah membaik pulih balai raya yang telah usang, mengecat dan membersihkan masjid, membersihkan kawasan tanah perkuburan dan mengindahkan kawasan persekitaran.

Program gotong-royong ini juga memperlihatkan satu program yang besar kerana telah disokong oleh agensi kerajaan lain di Pulau Langkawi seperti Majlis Perbandaran Langkawi dan Pejabat Daerah Langkawi. Ianya juga mencerminkan keprihatinan pihak kerajaan khasnya TLDM dalam membela nasib rakyat yang memerlukan bantuan.

3. Program Community Policing - Projek Jiwa Murni

Program Jiwa Murni Joint Community PDRM- ATM turut dilaksanakan di pantai peranginan Teluk Senangin pada 23 dan 24 Disember 2013. Program ini telah disempurnakan

bersama oleh YBhg Timb Ketua Polis Perak DCP Dato' Paramasivam A/L Arunasalam, YDH Toh Muda Orang Kaya-kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Abd Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan dan Panglima Bantuan Perkhidmatan Laksma Khairuddin bin Mohd Arif. Program ini telah dijalankan sehingga jam 1300H dan rata-rata penduduk kampung Teluk Senangin amat gembira dengan kehadiran pihak PDRM dan TLDM pantai peranginan mereka bertambah cantik sekaligus memperlihatkan anggota keselamatan yang bukan sahaja komited dalam tugas malah sentiasa memberi pertolongan kepada yang memerlukan.

4. Program Derma Darah

a. Dengan Kerjasama yang telah terjalin, PDRM dan ATM turut melaksanakan Program Derma Darah Joint Communication PDRM & ATM. Program ini telah diadakan telah diadakan di Dewan Serbaguna PDRM, IPD Manjung pada 23 Disember 2013. Program ini telah dikoordinasikan oleh Pusat Perkhidmatan Komuniti (PUSPEK) Markas Bantuan Perkhidmatan bersama PDRM, IPD Manjung. Program derma darah telah disertai seramai 101 orang dimana 73 dari kalangan anggota TLDM dan 28 anggota PDRM.

Pada sebelah petang pula acara telah diteruskan dengan acara sukan iaitu bola jaring, bola tampar dan bowling bertempat di Kompleks Sukan TLDM dan Mutiara Armada (PERNAMA). Secara keseluruhan program ini bukan sahaja telah mengeratkan hubungan antara pihak PDRM dan TLDM malah ianya telah memberi impak yang amat sinonim dengan peribahasa sepakat membawa berkat. Program

sebegini bukan hanya mengeratkan silaturahim malah PDRM dan TLDM dapat berkongsi pendapat dan pandangan dalam memastikan kawasan Manjung sentiasa dalam keadaan aman dan damai.

b. Sebelum itu, program yang sama juga turut dilaksanakan di Pusat Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu Sabah. Program derma darah ini telah dirasmikan oleh Senior DCP Datuk Wira Hj Hamza bin Taib Pesuruhjaya Polis Sabah. Hadir sama menyaksikan majlis ini Panglima Wilayah Laut 2 (PWL 2) Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohammad Rosland Omar dan Laksamana Pertama Zulhelmy bin Ithnain Panglima Angkatan Kapal Selam (POKAS).

Program ini telah mendapat sambutan baik dari warga ATM dan PDRM di mana seramai 360 orang penderma telah Berjaya menyumbang untuk mengisi tabung darah hospital negeri Sabah. Kerjasama yang kita mulakan ini akan berterusan di masa mendatang demi kebajikan dan keselesaan rakyat Malaysia tetap menjadi keutamaan Pasukan Keselamatan Negara



KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bertitik tolak dari Program Second Wave Of Blue Ocean Policing: Uniformed Policing 2 ini telah dilancarkan di bawah National Blue Ocean Strategy 8 pada 14 November 2012 yang lalu, satu program telah dirangka dalam usaha mengurangkan indeks jenayah negara. Program Remaja Berwawasan merupakan inisiatif yang keempat bertujuan menangani masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Terdapat tiga agensi utama yang

telah melaksanakan program ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Agensi-agensi lain seperti Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Penjara Malaysia, One Malaysia for Youth (1M4U) juga turut memberikan kerjasama, khususnya dari segi pelaksanaan Program Remaja Berwawasan.

Program Remaja Berwawasan merangkumi dua jenis aktiviti iaitu latihan dua minggu sekali dan



aktiviti berkelompok yang dikenali sebagai Summer Camp. Manakala bagi program Summer Camp pula pelaksanaan adalah seperti berikut:

- Summer Camp 1. Diadakan pada 7 Mac hingga 10 Mac 2013 di Kem Wirajaya Forest Resort, Sungai Congkak, Hulu Langat, Selangor yang melibatkan 100 murid.
- Summer Camp 2. Diadakan pada 26 Mei hingga 31 Mei 2013 di PUSASDA Port Dickson di mana seramai 1,600 murid telah terlibat.
- Summer Camp 3. Diadakan pada 7 hingga 12 Nov 2013 di Pangkalan TLDM Lumut melibatkan 450 murid bagi negeri Perak dan 478 murid negeri Kedah terlibat di Kolej Tentera Udara (KTU) Alor Setar.

Kumpulan sasaran bagi program Remaja Berwawasan ini adalah

terdiri daripada murid dari tingkatan 2 hingga 5 dengan penglibatan 40 murid daripada setiap sekolah. Murid ini didedahkan dengan pelbagai modul kursus termasuk ketenteraan, motivasi dan kaunseling, kemahiran individu dan kumpulan, kepimpinan dan kerohanian.

Bagi Summer Camp 3 yang telah diadakan di Pangkalan TLDM Lumut, TLDM telah melaksanakan aktiviti seperti lawatan ke kapal KD HANG TUAH, lawatan ke Penyelaku Anjungan KD PELANDOK (KDP), Pusat Selam TLDM (KD DUYUNG), demonstrasi ikhtiar hidup, latihan kawat dan aktiviti kecergasan fizikal melibatkan larian berhalang, larian di sekitar pangkalan dan aktiviti berjalan lasak. Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan ceramah motivasi dari Pusat Kepimpinan TLDM (PK TLDM), PDRM dan KPM.

Sepanjang aktiviti berlangsung, pihak pengajar telah mengadakan beberapa pertandingan dalam usaha meningkatkan semangat dikalangan para peserta. Bagi aktiviti berkawad telah dimenangi oleh SMK Seri Teja, Kintar Selatan manakala SMK Rapat Setia, Kintar Utara telah memenangi aktiviti explorace dan larian berhalang di menangi oleh SMK Bukit Jana, Larut Matang.

Fasa Pertama program Remaja Berwawasan adalah terdiri daripada 10 buah sekolah yang terpilih daripada 42 buah sekolah bagi

negeri-negeri di bawah NKRA iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Bagi Fasa Kedua yang melibatkan 32 buah sekolah lagi (daripada 42 buah sekolah yang dikenalpasti bagi negeri-negeri di bawah NKRA), dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan April 2013 hingga Jun 2013. Bagi sekolah-sekolah daripada negeri-negeri bukan NKRA iaitu Kedah dan Perak (sebanyak 28 buah sekolah) ianya dilaksanakan mulai Ogos 2013 hingga Oktober 2013. Jumlah sekolah dan Perkhidmatan yang bertanggungjawab ke atas sekolah-sekolah bagi pelaksanaan Program Remaja Berwawasan adalah seperti berikut:

- TDM - 20 buah sekolah.
- TLDM - 10 buah sekolah.
- TUDM - 9 buah sekolah.
- PDRM - 31 buah sekolah.

Program ini diharap akan dapat memberi kesan jangka masa yang panjang dalam usaha untuk menangani gejala pelajar yang kurang berdisiplin. Usaha dan komitmen yang berterusan dari pelbagai pihak melalui pelbagai pendekatan yang dizahirkan melalui program ini diharapkan dapat memastikan gejala yang tidak sihat yang melanda sebilangan pelajar sekolah dapat diatasi.

KERJASAMA DENGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan

Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 JBPM telah diadakan Padang Kawad Pangkalan TLDM Lumut mulai 18 hingga 21 Ogos 2013. Acara tahunan ini merupakan kerjasama dari JBPM dan pasukan Bomba KD MALAYA dari TLDM bertujuan berkongsi ilmu pengetahuan tentang tugas-tugas sebagai anggota bomba yang professional.

Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Kawad Kecekapan

JBPM telah disempurnakan oleh Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak YB Dato' Saari bin Mohammad di Marina Hall Lumut pada 22 Ogos 2013. Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Pengarah JBPM YAS Dato' Wan Mohd Noor bin Hj Ibrahim. Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri Selangor telah muncul juara dalam pertandingan ini dan secara tidak langsung pertandingan ini telah memberi impak yang amat positif dalam inisiatif Nasional Blue Ocean Strategy (NBOS) di mana tentera



sentiasa membantu badan-badan kerajaan yang lain dalam menjayakan sesuatu acara.

2. Pameran Bomba TLDM Bersama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Bersempena dengan Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 Bomba TLDM dan JBPM telah menganjurkan pameran bersama bertempat di perkarangan Mutiara Armada (PERNAMA). Pameran tersebut bermula dari 18 hingga 19

Ogos 13. Pameran ini merupakan kesinambungan daripada Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 yang diadakan di Padang Kawad Pangkalan TLDM Lumut. Kerjasama erat ini merupakan pencapaian TLDM di dalam mencapai inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS). Pameran ini dikoordinasikan oleh pihak Bomba KD MALAYA dan JBPM Negeri Perak.

Sebanyak 8 buah kenderaan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dipamerkan iaitu Hazmat, Marigus TTL, Rescue Revicle Vehicle,

Kenderaan Bermotor, kenderaan Forensik Kebakaran, Bas Pameran, Scania Fire Tender dan Fire Support Tender. Manakala bomba TLDM telah memperkenalkan 4 buah kenderaan iaitu 2 buah Hydrolic Platform, Water Tander dan Combine Water Tandet. Para pengunjung berpeluang menaiki kenderaan bomba dan diberi pendedahan tentang bidang tugas-tugas serta peralatan yang digunakan oleh anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pameran yang berlangsung selama dua hari ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

PELANCARAN DAN PENUBUHAN PUSAT SEHENTI 1MVAP (1 MALAYSIA VETERAN ACCESS POINT)

Majlis Pelancaran 1MVAP (1Malaysia Veteran Access Point) dirasmikan oleh YB Dato Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia pada 3 Okt 13 Di Pangkalan Udara Butterworth. Seramai 650 Veteran ATM serta tetamu jemputan yang hadir dalam pelancaran tersebut di Pusat Sehenti Veteran 1Malaysia TUDM Butterworth telah terpilih bagi pelancaran tersebut. Seramai 50 pesara ATM menerima Pingat Jasa Malaysia dan 2 pesara ATM penerima bantuan kerusi roda. Sumbangan Hari Pahlawan juga telah disempurnakan sebanyak 5 buah syarikat swasta serta individu berjumlah RM 7500.00.

Program pengiktirafan Veteran 1Malaysia telah di putuskan dalam Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) yang di pengurusan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Jun 12 bertujuan memberi bantuan holistik kepada veteran ATM dengan memanfaatkan sumber-sumber di agensi kerajaan dan sektor swasta melalui latihan dan penempatan kerja, peluang perniagaan dan membantu keluarga.

1Malaysia Veterans Recognition Programme(1MVRP) telah mengenal pasti 8 kumpulan sasar iaitu Veteran, Pesatuan Veteran, Tentera dan Pegawai yang masih dalam

perkhidmatan, Pelatih dan Peserta latihan di PERHEBAT, Keluarga Veteran dan Sektor Swasta dalam membangunkan idea dan strategi. Pada 15 Dis 12, 1MVRP telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Kuala Kangsar Perak.

Peranan 1MVAP sebagai One Stop Center Veteran ATM memberi perkhidmatan di 31 kem seluruh negara dan telah beroperasi pada tarikh pelancaran 26 Sep 13. 1MVAP di Pangkalan TLDM Lumut Pusat Perkhidmatan Komuniti(PUSPEK) dan KD Sri Sandakan telah beroperasi hingga kini dan 3 anggota yang telah ditugaskan setiap unit. Perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:

- Rujukan atau pertayaan
- Pendaftaran Veteran ATM
- Mendapatkan borang-borang permohonan berkaitan Veteran ATM
- Pendaftaran permohonan pekerjaan
- Membantu JHEV Cawangan Negeri melakukan lawatan kebajikan
- Membekal Buletin JHEV
- Mengumpul maklumat aktiviti Veteran setempat dari Persatuan/ Kelab Veteran

1MVAP PUSPEK telah memproses segala permasalahan serta borang-borang yang berkaitan semenjak ditubuhkan bagi perasa ATM sekitar Lumut melalui JHEV Negeri Perak. Waktu urusan Isnin hingga Khamis jam 0900 – 1300 dan Jumaat minggu ke - 2 dan ke - 4 urusan ke JHEV Negeri Perak.



PETA STRATEGI 2013-2020

Tentera Laut Diraja Malaysia



Misi: Melindungi Kedaulatan dan Kepentingan Maritim Negara


Nilai kepada Pelanggan: Sedia Berkorban

Visi: Tentera Laut Bertaraf Dunia

Teras Strategik 1
Keupayaan Angkatan:
(Menyediakan Angkatan Laut yang selaras dan kredibel)

Teras Strategik 2
Kecemerlangan Operasi:
(Mencapai kecemerlangan dalam pelaksanaan operasi dan eksesais)

Teras Strategik 3
Perhubungan dan Penglibatan Strategik:
(Mengerakkan jaringan pertahanan dua hala dan pelbagai hala)



14 OBJEKTIF STRATEGIK Tentera Laut Diraja Malaysia

- | | |
|----|--|
| 1 | Kesiagaan Tertinggi |
| 2 | Sumber Yang Dioptimumkan |
| 3 | Kecemerlangan Tadbir Urus |
| 4 | Kerjasama TLDM dan Awam Yang Padu |
| 5 | Polisi dan Doktrin Yang Relevan |
| 6 | Operasi dan Eksesais Yang Berkesan |
| 7 | Kerjasama Pertahanan Yang Progresif |
| 8 | Peperangan Informasi dan Interoperability Komunikasi Yang Berkemampuan |
| 9 | Aset dan Infra Yang Mampan |
| 10 | Bantuan Logistik Yang Berkesan |
| 11 | Budaya Kecemerlangan Yang Berterusan |
| 12 | Pasukan Simpanan Yang Aktif |
| 13 | Pengurusan Modal Insan Yang Dinamik |
| 14 | Warga Yang Bermotivasi |

Bersambung dari muka 5

Dalam menjaga kepentingan perairan negara, jelas TLDM telah membangunkan keupayaan yang bersesuaian. Sehubungan itu, TLDM telah membangunkan sebuah konsep yang merangkumi 20 tahun perancangan pembangunan keupayaan TLDM atau dikenali sebagai Blue Plan 2030. Perancangan ini termasuklah Program Perolehan, Program Modernisasi, SLEPS dan Program Infrastruktur. Blue Plan ini turut diselaraskan dengan Program Pembangunan ATM atau dikenali sebagai 4DMAF. Menjelang tahun 2030, TLDM akan mempunyai kekuatan ketenteraan dan keupayaan yang seimbang dan mencukupi. Namun, keadaan ekonomi negara perlu dikaji dari semasa ke semasa untuk merealisasikan perancangan ini.

Perancangan masa hadapan TLDM bertumpu kepada Return of Investment (ROI) yang merangkumi Pengurusan Sumber Manusia serta pengembangan dan pembangunan tenaga kerja. Tambahan itu, TLDM memperakui the Navy People merupakan aset TLDM meskipun memiliki persenjataan yang terbaik. Sehubungan itu, pembangunan, senggaraan dan penjagaan peralatan

perlu seja jar dengan pembangunan modal insan. Berdasarkan kepada konsep right man for the job, semua warga TLDM mempunyai peluang dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi menerusi pendidikan di dalam dan luar negara sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD). Melalui matrik Sumber Manusia, ROI akan diukur sebagai tindakan pemuliharan. Inisiatif ini akan dapat dicapai menerusi kaedah latihan seperti Competency Based Training and Assessment (CBTA), e-pembelajaran dan TLDM sebagai organisasi

berkembar dengan universiti tempatan dan luar negara serta keadah latihan di simulator. Semua kaedah ini merupakan usaha TLDM dalam menjadikan warga TLDM mempunyai pendidikan bertaraf dunia kerana kehebatan TLDM tidak diukur melalui aset melainkan melalui keupayaan pemikiran warganya. Justeru, TLDM sedang menaik taraf dan membangunkan semula kemudahan dan infrastruktur latihan pegawai dan anggota di Pangkalan TLDM Lumut serta perolehan dua buah kapal latihan untuk meningkatkan latihan armada.

TLDM berhasrat untuk mengubah warganya bertaraf global di masa hadapan. Sehubungan itu, satu evolusi sedang dilaksanakan dalam mengubah armada sedia ada kepada armada yang lebih maju menjelang tahun 2030 dengan kehadiran kapal selam, LCS, kapal sokongan pelbagai fungsi, kapal sokongan atau kapal pengangkut minyak, kapal latihan, kapal ronda generasi baru, helikopter anti kapal selam dan pesawat tanpa pemandu (UAV). Justeru, armada pada masa hadapan akan dapat membuktikan keupayaan TLDM dalam mengawal dan menjaga kepentingan negara. Kini, kerajaan



pembelajaran, program





Malaysia telah membeli LCS dengan keupayaan Anti Peperangan Kapal Selam (ASW) dalam Rancangan Malaysia ke-10 untuk melengkapkan pengoperasian kapal selam. TLDM turut berhasrat untuk membeli helikopter ASW bagi memaksimumkan keupayaan pengoperasian kapal selam dan Special Purpose Helicopter (SPH) untuk membantu pasukan khas. TLDM merancang untuk membeli lebih banyak kapal Frigat di bawah program Frigat Kedua yang sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pembelian ini perlu dilaksanakan secara berkala bergantung kepada keadaan ekonomi negara.

Bagi mencapai kecemerlangan operasi dan eksesais, TLDM telah menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi dalam negara seperti Agensi Pengawalseliaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan sebagainya. Melalui kerjasama ini, tahap perkongsian maklumat juga meningkat dan hasilnya semua isu dan cabaran yang dihadapi dapat dikurangkan.

Dalam menghadapi cabaran seperti bencana alam dan asymmetrical warfare telah mendorong negara-negara di seluruh dunia untuk

mengatur semula keupayaan strategi dalam memastikan kedaulatan negara dan persempadanan maritim terkawal dan selamat. Dalam kes TLDM, lanun Somalia di Teluk Aden dan peningkatan krisis kemanusiaan dalam negara dan juga antarabangsa seperti tsunami, gempa bumi dan banjir telah meningkatkan kemampuan TLDM dalam

Military Operations Other Than War (MOOTW) untuk mengimbangi keupayaan di waktu aman dan perang. Dalam aspek ini, TLDM perlu memiliki sekurang-kurangnya dua buah kapal sokoang dan pelbagai fungsi

(MRSS) untuk Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR), Service Protected Evacuation (SPE) dan bantuan logistik jarak jauh.

Sejajar dengan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) seperti yang ditetapkan dalam Dasar Pertahanan Negara, TLDM berjaya



membangunkan program smart-partnership bersama Malaysian International Shipping Cooperation (MISC). Ia adalah kolaborasi antara sektor awam dengan sektor swasta sebelum kewujudan Strategi Lautan Biru (NBOS) yang diperkenalkan oleh kerajaan di seluruh negara. Perkongsian ini melibatkan pengubahan dua buah kapal MISC kepada kapal auxiliary TLDM. Kapal ini dikendalikan secara bersama oleh krew MISC dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kehadiran dua buah kapal ini sebagai kapal pengiring bagi misi mencegah pelanunan di Teluk Aden amat bermanfaat berbanding menggunakan kapal perang sedia



ada. Hasilnya, ia telah mengurangkan kos operasi dan TLDM mampu untuk melaksanakan tugas hakiki di samping memberi peluang kepada warga simpanan TLDM menyertai operasi sebenar.

Inisiatif ini telah menarik perhatian International Maritime Organisation (IMO) dan menganugerahkan TLDM dengan anugerah keberanian khas iaitu 'Exceptional Services Rendered to Shipping and Mankind'. Di peringkat kementerian pula, program smart-partnership antara TLDM dan MISC telah memenangi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan di bawah Kategori Pengurusan Projek pada tahun 2010. Manakala di peringkat kebangsaan pula, program ini merupakan salah satu dari enam finalis yang terpilih ke Anugerah Inovasi Kebangsaan 2011.

Dalam menggalakkan penglibatan dan perhubungan strategik dua hala, TLDM telah menjalin hubungan pertahanan bilateral dan multilateral dengan negara ASEAN dan juga negara di luar Asia Tenggara seperti Australia, Perancis, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Kerjasama serantau ini melibatkan N2N Talks, Naval Working Group, Coordinated Patrol dan Eksesais. TLDM juga komited dan sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti

multilateral seperti Western Pacific Naval Symposium (WPNS), Indian Ocean Naval Symposium (IONS), Five Power Defence Arrangement (FPDA), ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus Experts Working Group on Maritime Security (ADMM-Plus EWG MS), ASEAN Regional Forum (ARF) dan ASEAN Naval Chiefs Meeting (ANCM).

Setelah 80 tahun kewujudannya, TLDM telah berkembang menjadi sebuah pasukan tentera laut yang mempunyai keupayaan untuk

beroperasi dalam semua dimensi peperangan dengan kehadiran kapal selam sebagai aset strategik. TLDM akan sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti dan inisiatif kerjasama. TLDM juga sentiasa mengekalkan hubungan bilateral dan multilateral bagi tujuan perkongsian maklumat dan juga isu maritim. Selain itu, TLDM berusaha menyumbangkan idea-idea baru bagi meningkatkan tahap perkongsian maklumat dalam kalangan tentera laut dunia.





THE NAVY







PROGRAM PERCAMBABAAN ILMU DAN KEMAHIRAN DIRI MENCUNGKIL BAKAT TERPENDAM ISTERI DAN ANAK-ANAK THE NAVY PEOPLE

Sejajar dengan peranan BAKAT yang bertujuan untuk menjaga kebaikan dan hal ehwal keluarga anggota-anggota tentera, BAKAT Laut telah merencanakan beberapa aktiviti yang memberi manfaat kepada isteri-isteri serta anak-anak the navy people. Antara aktiviti tersebut adalah aktiviti yang berkONSEP PENAMBahan dan Peningkatan pengetahuan ahli-ahli dalam hal ehwal pengurusan rumah tangga, pengetahuan am dan aspek-aspek sosial dan kemasyarakatan serta program berbentuk akademik di kalangan anak-anak.

Setiap aktiviti yang diatur telah mendapat kelulusan daripada semua ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Laut yang telah bersidang terlebih dahulu. Aktiviti yang dianjurkan mengambil kira dari segi aspek keberkesanannya sesuai aktiviti, keutamaan mengikut sasaran kumpulan dan kesinambungan yang bertenusan. Dalam masa yang sama, konsep perbelanjaan berhemah diamalkan bagi tahun 2014 ini agar tiada pembaziran berlaku.

Aktiviti-Aktiviti Bermanfaat

Antara aktiviti yang telah dijalankan anjuran BAKAT Laut pada tahun 2014 ini adalah Bengkel Kraftangan fasa kedua pada 26 hingga 28 Mac yang lalu bertempat di Rumah BAKAT Laut Kuala Lumpur. Seramai 9 orang ahli BAKAT



Laut daripada semua formasi telah dipilih untuk menyertai bengkel kali ini. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada bengkel pertama yang telah dianjurkan oleh BAKAT Laut pada tahun lepas. Peserta yang menghadiri bengkel ini juga merupakan ahli-ahli BAKAT yang telah dipilih khas berdasarkan hasil tugas masing-masing yang telah diberikan oleh Tenaga Pengajar semasa bengkel yang pertama dahulu.

Peserta Bengkel Kraftangan fasa kedua ini telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori Asas Pembuatan

Bunga Dip dan Bunga Manik yang dikendalikan oleh Puan Siti Khalijah bte Abd Aziz, Kategori Sulaman Benang yang dikendalikan oleh Puan Evelyn Khoo dan Kategori Sulaman Manik dan Labuci oleh Puan Saridah bte Ibrahim. Ketiga-tiga Tenaga Pengajar ini merupakan ahli BAKAT Laut yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman luas dalam bidang masing-masing.

Objektif pengajuran bengkel ini adalah untuk menjana kemahiran kraftangan yang dimiliki oleh ahli-ahli BAKAT Laut di samping merealisasikan hasrat BAKAT Laut untuk mewujudkan satu produk untuk setiap formasi. BAKAT Laut sentiasa mementingkan pendidikan dan kemahiran untuk ahli-ahlinya bagi membantu mereka manjana pendapatan keluarga dengan kemahiran yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh BAKAT Laut.

Hasil daripada bengkel yang telah dilaksanakan, ahli-ahli yang terdiri daripada isteri-isteri the navy people berupaya menghasilkan kerjatangan dengan usaha sendiri. Ianya bukan sahaja dapat dijadikan hobi bagi mengisi masa yang terluang malah dapat menjana pendapatan tambahan seisi keluarga.



BAKAT bukan sahaja untuk manfaat para isteri malahan kepada anak-anak the navy people. Antara aktiviti yang disediakan adalah Pertandingan Spelling Bee yang diadakan khas untuk anak-anak The Navy People yang merupakan aktiviti tahunan BAKAT Laut. Pertandingan telah dilaksanakan di peringkat formasi pada pertengahan bulan Mac untuk memilih calon-calon yang akan bertanding mewakili formasi semasa Pertandingan Akhir Spelling Bee pada 17 Mei 14.

Spelling Bee adalah suatu pertandingan di mana para pesertanya diminta untuk mengeja kata-kata yang ada dalam Bahasa Inggris. Pertandingan ini telah bermula di Amerika Syarikat dan sekarang telah berleluasa di banyak negara, termasuk Malaysia. Semasa Spelling Bee, peserta akan diuji ketangkasannya dalam mengenal kata-kata dalam Bahasa Inggris dan ejaannya.

Pertandingan Spelling Bee yang dianjurkan BAKAT Laut ini memang menarik lebih-lebih lagi apabila melibatkan anak-anak dari pelbagai peringkat umur. Keperluan penyertaan yang ditetapkan mengikut kategori umur mewajibkan penyertaan anak-anak dari setiap formasi sekurang-kurangnya 2 peserta dari setiap



kategori. Peringkat saringan yang dilaksanakan mendapat sambutan menggalakkan dari warga The Navy People yang menyenaraikan nama anak masing-masing untuk penyertaan. Adakalanya telatah yang ditonjolkan di kalangan peserta mencuit hati para juri dan hadirin. Namun, jelas tergambar perasaan gemuruh di wajah setiap peserta sebelum soalan diajukan. Walau bagaimanapun, dengan kebijaksanaan Bee Master yang berperanan untuk melontarkan perkataan untuk

dieja, suasana menjadi ceria dan berjalan dengan lancar.

Hasil dari program berbentuk akademik seperti ini bukan sahaja dapat mempertingkatkan ilmu Bahasa Inggeris di kalangan para peserta malahan ianya dapat memberi pendedahan kepada mereka terutama dalam meningkatkan keyakinan diri.





Penglibatan wanita di dalam bidang muzik dan kepakaran pancaragam jelas menunjukkan bahawa TLDM sentiasa memberi peluang terhadap golongan wanita untuk mencuri apa jua bidang yang sentiasa dimonopoli oleh golongan lelaki. Keupayaan yang ditanjolkan oleh golongan wanita di dalam TLDM telah memberikan kepercayaan terhadap organisasi TLDM untuk memberi dan membuka lebih peluang terhadap wanita. Harapan LK II PGM Nur Syaitina Azwin dan LK II PGM Nurul Atika serta rakan seperjuangan yang lain adalah agar suatu hari nanti mereka dapat menerajui Kumpulan Pancaragam Pusat TLDM dan mengharumkan nama serta imej TLDM khasnya dan ATM amnya.

Antara penglibatan kumpulan pancaragam wanita ini adalah:

- Persembahan drumline sempena Pembukaan Karnival Sukan 1 KD PELENDOK.
- Pancaragam mengiringi Perarakan Bendera Kejohanan Sempena Pembukaan Kejohanan Mini Olimpik TLDM 23/14 di Kompleks Sukan Pangkalan TLDM Lumut.
- Pancaragam mengiringi Perbarisan Mingguan KD PELENDOK.
- Pancaragam mengiringi Majlis Makan Beradat Sempena Penutup Kursus Bendari dan Kulinari Fakulti Bekalan KD PELENDOK.
- Pancaragam sempena Penutup Karnival Sukan Fakulti Bekalan KD PELENDOK.
- Pancaragam mengiringi Perbarisan Pegawai Memerintah KD PELENDOK.
- Pancaragam mengiringi Perbarisan Ulang Tahun Peristiwa Lahad Datu Di Pantai Saujana Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Persembahan pancaragam sempena Program Citrawarna Pulau Pinang 2014 Di Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

PANCARAGAM WANITA BUKTI KEMAMPUAN





Catatan Kenangan

BAKAT Laut Bahagian 2 di BUMI TURKI

...menjadikan kami berasa sungguh bertuah sekali. Air laut yang tenang dan kebiruan serta cuaca yang cerah tetapi bersepoi bahasa menambahkan lagi gelagat peserta rombongan berposing dengan berbagai aksi. Riu rendah dengan gelak ketawa dan inilah yang dicari...setelah penat bekerja dan mengumpul duit untuk ke sini, kami benar-benar hiburkan hati dan lupakan segala lara di jiwa..

Jam 1900C - Makan malam dan seterusnya istirehat dengan kenangan indah. Hari pertama yang memahat seribu satu kenangan. Esok tiba membawa cerita baru....

3 Mei 13 (Jumaat)

Jam 0900C - Melawat ke Perge, Ancient City. Menyaksikan runtuhannya yang dulunya merupakan tempat kediaman dan deretan kedai masa zaman Osmaniyyah. Masing-masing tidak melepaskan peluang bergambar di celah-celah runtuhannya bersejarah. Walaupun cuaca agak cerah namun kehangatan suria tidak begitu memeritkan....

Jam 1130C Hari makin panas

tetapi lawatan tetap diteruskan ke Stadium dan Roman Gate. Sisa binaan dan runtuhannya yang sungguh besar dan masih lagi digunakan sehingga ke hari ini menjadi tumpuan para pelancong. Sempat bergambar bersama pelakon-pelakon berbadan sasa bersama pakaian ala pahlawan dahulukala. Terasa seperti di dalam filem Troy la pulak....

Jam 1300C Makan tengahari di sebuah restoran yang terletak di sebelah Sungai Euromedon. Apalagi, masih menu yang sama, roti, salad dan juga kebab. Tekak dah mula tak mau menerima. Nasib baik ada bekalan sambal bilis dan rendang tok yang dibawa oleh ahli rombongan. Selesai makan, sempat juga kami bermain air di tepi Sungai Euromedon yang sungguh cantik dan bersih. Airnya berwarna hijau, amat sejuk dan deras sekali. Klik klik, kamera tak berhenti berbunyi...

Jam 1430C - Lawatan ke Aspendos Ancient Theatre dan Side Ancient City. Hari ini kami memang letih berjalan menyaksikan runtuhannya bersejarah yang banyak terdapat di

bandar Antalya. Senyum tak perlu kata apa-apa...

Jam 1530C - Dalam perjalanan balik ke hotel, singgah di tapak Air Terjun terindah di Antalya iaitu Air Terjun Dudem. MasyaAllah....seolah kami berada di syurga jadian, sejuk dgn rembesan air deras dan kami lalu di pesisiran aliran air yang bergerak laju tetapi menerbitkan pemandangan yang sungguh menakjubkan..

Jam 1830C - Balik ke hotel untuk istirahat dan berkemas untuk bertolak ke Istanbul pula pada kesokan hari. Hari yang penuh dengan kepuasan walau badan lelah capik kerana jauh perjalanan..

4 Mei 13 (Sabtu)

Jam 0700C - Sarapan pagi di hotel dan terus check out.

Jam 0900C - Menyaksikan pertunjukan fesyen di Butik Natural. Melihat model-model jelita dan tampan menggayakan jaket kulit dan beg tangan kulit menyemarakkan keinginan untuk membeli ditambahkan lagi harga yang amat berpatutan. Akhirnya, ramai yang sarat membimbhit keluar beg yang memuatkan barang-kulit bersama senyuman yang terukir dibibir tanda kepuasan yang tak terhingga. Hati seorang isteri, walau suami jauh di mata, tidak pernah lupa untuk memberikan buah tangan berharga kepada yang tersayang...

Jam 1030C - Singgah pula di Kedai Batu Permata. Wanita dan perhiasan tak mungkin boleh dipisahkan. Masing-masing sibuk membelek cincin dan perhiasan yang dipamerkan. Kedai riuh dengan suara tawar menawar antara ahli rombongan dengan pemilik kedai. Di hujung acara, dapat juga membeli cincin yang berkenan di hati dengan harga yang berbaloi.



Jam 1300C Makan tengahari sebelum bergerak ke Lapangan Terbang Antalya.

Jam 1840C - Tiba di Istanbul.. Kami disambut mesra oleh Lt Kdr Mohd Nahar bin Othman TLDM yang merupakan Pembantu Penasihat Pertahanan di Turki. Seterusnya kami dibawa ke hotel penginapan dengan bas yang telah sedia menunggu.

Jam 2100C - Check in hotel dan makan malam sebelum beristirehat sepenuhnya untuk aktiviti pada keesokkan hari pula.

5 Mei 13 (Ahad)

Jam 0900C - Melawat ke Istana Topkapi. Istana ini dahulunya adalah merupakan pusat pentadbiran Empayar Osmaniyyah. Irtinya ini adalah pusat pemerintahan empayar Islam yang terbesar dan terakhir merangkumi tiga benua iaitu Eropah, Afrika Utara dan Timur Tengah. Keindahan binaannya amat memukau mata. Selain menjadi tempat kediaman Sultan dan kaum kerabatnya, ia juga lengkap dengan bangunan pentadbiran, kolej pentadbiran, masjid, pavilyun, perpustakaan, tempat mandi awam dan satu ketika dahulu dihuni oleh seramai 4,000 orang dan membentuk seolah-olah bandar di dalam bandar.

Jam 1130C - Melawat Hague Sofea. Muzium ini merupakan salah satu binaan yang terpenting di Istanbul. Muzium ini pada asalnya adalah merupakan Gereja Besar dan telah ditukar menjadi

masjid semasa pemerintahan Fatih Sultan Muhammad. Namun di zaman pemerintahan Kamal Atartuk pula, ia telah ditukar menjadi muzium sehingga kini. Satu lagi binaan yang membuat pengunjung terpegun melihat keindahan seni binanya.

Jam 1330C Melawat Masjid Biru (Blue Mosque). Masjid ini turut dikenali sebagai Masjid Sultan Ahmed. Masjid ini digelar sebagai Masjid Biru kerana limpahan cahaya daripada 260 buah tingkap kaca yang bewarna warni di sekeliling kubah menjadikan warnanya seakan biru. Sebaik sahaja melangkah ke dalam masjid suasana tenang dan damai menyapa diri. Di kiri kanan mihrab masjid, terdapat dua batang lilin gergasi yang digunakan untuk menerangi dewan masjid. Mengunjungi masjid ini memberikan seribu ketenangan yang tidak terhingga kepada semua pengunjungnya. Selain bersolat, orang ramai dibenarkan untuk bergambar di dalam masjid. Besarnya kekuasaanMu....

Jam 1430C - Singgah sebentar ke Byzantine Hippodrome yang terletak di sebelah Masjid Biru. Hippodrome sebenarnya adalah stadium yang digunakan untuk pelbagai acara sukan terutama yang paling popular adalah sukan lumba kuda. Namun, ianya adalah antara bangunan yang paling teruk dijarah ketika Tentera Salib menduduki kota Istanbul. Ia rosak teruk dan hanya tinggal beberapa tugu yang menghiasi bahagian tengah litar perlumbaan. Tiada lagi bentuk strukturnya yang dapat dilihat hari ini.

Jam 1500C - Melawat Istana Dolmabahce. Istana ini pernah didiami oleh Sultan Abdul Majid diikuti oleh sultan-sultan Empayar Osmaniyyah seterusnya oleh Kamal Ataturk sehingga hari kematiannya. Ketika sampai ke sini, para rombongan telah keletihan kerana terlambau penat berjalan semasa lawatan sebelumnya. Masa yang ada pun terlalu singkat. Sekali lalu, kami hanya mampu berlegar-legar di sekitar istana dan mengambil gambar. Kepenatan memang tak terkata....namun sesi bergambar di luar istana tetap ada kerana takkan dilepas peluang merakam kenangan berada di perkarangan istana ini...

Jam 1800C - Balik ke hotel untuk makan malam dan bersiap untuk acara malam pula.

Jam 2030C - Di sebelah malam, kami dibawa menonton pertunjukan tarian di sebuah restoran yang agak terkenal di Istanbul. Sambil menyaksikan persembahan tarian dan nyanyian, kami turut dihidang dengan minuman ringan dan kekacang sebagai kudapan. Keletihan berjalan di siang hari seakan hilang melihat tarian gelek penari yang memukau setiap penonton yang hadir.

6 Mei 13 (Isnin)

Jam 0800C - Bertolak ke Bursa dengan menaiki bas. Perjalanan menuju ke Bursa mengambil masa agak panjang iaitu selama 3 jam. Ada yang berbual untuk mengisi masa dan ada juga yang mengambil kesempatan untuk sambung tidur. Dalam perjalanan kami juga



menaiki feri dan cuaca pagi itu sungguh nyaman dengan hembusan angin laut yang nyaman..

Jam 1130C - Melawat ke Masjid Ulu Camii. Masjid ini turut dikenali sebagai Masjid Hijau. Kami dibawa melawat di sekitar masjid dan peluang ini digunakan untuk mengambil gambar sebagai kenang-kenangan. Masjid ini juga sangat indah buatan binaannya di mana terdapat pancuran air di tengah-tengah masjid dan para pengunjung juga dibenarkan mengambil gambar..

Jam 1230C - Makan Tengahari di Restoran Alexandra Kebab. Kebab lagi tapi kebab ayamnya sedapp..

Jam 1330C - Melawat Masjid Yesil Camii dan Solat Zuhur di masjid ini.

Jam 1400C - Acara yang ditunggu-tunggu. Membeli belah di pusat belah Silk Market. Pelbagai barang hiasan rumah sehingga pakaian dan juga peralatan rumah boleh didapati disini. Naik rambang mata kami untuk memilih. Semuanya berkenan di hati. Akhirnya, masing-masing pulang dengan beg barang penuh di tangan.

Jam 1600C Bergerak pulang ke hotel dengan senyuman yang terukir di bibir....

7 Mei 13 (Selasa)

Jam 0900C - Tiba di Jeti Eminonu. Menaiki cruise untuk merentasi Selat Bosphorus. Pengalaman yang benar-benar dinanti. Bosphorus adalah

sebuah selat yang menghubungkan Laut Marmara dan Laut Hitam dan terkenal sebagai salah satu tempat yang terindah di dunia. Selat ini menyediakan panorama semulajadi yang cukup indah, menyusuri laut yang membiru sambil mendengar kicauan burung camar. Keindahan yang kami saksikan ini pastinya akan terus terpahat di sanubari selamanya.

Paling indahnya bukan sahaja di Malaysia menyambut Hari Ulangtahun Kelahiran YBhg Tan Sri tapi kami di Turki di atas bot lagi meraikan sambutan hari jadi isteri tercinta AKS RANOP, YBhg Datin El Liza semasa pelayaran ini. Di kejauhan, kami doakan kesejahteraan dan kebahagiaan untuk Panglima Tentera Laut yang kami kasih.

Jam 1100C -Membeli belah di Spice Bazaar. Semuanya ada disini. Istanbul diibaratkan seperti syurga membeli belah bagi para pelancong yang datang ke sini. Pelbagai barang dengan aneka pilihan sedia untuk dijual. Cuma perlu pandai menawar sahaja. Kami gunakan kesempatan ini untuk membeli ole-ole buat keluarga dan teman-teman yang ditinggalkan...

Jam 1430C -Kami dibawa ke Grand Bazaar pula. Ini adalah merupakan aktiviti membeli belah kami yang terakhir sebelum berangkat ke lapangan terbang pagi esok. Masing-masing berlumba menghabiskan Lira dan Dolar yang ada untuk membeli. Bak kata pepatah "alah membeli menang memakai". Pepatah lagi baru dari para isteri, " biar menyesal membeli , jangan

menyesal tak beli"...

Jam 1800C -Kembali ke hotel. Malam ini tugas kami adalah untuk mengemas pakaian dan barang yang dibeli. Janganlah sampai kena excess baggage pula nanti...

8 Mei 13 (Rabu)

Jam 0930C - Semua berkumpul di lobi hotel untuk bergerak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Ataturk.

Jam 1230C -Check in. Alhamdulillah, dengan bantuan Penolong Penasihat Pertahanan, urusan check in berjalan dengan mudah dan lancar sekali. Tiada lebihan muatan yang dikenakan. Semuanya tersenyum legaaa....

Jam 1530C - Kapal terbang berlepas ke Malaysia. Turki yang indah kami tinggalkan dengan seribu satu kenangan manis yang tak mungkin kami lupakan selamanya. Segala pengalaman dan kenangan manis di bumi Turki akan terus abadi selamanya di lipatan sanubari kami....

9 Mei 2013 – Jam 0630 - Kami telah berda di Malaysia tanah airku... syukur, perjalanan kami berjalan lancar dan masing-masing puas dan gembira walau pada hakikatnya badan letih tidak terhingga....





Bagi menjalankan jaringan kerjasama yang baik dan harmoni antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan tentera laut negara luar, pelbagai usaha meliputi program-program antarabangsa seperti aktiviti eksesais serta latihan telah dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya. Program-program antarabangsa ini jelas dapat memberikan impak yang besar dalam memartabat dan meningkatkan imej TLDM. Hal ini dapat dilihat seperti penglibatan KD JEBAT dalam Eksesais Triton Centenary Fasa 1 dan 2, Asean Defence Minister's – Plus Maritime Security Field Training Exercise (ADMM-Plus MS FTX) dan International Fleet Review (IFR) 2013 di Australia merupakan antara program yang berjaya dikordinasikan.

Eksesais Triton Centenary 13 (TC 13) Fasa 1 & 2

Sebagai wakil tunggal negara, KD JEBAT telah menyertai Eksesais Triton Centenary 13 Fasa 1 yang berlangsung pada 19 hingga 28 September 2013 manakala Fasa 2 pada 11 hingga 18 Oktober 2013 di Eastern Australia Exercise Area (EAXA) dan di sekitar perairan Jervis Bay. Selain Malaysia, Australia, Amerika

Syarikat, Jepun, Perancis, Sepanyol, Indonesia, Thailand, Brunei dan New Zealand juga turut serta. Setiap negara mewakilkan sebuah kapal kecuali tuan rumah Australia yang mewakilkan lebih daripada dua buah kapal untuk menyertai eksesais ini.

Tujuan eksesais adalah untuk meningkatkan dan mengeratkan interoperability dan persefahaman antara negara dalam aspek operasi maritim. Ia juga bertujuan untuk mengekalkan kemampuan strategi peperangan maritim, kecekapan anggota, standard profesionalisme dan keselamatan unit-unit terlibat. Eksesais ini juga dilihat mampu mengoptimumkan latihan dan taktik peperangan 4 dimensi bersama.

Eksesais yang dilaksanakan merangkumi beberapa bahagian. Bahagian pertama adalah Peperangan Permukaan iaitu Night Encountering Exercise (NEX) dan Gun Exercise (GUNNEX). Siri latihan NEX dilaksanakan berdasarkan senario yang berkaitan dengan dua buah negara berjiran yang menghadapi konflik. Pada fasa ini, keberkesanan aplikasi Rules of Engagement (ROE) play telah diperaktikkan sepenuhnya.

Bagi siri Fast Inshore Attack Craft (FIAC), bot Stabber DMS Jervis Bay disimulasikan sebagai unsur musuh dan ditugaskan untuk melaksanakan serangan ke atas KD JEBAT dan HMAS PARRAMATTA. Konsep asymmetric warfare atau close battle attack diperaktikkan sesuai dengan objektif latihan.

Seterusnya adalah latihan Peperangan Anti Udara. Latihan ini telah melibatkan pesawat-pesawat pejuang Royal Australian Air Force. Antaranya



pesawat Hawk, FA 18A dan E7A yang berperanan sebagai musuh dan ditugaskan untuk menyerang gugus tugas. Secara keseluruhannya, latihan Peperangan Anti Udara dapat dilaksanakan dengan baik. Kompleksiti latihan yang dirancang dan dilaksanakan bertujuan melatih anggota bagi meningkatkan kemahiran peperangan anti udara.

Latihan Peperangan Anti Kapal Selam turut dirancang pada eksasais kali ini. Penglibatan kapal selam Australia iaitu HMAS FARNCOMB telah menjadikan eksasais seperti keadaan sebenar.

KD JEBAT turut melaksanakan Latihan Miscellaneous seperti Manuvra Taktikal, Screen Exercise (SCREENEX), Man Overboard Exercise (MOBEX), Replenishment at Sea Approach (RASAP) dan Personel Exchange Programme (PXP). Latihan sebegini dapat meningkatkan kemahiran

shiphandling Pegawai Bertugas Anjungan dan Pegawai Muda yang menyertai pelayaran ini. Bagi latihan RASAP, KD JEBAT telah berpeluang melaksanakan bersama SPS CANTABRIA, HMAS PARRAMATTA dan USS CHOSIN.

Pada keseluruhannya, latihan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh warga KD JEBAT dilihat amat berguna dalam membantu meningkatkan tahap profesionalisme dan kecekapan anggota setanding dengan tentera laut negara lain.

ADMM-Plus MS FTX

Buat julung kalinya TLDM terpilih untuk mengkoordinasikan ADMM-Plus MS FTX yang dilaksanakan di perairan Jervis Bay Australia. Ia merupakan salah satu medium yang melibatkan kerjasama serantau bagi

tujuan perkongsian maklumat dan menyelaraskan Standard Operational Procedure (SOP). 12 buah negara iaitu Malaysia, Australia, Brunei, China, India, Indonesia, Jepun, Filipina, New Zealand, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat terlibat dalam ADMM-Plus MS FTX ini.

Latihan lebih menjurus kepada aspek pelaksanaan prosedur dan tatacara menggeledah mengikut national doctrine masing-masing selain mempraktikkan Command and Control (C2) Architecture.

Pelaksanaan ADMM-Plus MS FTX merangkumi tiga fasa utama iaitu Fasa pembukaan dan taklimat pelaksanaan, fasa kedua melibatkan latihan statik dan fasa ketiga lebih memberi tumpuan untuk latihan menggeledah di laut.

KD JEBAT berpeluang menunjukkan





menggeledah ke atas kapal Tentera Laut Jepun JS MAKINAMI semasa fasa kedua dan demonstrasi menggeledah Kapal Tentera Laut Republik Indonesia KRI SULTAN ISKANDAR MUDA semasa fasa ketiga. Demonstrasi ini telah mendapat liputan media Australia dan dipaparkan di akhbar "Australian News Paper" bertarikh 2 Oktober 2013 selain menerima pujian dari tentera laut negara luar.

Bagimengenalpastikelemahan dan ruang penambahbaikan taklimat selesai latihan telah dilaksanakan di Geelong House HMAS CRESWELL pada 2 Oktober 2013. Antara perkara yang diutarakan adalah penyelarasan prosedur berkenaan keperluan latihan praktikal yang perlu diadakan sebelum latihan menggeledah.

ADMM-Plus MS FTX 2013 telah ditutup dengan rasminya setelah selesai taklimat di Geelong House oleh Laksamana Muda Dato' Nasaruddin bin Othman selaku Pengarah Eksesais.

Secara keseluruhan, ADMM-Plus MS FTX telah dilaksanakan dengan jayanya. Kesemua negara yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan latihan ini. Penglibatan 12 buah negara ini merupakan satu kerjasama yang baik dan harus diteruskan untuk siri akan datang. Pelaksanaan latihan sebegini berupaya meningkatkan tahap kecekapan dan profesionalisme terhadap keselamatan maritim Malaysia dalam mengelakkan sebarang ancaman di perairan negara terutamanya di Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Latihan ini juga dilihat mampu memberi impak yang positif kepada negara-negara yang terlibat kerana ianya menjadi medium pengantara dalam mengukuhkan dan mengeratkan hubungan antara negara terutama kuasa-kuasa besar dunia seperti China dan Amerika Syarikat. Walau begaimanapun, perkara ini dilihat dari perspektif yang berbeza kerana setiap negara yang terlibat mempunyai kepentingan masing-masing.

Ironinya, latihan ini mampu dijadikan penanda aras kepada TLDM bagi memastikan keselamatan maritim khususnya di Malaysia lebih terjamin dan selamat daripada sebarang gangguan unsur-unsur luar.

International Fleet Reviews 2013

IFR 2013 yang berlangsung bermula 3 hingga 11 Oktober 2013 melibatkan lebih 20 negara termasuk Malaysia, Brunei, Kanada, Perancis, Indonesia, Jepun, New Zealand, Nigeria, Singapura, Sepanyol, Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat dengan 60 buah kapal dan kehadiran lebih 8,000 warga tentera.

IFR 2013 bermula dengan ketibaan tujuh buah kapal perang Australia iaitu HMAS SYDNEY, HMAS DARWIN, HMAS PERTH, HMAS PARRAMATTA, HMAS BUNDABERG, HMAS DIAMANTINA dan HMAS YARRA. Tembakan meriam kedengaran daripada Pangkalan HMAS SYDNEY sebaik sahaja kapal-kapal tersebut mula memasuki perairan Sydney dan dibalas semula sebagai salah satu tanda upacara Gun Salute. Puan Yang Terutama, Quentin Bryce, Governor-General of the Commonwealth of Australia berserta Duli Yang Teramat Mulia, Putera Henry, Putera Wales dan Perdana Menteri Australia Tony Abbott berada di kapal HMAS LEEUWIN bagi pelayaran lalu dan memeriksa perbarisan kapal-kapal terlibat.

Kesemua kapal termasuk KD JEBAT turut terlibat dengan acara Open Ship Day. Kapal dibuka selama dua hari untuk lawatan. Para pengunjung yang hadir

memberikan maklum balas positif terhadap kebersihan, hospitaliti dan keramahan warga KD JEBAT. Dianggarkan seramai 50,000 orang pelawat telah mengambil peluang untuk melawat kapal-kapal perang bersempena IFR 2013. Dalam masa yang sama juga RAN Sea Power Conference and Pacific Maritime Congress dan Pacific 2013 International Maritime Exposition and Trade Show telah dilaksanakan yang dihadiri oleh Panglima-panglima, Pegawai Kanan dan tetamu kehormat dari negara terlibat.

Pada keseluruhannya dilihat jalinan kerjasama dari aspek mewujudkan inter-operability antara negara telah tercapai. Latihan yang dilaksanakan dan penglibatan KD JEBAT dalam acara yang bersejarah iaitu IFR 2013 yang berlangsung di pentas antarabangsa ini sememangnya memberi pengalaman dan pengetahuan yang bermakna kepada semua warga KD JEBAT. Kerjasama yang baik antara semua pihak menunjukkan bahawa TLDM seiring dengan visi ke arah Tentera Laut bertaraf dunia.





Artikel oleh: Lt Mohd Fauzi bin Abdul Halim TLD Pegawai Informasi MALBATT 850-1

PERJUANGAN THE NAVY PEOPLE MALBATT 850-1 UNIFIL

Seramai 6 pegawai, 82 anggota LLP dan 4 anggota wanita TLD telah menyertai misi pengaman MALBATT 850-1 di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Kumpulan ini berlepas pada 22 Oktober 2013 untuk memberi khidmat bakti di perantauan dan menimba ilmu di negara yang bergolak ini. Misi yang mengambil masa setahun ini memerlukan pengorbanan yang di tinggi di samping berjauhan dari keluarga. Bagi anggota wanita pula, tempoh masa misi adalah 6 bulan bagi setiap anggota.

Bagi kebanyakan warga Navy People yang menyertai misi ini menyatakan rasa bersyukur kerana kepercayaan yang diberikan rasa bertuah kerana diberi peluang keemasan ini oleh Pengurusan Tertinggi TLD untuk membawa nama TLD di persada antarabangsa terutamanya dalam melaksanakan tugas. Memandan-

gkan misi ini adalah lebih menjurus kepada Land Operation, namun ianya tidak melunturkan semangat warga navy people untuk melaksanakan tugas dengan baik demi perkhidmatan. Warga Navy People yang menyertai misi ini terdiri dari pelbagai kepakaran dan telah diperjawatkan mengikut bidang tugas masing-masing. Walau-pun berjauhan dari keluarga, warga Navy People tetap dapat melaksanakan tugas dengan efektif dan berkesan.

Menurut Lt Kdr Shahrizan bin Sahari TLD, beliau diperjawatkan sebagai Pegawai Staf 2 Tadbir MALBATT 850-1 merasakan ini adalah peluang yang terbaik untuk menimba ilmu dan beliau sangat berterima kasih kepada barisan kepimpinan tertinggi TLD kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk menyertai misi ini. Lain pula pandangan bagi BK PKL Mohd Khalid bin Salleh yang diperjawat-





kan sebagai Bintara Kompeni Tempur Echo selaku Battalion Mobile Reserved (BMR) MALBATT 850-1, beliau sangat teruja dengan pemilihan ke misi ini dan dapat berkerjasama bersama perkhidmatan yang lain seperti TDM, TUDM dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sesuatu pengalaman yang sangat bermakna.

Beliau berharap kesinambungan warga Navy People di misi seperti ini dapat diteruskan bagi memperkenalkan TLDM di mata dunia. Bagi anggota wanita TLDM yang menyertai misi ini pula, LK I PNK Amisah binti Kuming berkata, beliau sangat gembira dapat berkhidmat dibawah panji-panji PBB dan berharap agar lebih ramai lagi anggota wanita TLDM diberi peluang seperti ini.

Berkhidmat dibawah nama MALBATT 850-1 yang diketuai oleh Kolonel Arman Rumaizi bin Hj Ahmad selaku Komander memberi pengalaman yang baru kepada warga Navy People kerana dapat mema-



hami bagaimana sesuatu operasi darat dijalankan dan bagaimana sesuatu batalion diaturgerakkan.

Warga Navy People MALBATT 850-1 mengucapkan selamat hari ulang tahun ke-80 TLDL dari perantauan. Walaupun jauh, tetapi TLDL tetap di hati. Sedia Berkorban.





SIMULASI PENERBANGAN

-teknologi pertingkat
kecekapan juruterbang

bahagian 2

Full Flight Simulator (FFS) lebih banyak diperlakukan dalam penerbangan awam.



Di antara kelebihan simulator adalah krew udara berupaya melaksanakan simulasi kece-masan dengan selamat dibantingkan pelaksanaannya di pesawat sebenar. Di dalam simulator, pelbagai jenis kece-masan yang berbahaya dapat dilaksanakan termasuk kegagalan sistem hidraulik, main rotor gearbox serta kegagalan sistem kawalan penerbangan lain yang tidak mungkin dapat dilaksanakan semasa latihan di pesawat sebenar kerana ia mungkin menyebabkan pesawat mengalami kerosakan atau terhempas.

simulator juga adalah lebih efisien di mana sesebuah organisasi dapat menjimatkan kos penerbangan latihan, penyelenggaraan dan juga jam penerbangan pesawat. Sebagai contoh, semasa melaksanakan latihan instrument approaches, krew akan mengambil masa bagi repositioning pesawat tetapi di dalam simulator, krew udara berpeluang melaksanakan instrument approaches beberapa kali tanpa perlu mengambil masa yang panjang untuk repositioning pesawat kembali.

Selain itu, latihan di

Bagi dunia ketenteraan, konsep penerbangan CRM amat




ditekankan. Konsep ini bertepatan dengan cara penerbangan yang diperlakukan oleh krew udara pada masa ini. Ia berlandaskan kepada perlunya kerjasama yang dilakukan oleh krew udara semasa melakukan penerbangan biasa atau ketika menghadapi kecemasan. Kerjasama yang terjalin akan mengurangkan risiko kesilapan oleh Komander Pesawat semasa membuat sesuatu keputusan kritikal dalam masa yang singkat.

KESIMPULAN

Terdapat banyak kelebihan yang telah dibawa oleh simulator penerbangan semenjak fasiliti ini diperkenalkan. Pembangunan simulator dilihat telah berjaya mengurangkan kos-kos operasi penerbangan latihan, penyelenggaraan dan juga kemalangan. Selain itu, krew udara juga berupaya meningkatkan kemahiran, kefahaman serta kerjasama yang lebih jitu sesama krew ketika beroperasi kelak.

Seperi yang telah diperkatakan, kebanyakan syarikat penerbangan komersial telah mula menjadikan latihan di simulator sebagai salah satu latihan mandatori. Ini kerana, simulator penerbangan sesuai dijadikan platform latihan oleh pelatih baru serta zero time flying hours sehingga kepada latihan bulanan atau monthly continuous training (mct). Selain itu, simulator penerbangan juga telah memberikan sumbangan di dalam bidang keselamatan penerbangan serta kemajuan di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sistem penerbangan.






SUBMARINE ESCAPE TRAINING

LATIHAN KRITIKAL SETIAP WARGA KAPAL SELAM

Penyelaku Submarine Escape Training (SET) merupakan salah satu jenis sistem penyelaku yang terdapat di Pusat Latihan Kapal Selam TLDM berpangkalan di Kota Kinabalu, Sabah. Ia telah siap dibina sepenuhnya dan mula beroperasi pada 17 Mei 13. Fungsi utama penyelaku ini adalah untuk melatih serta membiasakan krew kapal selam dengan teknik menyelamatkan diri apabila kapal selam mengalami kemalangan dan tersadai di dasar laut. Latihan di SET ini dilaksanakan oleh setiap krew kapal selam dengan kekerapan sekali setiap 2 tahun. Tempoh sedemikian dianggap sesuai serta memberi keseimbangan antara kos melaksanakan latihan dan pada masa yang sama memastikan kemahiran yang dimiliki oleh anggota berkaitan sentiasa berada di tahap yang optimum.


Kelulusan perolehan Penyelaku SET ini telah menjadi



salah satu bukti yang menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan dalam membantu TLDM menyediakan prasarana latihan demi mencapai misinya iaitu untuk 'Melindungi

Kedaulatan dan Kepentingan Maritim Negara'. Pusat Latihan Kapal Selam TLDM selaku unit yang telah dipertanggung jawabkan dalam usaha menguruskan segala keperluan latihan dan kursus bagi warga TLDM yang berkepakaran kapal selam telah berjaya mengendalikan fasa pertama kursus di Penyelaku SET bermula pada 6 Mei hingga 24 Jun 13. Fokus utama latihan pada ketika ini ialah untuk melahirkan tenaga pengajar tempatan dengan kerjasama tenaga pakar dari pihak Défense Conseil International-NAVFCO, Perancis.

Kursus yang mengambil masa selama hampir tujuh minggu ini telah dilaksanakan melalui pembelajaran secara teori di dalam bilik kuliah dan latihan praktikal yang dilaksanakan di Penyelaku SET itu sendiri. Seramai dua orang pegawai dan sembilan anggota dari kepakaran penyelam, PASKAL dan teknikal telah menjalani kursus ini dengan jayanya. Objektif utama latihan pada ketika itu adalah untuk melahirkan Support Instructor, Tower Instructor, Diving Instructor dan Surface Instructor. Secara ringkasnya, fungsi dan penghususan utama jurulatih-jurulatih tersebut adalah seperti berikut:



Kredibiliti jurulatih tempatan yang telah dilahirkan melalui pelaksanaan kursus tersebut terserlah apabila mereka telah berjaya mengendalikan beberapa siri kursus SET yang melibatkan krew kapal selam. Kejayaan ini telah menggembirakan warga kerja PLKS kerana ia turut menyumbang kepada pencapaian misinya iaitu untuk ‘Malahirkan Modal Insan yang Kompeten dan Profesional bagi Mendukung Pengoperasian Kapal Selam TLDM’. Antara latihan susulan yang dilaksanakan termasuklah:


Semenjak awal kepulangan kapal selam TLDM yang pertama iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN ke tanah air, ramai di kalangan krew kapal selam telah dihantar ke





Perancis untuk mengikuti latihan SET sesuai dengan keperluan. Latihan tersebut terpaksa dilaksanakan di luar negara kerana ketiadaan kemudahan SET di dalam negara. Selain daripada menelan belanja yang besar, ia turut menyebabkan pengaliran keluar wang negara secara berterusan. Setelah penyelaku SET ini siap dibina, AKAS TLDM telah dapat menangani masalah tersebut. Walaupun kos permulaan yang agak tinggi diperlukan, penjimatan yang diperolehi dalam jangka panjang adalah besar. TLDM turut bebas dari pergantungan kepada negara asing untuk memenuhi keperluannya.


Selain daripada itu Malaysia juga dapat membina kemahiran dan reputasi yang membanggakan sebagai salah sebuah negara yang mengoperasikan kapal selam dengan infrastruktur yang lengkap. Kepentingan serta kelebihan yang dimiliki ini terserlah apabila negaranegara asing seperti Amerika Syarikat, Australia, Perancis, Singapura, India dan Indonesia turut menzahirkan perasaan kagum mereka terhadap keupayaan AKAS TLDM untuk membina dan mengoperasikan infrastruktur latihan kapal selam yang canggih dan menyeluruh.



MV MEGA BAKTI

KAPAL PENYELAMAT KAPAL SELAM

Kontrak Sewaan Perkhidmatan Sistem Penyelamat Submarine Escape and Rescue-Intervention (SMER-I) di antara Kerajaan Malaysia dan Syarikat Target Resources Sdn Bhd (TRSB) telah ditandatangani pada 2 Jul 12.





Markas Angkatan Kapal elam TLDM (MAKS) telah menerima perkhidmatan kapal Submarine Escape and Rescue – Intervention (SMER-I) MEGA BAKTI secara rasmi pada 24 Sep 13.



Kapal ini direka dan dibina di Keppel Singmarine, Singapura dan mempunyai kelajuan maksimum 17 knots. Ia berkemampuan melaksanakan operasi di laut selama 21 hari dan berupaya bergerak sejauh 5,000 batu nautika dengan kelajuan 15 knots.

Skop perkhidmatan (services) yang akan disediakan merangkumi keupayaan pengoperasian SMER-I capability dalam 2 aspek berikut:

- Keupayaan Operasi Utama. Melaksanakan operasi SMER-I termasuk demonstrasi dan latihan dengan menggunakan sistem SMER-I dan kapal MEGA BAKTI sebagai Mother Ship (MOSHIP).
- Keupayaan Operasi Sekunder. Selain dari keupayaan operasi utama, TRSB perlu menyediakan keupayaan operasi sekunder seperti berikut:
 - Menyediakan MEGA BAKTI sebagai sebuah platform operasi dan latihan menyelam TLDM. Walau bagaimanapun, peralatan menyelam perlu disediakan oleh TLDM.
 - Operasi Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue (SAR)).
 - Menjadi kapal penyelamat (recovery) torpedo latihan dan misil latihan (M1B).
 - Operasi Bencana dan Bantuan Kemanusiaan (disaster and humanitarian relief).

Kapal Dan Peralatan Mega Bakti

Peralatan dan Sistem SMER-I di MEGA BAKTI. Peralatan dan sistem SMER-I yang disediakan di MEGA BAKTI untuk melaksanakan operasi utama adalah seperti berikut:



- Remotely Operated Vehicle (ROV). ROV merupakan peralatan yang digunakan bagi memasang DSVDS pada kedalaman sehingga 650 meter. Ia juga berkebolehan membersihkan halangan di escape hatch DISSUB, merakam foto dan video serta menghantar Emergency Life Support Stores (ELSS) pod.

- Emergency Life Support Stores (ELSS) Pod. ELSS pod digunakan untuk membawa bantuan perubatan, makanan dan pelbagai keperluan lain ke DISSUB dengan menggunakan ROV. MEGA BAKTI menyediakan 12 unit ELSS pod yang berkeupayaan menampung tekanan sehingga 65 bar.

- Portable Underwater Telephone System. Merupakan peralatan yang digunakan untuk melaksanakan komunikasi antara MEGA BAKTI dan DISSUB.

- Distressed Submarine (DISSUB) Ventilation and Depressurization System (DSVDS). Sistem ini dipasang pada DISSUB untuk menyalurkan udara bersih dan mengalirkan keluar udara yang tercemar dari DISSUB dengan menggunakan hos. Sistem ini turut digunakan oleh Tentera Laut Perancis dan telah diuji serta berupaya mencapai kedalaman 250 meter.

- Double Lock Decompression Chamber (DDC). Terdapat 2 DDC di MEGA BAKTI yang digunakan untuk merawat krew kapal selam atau penyelam yang mengalami decompression sickness (DCI). Ia terhad kepada 12 pesakit (6 pesakit setiap DDC) pada sesuatu masa.

- Global Positioning System Intelligent Buoy Tracking System (GIB). GIB digunakan bagi mengesan kedudukan DISSUB yang terandas di dasar laut dan berkeupayaan mengesan sehingga kedalaman 1,000 meter.

- Fast Rescue Boat. 2 x bot bagi melaksanakan operasi menyelamat krew kapal selam yang berada di permukaan.

“M^elahirkan modal insan yang berketrampilan” merupakan salah satu sasaran Tentera Laut Diraja Malaysia atau TLDM dalam menjadi sebuah tentera laut bertaraf dunia. Tanpa modal insan yang kompeten dan komited di dalam menjalankan amanah yang diberikan tentunya segala perencanaan tidak akan berjalan lancar seperti yang dikehendaki oleh Pengurusan Tertinggi sesuai dengan doktrin yang digarap oleh TLDM.

Diletakkan di bawah naungan Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM), KD SULTAN IDRIS I atau KDSI I bertindak sebagai sebuah institusi latihan pegawai yang mendidik dan melatih pegawai-pegawai TLDM sejak dari peringkat asas lagi.

Sebagai sebuah institusi latihan, ia sentiasa komited dalam melahirkan pegawai yang berkualiti, berpengetahuan, profesional, kompeten dan efektif yang menepati kehendak TLDM. Pelbagai transformasi dan pembangunan telah dipertingkatkan demi melahirkan pegawai



hari ini, pencapaian KDSI I sepanjang tahun 2013 menunjukkan kursus-kursus yang dijalankan telah menerima maklumbalas yang positif.

Kursus-kursus yang dijalankan di KDSI I turut melibatkan pegawai-pegawai tentera laut dari dalam dan luar negara. Pada bulan Februari 2014, pihak KDSI I sangat berbesar

lain di KDSI I yang ditawarkan kepada peserta negara luar adalah Kursus Kepakaran Navigasi (KKN) dan juga Kursus Pegawai Perperangan Utama (KPPU). Selain daripada negara-negara tersebut, negara luar lain yang pernah terlibat dalam kursus-kursus di sini adalah Brunei dan Maldives.

KDSI I MAMPU LATIH PESERTA KURSUS LUAR NEGARA

yang berkaliber tinggi untuk memenuhi segala aspek keperluan TLDM. Menyedari kepentingan pendidikan sebagai wahana untuk melahirkan modal insan yang berketerampilan, KDSI I sentiasa memberikan keutamaan kepada agenda latihannya. Sehingga

hati menerima empat orang pegawai dari negara luar iaitu Australia, Fiji, Sri Lanka dan Kemboja serta 19 orang lagi pegawai tempatan perpangkat Leutenant Komander (Lt Kdr) dari pelbagai cawangan untuk menjalani Kursus Kepimpinan Pegawai Memerintah ke 35 (KKPM). Kursus

Kejayaan kursus-kursus yang melibatkan peserta luar negara ini bukan sahaja membuktikan penerimaan sistem pendidikan dan latihan kita, malahan memperkenalkan keupayaan Malaysia menjadi global players dalam arena pendidikan dunia. Ia turut menjadi wadah penting untuk KDSI I meningkatkan keberkesanan dan kualiti pelaksanaan kursus secara berterusan, iaitu melalui pengalaman serta ilmu yang diterima untuk dimanfaatkan dan diperbaharui setelah mereka pulang ke negara masing-masing.

Lt Greer Aloise Hase RAN, yang berasal dari Australia, merupakan salah seorang peserta KKPM siri ke 35 di mana beliau kagum kerana KDSI I dilengkapi dengan Wisma Suria yang menyediakan sebuah tempat penginapan yang selesa dan tempat makan yang cukup mewah. Kemudahan penghawa dingin di setiap bilik, mesin basuh di setiap aras turut disediakan selain bilik televisyen yang terletak di aras 1 Wisma Suria.





Dalam aspek pembelajaran pula, bagi Lt Kdr Nishantha Dahanayake dari Sri Lanka berkata, suasana pembelajaran di kelas juga harus dipuji kerana kemudahan bilik kuliah yang dilengkapi dengan alat bantuan mengajar yang menggunakan teknologi terkini turut menampakkan KDSI I tidak ketinggalan dalam menawan era IT kini. Smartboard, smartpen dan komputer skrin sentuh merupakan antara peralatan yang disediakan di smartclass. Walaupun agak sukar untuk memahami sepenuhnya sesuatu subjek yang diajar, namun dengan adanya tenaga pengajar yang berpengalaman, ia sedikit sebanyak membantu peserta-peserta kursus luar negara memahami subjek yang dipelajari.

Kursus yang melibatkan peserta dari negara luar dilihat mampu mengeratkan lagi hubungan antara peserta kursus dan sekaligus dapat menjalinkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara asal mereka. Sehubungan itu, KDSI I akan sentiasa memperbaiki dan membuat transformasi pembangunan yang menepati keperluan pegawai khususnya bagi melahirkan generasi pemimpin bertaraf antarabangsa.



PASUKAN UDARA TLDM

TINGKAT KEMAMPUAN ARMADA

Lt Cdr Mohd Fais bin Idris RMN

TLDM telah melangkah ke satu dimensi yang baru di dalam pertahanan Perairan negara dengan pembelian 6 buah helikopter terpakai WASP HAS Mk I dari Royal Navy buatan Agusta Westland pada tahun 1988. Seterusnya TLDM telah menambah 6 buah lagi helikopter jenis sama pada tahun 1992 menjadikannya 12 buah helikopter di dalam inventori TLDM. Helikopter ini pada asasnya digunakan oleh Royal Navy sebagai pembawa torpedo untuk meningkatkan jarak penembakan torpedo sesebuah kapal. Walaupun dengan kemampuan helikopter ini yang terhad, TLDM telah berjaya memaksimumkan penggunaannya sebagai helikopter bantuan di dalam Armada TLDM. Ia digunakan untuk menambah jarak pengesanan sesebuah kapal, melaksanakan evolusi Winching dan pengangkutan kargo untuk memindah anggota, bekalan dan sebagainya.

Pembelian 12 buah helikopter ini telah memberikan satu pengalaman baru di dalam TLDM dan berjaya mendewasakan Cawangan Udara TLDM (CUT). Ia juga merupakan satu persediaan untuk memberi pengalaman dan kemahiran kepada Juruterbang, Kuartermaster Udara dan Teknisyen Udara untuk menghadapi cabaran pertahanan ruang udara maritim negara. Cadangan perolehan helikopter FENNEC telah dimajukan oleh CUT kepada Markas Tentera Laut (MTL) pada tahun 2000, sebelum dimajukan kepada pihak kerajaan untuk persetujuan dan rundingan lanjut. Pada asasnya, perolehan helikopter FENNEC telah dicadangkan semasa projek perolehan helikopter SUPER LYNX telahpun bermula di United Kingdom di mana TLDM telah mula menerima pesawat ini pada pertengahan tahun 2004.

Helikopter FENNEC diperlukan sebagai helikopter interim bagi menggantikan helikopter WASP yang telah uzur dan telah ditamatkan perkhidmatannya pada Januari 2001. Helikopter ini bertujuan sebagai helikopter latihan yang akan melatih Juruterbang, Kuartermaster Udara dan Teknisyen Udara sebagai satu penyediaan kepakaran asas operasi maritim sebelum diserapkan ke helikopter SUPER LYNX yang lebih canggih serta memerlukan krew yang berpengalaman serta terlatih untuk mengoperasikan pesawat tersebut.

Tim Projek Helikopter SUPER LYNX (TPHSL) telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan seterusnya dihantar ke United Kingdom (UK) untuk memantau perkembangan projek tersebut. Keseluruhan projek ini telah mengambil masa selama 42 bulan untuk





disiapkan. Manakala kumpulan pertama anggota senggaraan telah dihantar ke firma pembuat di UK pada tahun 2002 untuk menjalani kursus asas berkaitan helikopter SUPER LYNX MK 100. Pada awal tahun 2003, TLDM telah menghantar 4 orang Juruterbang, 2 orang Pegawai Kejuruteraan Udara dan 3 orang Pegawai Taktikal Udara untuk menjalani latihan pengendalian pesawat SUPER LYNX yang dikendalikan oleh Westland Helicopter Limited (WHL).

SUPER LYNX MK 100 pertama telah diterima pada 03 Mac 2003 dan 5 buah lagi telah diterima secara berperingkat dan yang terakhir pada bulan Jun 2004 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6 buah pesawat. Skuadron 501 telah dirasmikan pada 9 Ogos 2004 oleh YAB Dato' Seri Mohd



Najib bin Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan pada masa itu. Pangkalan Udara TLDM LUMUT telah menjadi home base kepada Skuadron 501.

Sehingga kini, helikopter SUPER LYNX MK 100 telah menjadi helikopter barisan hadapan TLDM dalam operasi penerbangan maritim dan juga operasi penerbangan lain yang berkaitan.

Scorpene Diesel-Electric Submarine for Royal Malaysian Navy was designed in Perdana Class Submarine, based on

without AIP and AM-2000 version with MESMA AIP. It can category as medium-size submarines using state-of-the-art technology in submarine design and construction. Excellent endurance becomes one of the few medium-size submarine designed suitable for extended ocean patrol duties. Its modular design can fulfill customer requirements. This class of boats too, emphasize underwater maneuverability and stealth, with design features including a teardrop or "Albacore" hull form (with fin-mounted hydroplanes and cross-configuration tail plane), and very low acoustic, magnetic,

weapons platform is their ability to launch anti-ship SM 39 Exocet missiles (with a range of 50 km/27 nautical miles) from the 533 mm torpedo tubes while staying submerged.

The RMN submarine force are still in progress to be ready in doing exercise with other countries but at present, only France have been doing exercise with the RMN submarine due to having the same serial operating procedure. However, RMN have been actively involved in the Submarine Escape and Rescue exercise (SMER) which involves international countries such as BOLD MONARCH 2012 in Peru, Pacific Reach in Hawaii 2011, Asia Submarine Pacific Conference (APSC) which is plan to be conduct in 2014 next year. To-date, RMN submarine Force has been the members of ISMERLO which is the International Submarine Escape and Rescue Liason Office which designated to assist in any event of submarine rescues. In terms of local Exercises, few training

have been conducted with the

RMN surfaces ships in order to familiarize conducting exercise between surface and submarine of RMN. Individual firing exercise also have successfully being conducted. KD TUNKU ABDUL RAHMAN and KD TUN RAZAK have both successfully launched the

THE NEED FOR SCORPENE SUBMARINE

By Lt Cdr Ali Noor Aminullah bin Ali Noor Razak RMN

Malaysian configuration.

Scorpene submarines for RMN were jointly developed by DCNS (France) and Navantia (Spain). The first Scorpene, KD Tunku Abdul Rahman were built in Cherbourg Shipyard, France (DCNS). Second submarine, KD Tun Razak built in Cartagena Shipyard, Spain by Navantia. Stern sections were built by Navantia, bow sections was built by DCNS. Chile ordered the first Scorpene Submarine, O'Higgins Class (based on Chile configuration) and received it in 2005 and the second Submarine, Carerra in 2008. The Scorpene submarine for Chile and Malaysia are in the same variant, CM-2000 (basic version without AIP). Scorpene submarine can perform anti-submarine warfare (ASW), anti-surface warfare (ASuW), reconnaissance and intelligence, mine laying and special operation mission. Scorpene Diesel-Electric submarine designed using latest technologies from French nuclear-power classes submarine particularly on acoustic discretion and combat system performance. Scorpene submarine designed in two configurations, CM-2000 basic version

electromagnetic and infrared signatures. Other than "tropicalisation," of the boats involving installation of additional systems to enhance the submarines' ability to operate in the warmer and more saline waters of Southeast Asia, the Malaysian submarines include many of the same features of the earlier boats of this class, though without AIP systems. They are fitted with SUBTICS integrated command and UDS International-supplied weapons control and sonar systems. Another feature that makes these submarines a potent

underwater missile. The missile Exocet SM39 hit a 40 metre target located about 40 km from the submarine. The missile were launched as part of a tropical testing to determine its ability and efficiency.

The RMN submarine force are still in progress to be ready in doing exercise with other countries but at present, only France have been doing exercise with the RMN submarine due to having the same serial operating procedure. However, RMN have been actively involved in the Submarine Escape and Rescue exercise (SMER) which involves international countries such as BOLD MONARCH 2012 in Peru, Pacific Reach in Hawaii 2011, Asia Submarine Pacific Conference (APSC) which is plan to be conduct in 2014 next year. To-date, RMN submarine Force has been the members of ISMERLO which is the International Submarine Escape and Rescue Liason Office which designated to assist in any event of submarine rescues. In terms of local Exercises, few training

have been conducted with the

RMN surfaces ships in order to familiarize conducting exercise between surface and submarine of RMN. Individual firing exercise also have successfully being conducted. KD TUNKU ABDUL RAHMAN and KD TUN RAZAK have both successfully launched the





The submarine Scorpene is designed to sustain for 47 days at sea. With this capability, it has the advantage of operating outside Malaysia territorial water without logistic ressup. A lot of the concept and design of this submarine influenced by the design of nuclear submarine in terms of submarine hull and the aerodynamics. This have made the submarine to become one of the most feared classes submarine in line with the national defence policy and maritime defence strategy which is to be a deterrence factor. Scorpene submarine have the capabilities to to block the sea line of communications (SLOC) either to prevent the enemy logistics movements or deal with the threat of enemy ships in challenging the sovereignty of the country with modern weapons that can be launched from under the sea.

In the aspect of the submarine safety, the life of the crew will always plays as the most important factor in which safety operation and regular tight maintenance have to be followed without compromise. A single defect will not be tolerated in the submarine, it cannot be equated to the normal operational surface ships due to the complexity of itself. Submarine missions generally can be refers to its main task of operations. In order to support the National Defence Policy, RMN Submarine force is to support the following missions:

- Peacetime Engagement – Supporting the RMN objectives in Preparedness 100 percent through the spectrum of activities such as Training, Naval and combined Exercises, port visits and military to military bilateral and multilateral.
- Surveillance/Intelligence/ Reconnaissance – Transmitting information to avert or mitigate crises, collecting intelligence of long-term value for data gathering and acting as the unseen eyes and ears of the task group as well as operating with relative impunity in waters controlled by hostile forces.
- Special Operations – Insertion of special operation teams clandestinely when surprise or secrecy is essential. Special Operations also provide collecting tactical intelligence for forces ashore and reconnoitering in coastal

areas in advance of amphibious operations.

- Precision Strike – Provide a short range (10 nautical mile) surface target without being detected.
- Sea Denial – Interdicting threat surface and subsurface forces as well as merchant shipping.

- Deterrence – As a conventional deterrent, the submarine is a ever-present threat that can exert pressure on nearly any trouble around the sovereignty.

In summary the submarines can undertake a wide range of missions, including naval blockades, information gathering and landing or retrieval of special operations unit. They can operate alone or in combination with air and sea forces.



Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 6 Okt 1993 telah meluluskan rancangan pembesaran Pasukan Simpanan Angkatan Tentera. Sejajar dengan keputusan ini Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berusaha menuju ke arah tersebut secara nukleus unit PSTL di negeri-negeri berpotensi yang dikenal pasti. Salah satu negeri tersebut adalah negeri Terengganu Darul Iman. Pemilihan ini berikutan kedudukan Terengganu yang berada berhadapan Laut China Selatan yang menjadi jaluan utama bagi kapal perdagangan dan mempunyai sumber maritim asli yang tidak terhad.

Lanjutan daripada itu, semasa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) 1/96, Panglima Tentera Laut pada waktu itu telah berbincang dengan Menteri Besar Terengganu memaklumkan hasrat TLDM ini. Hasil perbincangan, Kerajaan Terengganu telah bersetuju untuk menyerahkan kawasan yang menempatkan bangunan Markas Gerakan Pelarian Chendering (MGP) yang berkeluasan 3 ekar kepada TLDM untuk dijadikan unit Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL). Upacara penyerahan telah dilaksanakan pada 27 Mac 1996 dimana Lt Kdr Adon bin Hj Shahlan TLDM mewakili TLDM dan Encik Alias bin Hj Ahmad iaitu Setiausaha Keselamatan Negeri bagi mewakili Kerajaan Negeri Terengganu. Memandangkan keadaan bangunan di Markas yang agak

using pihak TLDM berusaha membaik pulih dan menaiktaraf sebelum dijadikan tempat latihan. Pada 24 Jun 1996 TLDM telah menempatkan 2 x anggota PSSTLDM bagi menjaga keselamatan kawasan kem tersebut.

Setelah Kuasa Perjawatan Sementara (KPS) diluluskan Markas Tentera Laut (MTL) mula memperjawatkan pegawai dan anggota tetap bagi urusan pentadbiran. PSTL Chendering mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Jul 1999 dengan pengambilan Perajurit Muda PSSTLDM seramai 40 orang. Latihan asas telah dimulakan pada 2 Jul 1999. Sehingga kini, perjawatan PSTL Chendering yang terkini terdiri daripada seorang Pegawai Staf dan 18 LLP bagi anggota tetap TLDM serta mempunyai 217 pegawai dan 88 LLP PSSTLDM.



Pada 24 Okt 05, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu telah memaklumkan bahawa majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan cadangan pembinaan GHM Hotel di Lot 1770 seluas 26 ekar dimana PSTL Chendering merupakan sebahagian daripada lot itu (3 ekar). Setelah perkara itu berlarutan beberapa tahun, Pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah membina bangu-





nan baru PSTL Chendering di Setiu pada 10 Ogos 11 dan siap sepenuhnya pada 22 Nov 11. Pembinaan bangunan ini bagi menggantikan tapak asal unit PSTL Chendering di Setiu.

Walau bagaimanapun, bangunan ini masih tidak dapat diduduki berikutan proses penambahbaikan yang perlu dilaksanakan sehingga 3 Dis 13 bagi memastikan bangunan ini selamat diduduki. Perpindahan unit asal PSTL Chendering ke penempatan baru di Setiu bermula pada 20 Dis 13 dan telah beroperasi sepenuhnya pada 15 Mac 14. Prasarana dan infrastruktur yang terdapat di penempatan baru adalah seperti berikut:

- Bangunan Pentadbiran.
- Wisma Pegawai.
- Wisma Laskar Dan Laskarnita.
- Bangunan Kenderaan.
- Stor Senjata.
- Padang Kawad.
- Gelanggang Bola Tampar.
- Balai Pengawal.

PSTL Chendering juga telah dirancang untuk ditauliahkan.

Ini disebabkan PSTL Chendering telah beroperasi semenjak 15 tahun yang lalu dan telah menguruskan latihan dan pengambilan warga PSSTLDM meliputi kawasan negeri Kelantan dan Terengganu. Justeru, PSTL Chendering akan ditauliahkan menjadi KD SRI CHENDERING bagi mewakili unit PSTLDM yang bertauliah bagi negeri Terengganu dan Kelantan. Hal ini juga selaras dengan tugas semasa unit iaitu melatih warga PSSTLDM yang mampu untuk dimobilisasikan semasa darurat atau perang sekaligus mempertahankan Wilayah Pantai Timur. Kedudukan lokasi yang strategik berdekatan pantai dan pulau yang boleh dijadikan pangkalan hadapan Wilayah Pantai Timur. KD SRI CHENDERING juga dijangka memberi peningkatan kemajuan pembangunan dan kemudahan di kawasan sekitar.



PROJEK PEMBAIKAN MENYELURUH RUMAH KELUARGA KEM KUBOTA TAWAU SABAH

Ringkasan Sejarah Kem KUBOTA Dan Maklumat Rumah Keluarga Blok G 292 Kem KUBOTA Tawau

Kem KUBOTA telah diwartakan sebagai Kem Tentera Darat pada 17 Ogos 1967, (Rujuk Warta 514/67) dengan berkeluasan 366.34 ekar tanah. Nama kem diambil bersempena dari jentera pembajak berjenama "Kubota" pada ketika itu. Sebelum kem ini diwartakan sebagai kem tentera, asal tanah Kem KUBOTA ini adalah merupakan sebuah ladang pokok getah. Kem KUBOTA ditadbir sepenuhnya oleh pasukan Batalion Ke-7 Regimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD). Asal Penubuhan Kem KUBOTA ini pada tahun 1967 hanyalah untuk pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) bagi menempatkan anggota dan keluarga yang berkhidmat di Kem Kukusan Tawau. Sehingga sekarang Kem KUBOTA masih berfungsi sebagai penempatan RKAT disebabkan Kem Kukusan hanyalah sebagai pusat pentadbiran yang berkhidmat di kawasan Tawau dan tidak mempunyai RKAT. Pasukan 7 RAMD adalah satu-satunya pasukan yang mempunyai RKAT di kawasan Tawau.

Blok G 292 telah dibina pada tahun 1997 dan mula diduduki pada tahun 2002. Namun pada tahun 2011 blok ini terpaksa dikosongkan atas faktor keselamatan di mana berlakunya kegelongsoran tanah di bahagian belakang blok tersebut. Blok tersebut juga seringkali mengalami banjir kilat apabila berlaku hujan yang berterusan lantaran dari gelongsoran tanah yang berlaku.

Pada 27 Jul 12, KD SRI TAWAU telah membuat memohon untuk menduduki RKAT Blok G 292 kepada Markas Tentera Laut memandangkan pangkalan tidak disediakan dengan Rumah Keluarga TLDM (untuk anggota bekeluarga dan hanya

menyediakan penempatan untuk anggota bujang sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan warga KDST yang telah berkahwin terpaksa menyewa rumah dipersekutaran pangkalan dengan harga yang lebih tinggi berbanding dari Elaun Rumah Sabah yang diterima. Perkara ini telah mendapat perhatian oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut dan ianya telah dimajukan kepada Yang Berbahagia Panglima Tentera Darat pada 10 Ogos 12. Pada 28 Sep 12, permohonan ini telah mendapat kelulusan dari pihak Tentera Darat Malaysia dan seterusnya perlaksanaan untuk pembentangan menyeluruh Blok G 292 ini dilakukan setelah melalui pelbagai proses

Oleh: Lt Arif Bin Abdul Rashid TLDM
perbincangan.

Perlaksanaan projek ini diteruskan dengan Pasukan Projek Sabah Jabatan Kerja Raya sebagai Pengguna Projek manakala Pemborong Simatuoh Sdn. Bhd. dilantik sebagai Pemaju Utama dengan kos pembentangan berjumlah RM 4,626,926.00 dan tempoh pembentangan yang diberikan adalah selama 13 minggu





bermula dari 27 Mei 13 sehingga 28 Ogos 13. Atas beberapa kekangan dan permasalahan yang tidak dapat dielakkan, Pemaju Utama telah diberikan Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Pertama (Certificate Of Delay And Extension Of Time No.1) selama 60 hari sehingga tarikh 25 Okt 13.

Skop Kerja Projek Pembaikan Menyeluruh Rumah Keluarga (Blok G 292) Kem KUBOTA

Perlaksanaan projek pembaikan menyeluruh rumah keluarga Blok G 292 Kem KUBOTA ini dilaksanakan bertujuan untuk menampung keperluan penempatan warga KDST yang telah berkeluarga dengan mengambil kira aspek keharmonian dan kesejahteraan warga TLDM. Untuk memastikan aspek kesejahteraan dan keharmonian ini tercapai, skop kerja pembaikan rumah keluarga ini meliputi keseluruhan luaran dan dalam bangunan tersebut. Skop kerja pembaikan menyeluruh ini merangkumi kerja-kerja meroboh luaran dan dalaman bangunan, kerja-kerja ubahsuai luaran dan dalaman bangunan, kerja elektrikal dan kerja mekanikal. Berikut merupakan ringkasan skop kerja pembaikan menyeluruh yang dilaksanakan di rumah keluarga Blok G 292:

- Kerja-kerja Meroboh Dalaman. Menanggal, membersih dan membuang perkakasan asal seperti cat, kemasan lantai dan dinding, daun pintu, tingkap, perkakasan bilik mandi dan tandas, perkakasan memasak, perabot cerai dan bina dalam, susur tangan, tangki air serta pendawaian dan perkakasan elektrik.
- Kerja-kerja Meroboh Luaran. Menanggal, membersih dan membuang perkakasan asal seperti cat, pintu, pendawaian dan perkakasan elektrik, susur tangan dan kemasan siling, peti surat dan rumah sampaht.
- Kerja-kerja Ubahsuai Dalaman. Kerja-kerja mengecat, pemasangan lantai dan dinding, pemasangan kemasan siling, pemasangan susur tangan, daun pintu dan tingkap, perkakasan bilik air

dan tandas, perabot bina dalam dan perabot cerai serta penambahan satu unit tandas baharu.

- Kerja-kerja Ubahsuai Luaran. Kerja-kerja mengecat, pemasangan kemasan lantai, penggantian bumbung yang rosak, saluran paip hujan, susur tangan tangga, pintu, tangki najis ruangan sampah, tembok gabion wall, longkang, pembinaan taman permainan baharu, pembinaan pakir kenderaan berbungbung, rawatan anai-anai dan jalan berturap.
- Kerja Elektrik. Kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik, penggantian papan agihan, kerja menggantian sistem elektrik utama, pemberikan litar elektrik dan pam sistem kumbahan, sistem astro, meter elektrik dan sistem perlindungan bumi.
- Kerja mekanikal. Membekal dan memasang semula paip air bersih dalaman baharu, tangki air baharu, sistem pam air bersih dan meter air.

Majlis Serah Bangunan dan Perasmian RKTLDM KDST

Pada 8 Nov 13, Majlis Serah RKTLDM Blok G 292 telah diadakan dan disempurnakan oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan Pasukan Projek Sabah Jabatan Kerja Raya Ir Salleh bin Awang dan Pegawai Memerintah KDST Kdr Mohd Maznan bin Mohd Zaid TLDM. Majlis penyerahan bangunan ini disaksikan oleh Ketua Pasukan Pengawas Projek MAWILLA 2 Kdr Mohd Zaimi bin Mohamed TLDM dan Pemborong Simatuoh Sdn. Bhd. selaku Pemaju Utama. Majlis ini telah berjalan lancar dengan adanya upacara tandatangan dan penyerahan sijil penyerahan bangunan dari pihak Pasukan Projek Sabah Jabatan Kerja Raya kepada KD SRI TAWAU dan seterusnya majlis penyerahan replika kunci bangunan sebagai simbolik penerimaan bangunan yang telah siap diperbaiki. Dengan sempurnanya majlis serah bangunan tersebut maka pada 1 Jan 14, warga KD SRI TAWAU yang bekeluarga telah mula menduduki bangunan tersebut yang kini dikenali sebagai RKTLDM KD SRI TAWAU.

Pada 17 Feb 14, Majlis Perasmian Rumah Keluarga TLDM KD SRI TAWAU telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut bersama-sama warga KDST. Majlis perasmian ini diserikan dengan kehadiran Asisten Ketua Staf Material Markas Tentera Laut Laksamana Muda Dato' Mohd Noh bin Lebai Mahat, Panglima Wilayah Laut 2 Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohammad Rosland bin Omar, Komander Angkatan Tugas Bersama 2 Laksamana Pertama Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah, wakil Pegawai Memerintah 7 RAMD, wakil dari Pasukan Projek Sabah Jabatan Kerja Raya, wakil dari Pemborong Simatuoh Sdn. Bhd. dan beberapa jemputan khas. Majlis perasmian telah disempurnakan dengan jayanya dengan penyampaian ucapan oleh Yang Berbahagia Tan seterusnya merasmikan rumah keluarga tersebut. Yang Berbahagia Tan Sri turut membuat lawatan sekitar bangunan untuk melihat sendiri hasil daripada pemberikan menyeluruh yang dilaksanakan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan warga KD SRI TAWAU.

Penutup

Dengan adanya RKTLDM Blok G 292 yang telah siap diperbaiki, ianya diharap mampu memberikan kesejahteraan dan keharmonian kepada warga KD SRI TAWAU. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Markas Tentera Laut terutamanya kepada Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut kerana telah memberikan sokongan dan bantuan kepada projek pembaikan ini demi merealisasikan kesejahteraan warga The Navy People sejajar dengan manifestasi TLDM "WARGA DIDAHULUKAN, KESIAGAAN DIUTAMAKAN"

Development And Future Trends Of Naval Mine Warfare

Mine Warfare What We Must Know And Consider

By Lt Lim Kim Tat RMN

THREAT - Since its invention and first use more than 150 years ago mines have often played a major but not always visible role in naval mine warfare. From their extensive conventional use in WW I and WW II most recently mines proved their efficiency in the Gulf. Today, in the hands of terrorists, a limited number of mines is seen as the ideal means to form an incalculable, asymmetric threat.

MCM Challenge - Whatever the scenario in case of a suspected or confirmed use of mines the challenge in MCM remains:

To certify the absence or presence of mines in focal area world-wide.

To be prepared and to be able to counter any type of mines.

To be less susceptible to the effect of the environment, both underwater and on the surface.

To reduce/minimize the risk to personnel and material by mines.

MCM Platform Requirements – Besides the general requirements valid for any warship a dedicated MCMV should:

Have no/low magnetic/acoustic signature.

Have a low pressure signature.

Be shock hardened/resistant.

Be fire resistant.

Non-Magnetizable Steel (NMST) – Best Proven Hull Material For MCMV The design and cost of modern MCMV hull is mainly determined by its passive ship protection capability in regard to low magnetic and acoustic signature and high resistance against

the impact of mine explosive.

Wood was the traditional well proven material world-wide in building MCMVs because of its non-magnetic properties.

Glass Reinforced Plastic (GRP) has been the ‘new wood’ for MCMV construction since the 80ies because of its reputation of being cheap, long lasting, resistant, and easy to maintain. Ageing however, due to moisture, elevated temperatures, UV radiation, and osmosis is of serious concern.

Non-Magnetizable Steel (NMST) has been the favoured shipbuilding material for submarines and MCMV since the 70ies. As a consequence, high shock resistant, low magnetic and acoustic signature, high fire resistance, high flexibility for repair and midlife conversion, and low life cycle cost prove the superiority of NMST versus GRP over time.

The Type 332 Frankenthal class mine hunter is a class of German mine hunters. The German navy has become the first naval force in the world to utilize a non-magnetic steel hull in its Mine Hunter vessels.

Organic MCM

The goal of organic mine countermeasure operations is to enable naval forces to conduct their war-fighting missions without being exposed to the risks of operations in mined waters. It is not our desire to use combatants, SSN's or amphibious ships to conduct the full range and scope of all mine countermeasure operations.

Utilizing the mapping, survey and intelligence databases which have been updated and detailed through mine countermeasure surveillance operations, naval forces can conduct organic mine countermeasure operations. Naval forces can begin to shape the battle space by detecting and avoiding operations in mined waters. Information provided





by organic mine countermeasure operations will also be used to plan and focus the efforts of arriving dedicated mine countermeasure forces should they be required to conduct mine clearance operations to further shape the battle space.

HUGIN 1000 used by The Royal Norwegian Navy

HUGIN 1000 MR is the result of more than 15 years of AUV development in Kongsberg Maritime and the Norwegian Defence Research Establishment (FFI).

The vehicle has a depth rating of up to 3,000 meters (1,000 meters with HISAS 1030), and an mission endurance of around 24 hours @ 4 knots (17 hours with HISAS 1030) with pressure tolerant, rechargeable lithium polymer batteries. The vehicle can operate in fully autonomous, semi-autonomous or supervised mode. Acoustic, RF and satellite links are available for communication with the AUV whether submerged or at the surface.

A state of the art aided inertial navigation system developed specifically for HUGIN integrates data from a high end inertial measurement unit, a Doppler Velocity Log (DVL), pressure sensor, GPS receiver, and other position sources such as HiPAP ultra-short baseline (USBL) positioning, underwater transponder positioning (UTP) and terrain referenced navigation. For increased sustainability, the vehicle is equipped with a range of redundant and fail-safe systems.

The basic payload sensor suite consists of the HISAS 1030 interferometric SAS, multi-beam echo sounder, CTD, turbidity sensor, current profiling from the DVL and a high-performance optical imaging system.

HUGIN 1000 is also available in a civilian/survey version with standard side scan sonar instead of HISAS 1030.

Unmanned Surface Vehicle (AUV)

SAM 3 - For unmanned, remote controlled or autonomous influence minesweeping

SAM 3 is the most modern and recent development in the field of remote-controlled influence minesweeping. The aim of influence minesweeping is to actuate sea mines by emitting primarily magnetic and acoustic signatures into the water. Therefore SAM 3 is robust, resistant to underwater explosions and equipped with magnetic, acoustic and electric devices that can generate ship-like signatures. Remote-control reduces the risk by keeping man out of the minefield.

SAM 3 is designed for the riverine and littoral environments, to ensure full control and vital access to ports and sea lines of communication. It has the capabilities to conduct minesweeping (and other MCM operations) in the regimes of 3 m (10 ft) to 60 m (200 ft) water depth.

Command and Control (C2) functionality for mission planning, execution and post-mission analysis is available either as stand-alone system or as integral part of an existing Combat Management System (CMS) prepared for MCM operations. An MCMV – or any other type of vessel – can operate up to four SAMs simultaneously, but the SAM can equally well be controlled from land. This allows for stand-alone operations without any supporting MCM units, and with a minimum of human personnel involved.

SAM 3 can be remote-controlled from both ship and shore. Due to different national safety regulations SAM 3 also has a local operator's console for navigation on board.

Development and Future Trend In Southeast Asia

In the Southeast Asia scenario, due to lack of research and

development in designing new mines and its counter measure it will continuously import the products perhaps for the next 20 years or so. In the future, Singapore and Malaysia could be the earliest countries that might be venture into business either handles singly or joint venture with established companies in the world today.

For the Southeast Asia countries, Naval Mine Warfare community has a very strong feeling that Naval Mine Warfare are equally important among others naval operation. To express the importance of the subject, the international Naval Mine warfare community has hosted two international Naval Mine Warfare Symposiums, first was held at the Hawaii, USA in year 2000 and the second was held at Singapore in year 2001. Singapore and Indonesia also co-hosted the 2nd WPNS MCMEX/DIVEX in 2004. 3rd WPNS MCMEX/DIVEX in 2006 by Malaysia and 4th WPNS MCMEX/DIVEX 2011 by Singapore. The attendances were more than 10 countries in the world, among the activities were seminars and joined exercise at sea. This has shown the great involvement by the countries in Southeast Asia the importance of Naval Mine Warfare as a whole.



PENCARIAN **MH370** KD SELANGOR KE KORIDOR SELATAN

Oleh: Lt Muhamad Azfar Affi bin Azhar TLDM



Tanggal 17 Mac 14, KD SELANGOR telah ditugaskan untuk misi mencari dan menyelamat (SAR) pesawat MH370 yang merupakan sebuah pesawat jenis Boeing-777 milik Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang telah dilaporkan hilang di Koridor Selatan iaitu di perairan Lautan Hindi. Kapal telah belayar dari Tambatan Pangkalan Lumut (TPL) pada 2359H dan membawa pesawat Super Lynx dari Skuadron 501 beserta beberapa anggota selam dari KD DUYONG. Misi kali ini turut melibatkan KD KELANTAN dan dua kapal dari Markas Wilayah Laut 1 (Mawilla 1) iaitu KD TERENGGANU dan KD PAHANG. Kapal telah singgah di Pelabuhan Tanjung Priok Jakarta pada 20 Mac untuk melaksanakan ulang bekal sebelum meneruskan perjalanan ke Lautan Hindi disamping menunggu ketibaan kapal dari Mawilla 1. Pada awalnya 4 kapal TLDM dari Skuadron PV-17 ditugaskan untuk misi SAR, namun penugasan KD LEKIU dan KD KASTURI menjadikan 6 kapal TLDM terlibat di kawasan operasi. Ketibaan kapal TLDM disambut baik oleh anggota Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL) dan wakil Malaysia ketika di pelabuhan.

Taklimat operasi telah dilaksanakan di KD SELANGOR yang melibatkan semua pegawai memerintah dan pegawai operasi keempat-empat kapal bagi memastikan perjalanan misi SAR dilaksanakan dengan jayanya. Pada 22 Mac, kapal bertolak pada 0800G menuju ke Koridor Selatan bagi melaksanakan misi SAR pesawat MH370. Maklumat awal berkaitan cuaca yang tidak menentu dan keadaan laut yang bergelora berikutnya memberi sedikit kegusaran kepada warga kapal. Markas telah mengeluarkan arahan bagi kapal bersauh sementara di perairan Jakarta bagi menunggu cuaca dan keadaan laut di kawasan operasi bertambah baik. Justeru langkah-langkah keselamatan seperti menyimpan dan mengikat peralatan mudah alih telah dilaksanakan bagi memastikan kapal bersedia mengharungi keadaan cuaca yang teruk ketika misi dilaksanakan. Disamping itu warga kapal turut melaksanakan solat hajat

secara berjemaah di hangar bagi memohon ke hadrat ALLAH S.W.T agar dikurniakan keselamatan dan perlindungan bagi melaksanakan operasi di kawasan laut yang tidak menentu. Tidak ketinggalan doa yang dimohon oleh semua warga kapal terhadap keselamatan keluarga yang ditinggalkan dengan penuh rasa kehambaan dan pergantungan kepada-Nya mengharap belas kasih dari Yang Maha Pencipta.

Maklumat awal berkaitan cuaca yang tidak menentu dan keadaan laut yang bergelora berikutnya memberi sedikit kegusaran kepada warga kapal.

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Ilahi kerana setelah kapal tiba di perairan Lautan Hindi keadaan cuaca dan laut telah bertambah baik. Kapal tiba di Koridor Selatan pada 22 Mac dan seterusnya melaksanakan misi SAR. Kapal-kapal yang terlibat dipecahkan kepada sektor rondaan masing-masing dan kapal telah melalui perairan Pulau Christmas semasa menuju ke Koridor Selatan. Warga kapal bersyukur kerana kelihatan Tropical Cyclone Gillian yang dilaporkan berada jauh dari kedudukan kapal semasa di Lautan Hindi iaitu dalam jarak 10 batu nautika. Keadaan cuaca dan laut yang beransur pulih membantu warga kapal melaksanakan misi. Sebarang penemuan oleh kapal-kapal akan dilaporkan kepada KD SELANGOR yang bertindak sebagai Ketua Gugus Tugas (KGT). Kapal turut bertindak sebagai wakil untuk melaporkan kepada Markas Pemerintahan Armada berkaitan laporan harian operasi serta keadaan kapal-kapal yang terlibat dalam misi ini. Sebarang maklumat yang diterima daripada Markas akan disampaikan kepada semua kapal di sektor rondaan bagi memastikan pelaksanaan misi lebih efektif dan berkesan.

Ketika misi mencari dan menyelamat pesawat MH370





dilaksanakan, banyak aktiviti telah dilaksanakan bagi memastikan kesiagaan warga kapal di tahap yang tinggi. Antaranya ialah Mencegah Kerosakan dan Mengawal Api (MKMA) yang turut dilaksanakan bagi memastikan persediaan warga kapal bagi menghadapi sebarang situasi. Disamping itu warga kapal turut dirapatkan ke Stesen Penerbangan bagi menerbangkan pesawat Super Lynx yang melaksanakan pemerhatian udara di sektor rondaan. Bagi aktiviti kerohanian pula, warga kapal turut melaksanakan bacaan Yassin dan Tahlil serta solat hajat secara berjemaah bagi memohon keselamatan dan dipermudahkan misi SAR kali ini. Warga kapal turut mengambil peluang berkelepasan ketika kapal singgah di Pelabuhan Tg. Priok Jakarta sewaktu melaksanakan ulang bekal.

Setelah beberapa hari melaksanakan misi di Koridor Selatan, kapal telah dimaklumkan oleh markas di mana satu sidang media daripada Perdana Menteri Malaysia

mengesahkan bahawa pesawat MH370 terhempas di tengah Lautan Hindi pada 26 Mac. Markas telah mengarahkan untuk memisahkan KD LEKIU menuju ke Fremantle Perth, Australia untuk ulang bekal dan seterusnya meneruskan misi. Walaupun warga kapal bersemangat untuk meneruskan misi, namun kapal tidak mempunyai peralatan yang canggih seperti sonar yang dapat mengesan objek pesawat

dan kotak hitam memandangkan kapal dilengkapi sonar untuk kegunaan panduarah sahaja. Namun semua warga kapal berasa bertuah kerana terlibat dalam misi ini dan bersyukur kerana diberi keselamatan sewaktu menjalankan misi mencari dan menyelamat di Koridor Selatan. Warga kapal sentiasa mendoakan kesemua keluarga mangsa yang kehilangan agar terus tabah menghadapi ujian ALLAH. Tidak ketinggalan doa untuk seluruh warga yang terlibat menjalankan misi ini agar sentiasa dilindungi dari segala mara bahaya dan diberi petunjuk oleh Yang Maha Esa dalam misi mencari dan menyelamat pesawat MH370.

Pengalaman belayar di Lautan Hindi ketika melaksanakan misi mencari dan menyelamat pesawat MH370 ini menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh semua warga kapal KD SELANGOR khususnya serta warga TLDM amnya.





6 TLDM JUARA KALI BERTURUT-TURUT

TLDM juara lagi!!!!...kata-kata tersebut telah diulangi sebanyak 6 kali secara berturut-turut dalam mengungguli temasya sukan antara perkhidmatan. Momentum kecemerlangan TLDM di arena sukan terus melonjak apabila diumum sebagai johan antara perkhidmatan dalam majlis berprestij, Malam Anugerah Sukan ATM 2013 yang berlangsung meriah di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan baru-baru ini. Apakah rahsia sebenar disebalik kejayaan yang ditempa ini? Adakah sokongan dari pegawai atasan atau TLDM sendiri memiliki kemudahan sukan yang mencukupi membuatkan kejuaraan 6 kali berturut-turut dapat dipertahankan?

Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang membuatkan kejuaraan ini dapat dipertahankan. Apa yang diperhatikan, TLDM memiliki beberapa faktor seperti berikut:

Sokongan dan komitmen secara holistik dari semua peringkat.

Sokongan yang padu dan komitmen berterusan daripada semua 'navy people' telah menjadi nadi kejayaan cemerlang TLDM. Selain

itu, perancangan yang rapi untuk membangunkan pasukan dengan melibatkan komitmen dan sokongan jitu dari pihak pengurusan tertinggi TLDM dilaksanakan. Sebagai contoh, kehadiran pihak pengurusan atasan TLDM untuk bersama-sama atlet dalam setiap kejohanan sukan secara tidak langsung menaikkan semangat di kalangan anggota untuk beraksi dengan baik dan sentiasa berusaha meraih kemenangan dengan lebih konsisten selain semangat turun padang yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan tertinggi TLDM.

Pusat Kecemerlangan Sukan TLDM.

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi dan memberi penambahbaikan sukan, TLDM telah mewujudkan empat (4) Pusat Kecemerlangan Sukan di Pangkalan TLDM, Lumut Perak. Fokus untuk memperkasakan sukan yang akan memberi kejayaan sukan dipergiatkan untuk menentukan kejuaraan dikekalkan terutamanya Kejohanan Antara Perkhidmatan





- Markas Armada. Bertanggungjawab untuk sukan Akuatik, Tinju, Payung Terjun, Kriket dan Ragbi.

- Markas Pendidikan dan Latihan TLDM. Bertanggungjawab untuk sukan Ping Pong, Bola Jaring, Taekwando, Skuasy, Badminton dan Menembak.

- Markas Bantuan. Bertanggungjawab untuk sukan Olahraga, Bola Tampar, Bina Badan, Bola Sepak dan Golf.

- Markas Sistem Armada. Sepak Takraw, Tenis, Memanah, Hoki dan Bola Keranjang.



Kemudahan sukan yang moden dan lengkap di Pangkalan TLDM Lumut.

Pembangunan Infrastruktur dan prasarana kemudahan sukan sememangnya dititikberatkan oleh TLDM. Kemudahan dan peralatan yang lengkap sememangnya menjadikan latihan yang dilaksanakan oleh setiap atlet lebih bersistematik, bersemangat dan selamat. Buat masa kini, TLDM berasa amat berbangga kerana memiliki kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- Kemudahan balapan yang standard mengikut piawaian kebangsaan/antarabangsa.
- Kolam renang bersaiz olimpik.
- Satu-satunya pangkalan

tentera yang mempunyai padang hoki astroturf di Malaysia.

- Kompleks Memanah bertaraf antarabangsa.
- Stadium tertutup.
- Stadium bola sepak.

Kerjasama dengan MSN dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

TLDM menjalin kerjasama dengan MSN dalam pembangunan sukan di peringkat kebangsaan. Ini memberi peluang kepada warga TLDM menimba pengalaman dalam teknik dan perundangan sukan terkini untuk dikongsi bersama warga TLDM lain. Kerjasama dan kepakaran tenaga penceramah dari MSN dan Fakulti Sains Sukan UiTM juga telah digunakan oleh pihak TLDM dalam membantu bagi persediaan mental dan fizikal atlet-atlet TLDM sebelum menghadapi mana-mana kejohanan.

Pemilihan anggota baru TLDM yang mempunyai potensi dalam sukan.



Pengambilan anggota baru TLDM sebagai palapes kepada atlet – atlet yang lebih senior juga membantu ke arah kejayaan ini. Pengalaman dan skill anggota baru dan senior akan membantu persatuan-persatuan sukan TLDM dalam membentuk pasukan yang berdaya saing dan kompetitif. Dalam masa yang sama pihak Kompleks Sukan TLDM juga akan mengeluarkan jadual penggunaan

semua kemudahan sukan agar latihan dapat dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi keperluan setiap formasi yang akan bertanding.

Atlit TLDM wajar diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

TLDM menghargai setiap atlit yang telah mengharumkan nama perkhidmatan. Dengan bakat yang sedia ada, atlit ini diketengahkan ke peringkat



kebangsaan dan antarabangsa. Sistem latihan yang efisyen dan berskala besar bakal menjana seorang atlet yang lebih terlatih, berjaya dan cemerlang bagi mewakili negara di masa hadapan. Antara sukan yang menyerlah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dilihat boleh disertai oleh atlit-atlit cemerlang TLDM ialah perahu layar dan olahraga. Pasukan perahu layar TLDM pada masa kini telah banyak membuktikan kejayaan dan penglibatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan bersaing antara pasukan handalan dunia seperti di Kejohanan Internatioanal Langkawi Regatta dan Kejohanan Regatta Antarabangsa Terengganu (Monsun Cup).

Atlit dari sukan menembak dan memanah juga telah membuktikan kejayaannya di peringkat perkhidmatan, kebangsaan dan antarabangsa. Selain daripada dua sukan ini, TLDM juga sememangnya merancang dan mensasarkan kejayaan buat semua sukan-sukan yang lain. Pada Sukan SEA Ke 26 di Indonesia yang lalu, seramai 45 pegawai dan anggota TLDM terpilih mewakili negara ke sukan dwi tahunan itu sebagai pengurusan, jurulatih dan atlet. Atlet TLDM telah berjaya menyumbangkan 19 pingat buat kontinjen Malaysia.

Penghargaan kepada atlit.

Pada setiap tahun, TLDM akan menganjurkan satu Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan TLDM khusus bagi menghargai dan mengiktiraf pengorbanan dan kecemerlangan pegawai dan anggota TLDM. Anugerah adalah seperti berikut:

- Olahragawan dan Olahragawati TLDM.
- Persatuan Sukan Terbaik.
- Tokoh Jurulatih Sukan.
- Tokoh Sukan TLDM.
- Lambang Emas dan Perak.
- Sijil Penghargaan.

Selain itu, semua atlet-atlet yang telah mengharumkan nama TLDM diperingkat kebangsaan dan antarabangsa juga akan diberi ganjaran dan keistimewaan dalam bentuk seperti berikut:

- Kenaikan pangkat.
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
- Sokongan Pengurniaan Pingat-Pingat Kebesaran Persekutuan/Negeri/ATM.

- Skim Insentif Kemenangan (mengikut pingat).

Syabas dan tahniah buat seluruh atlit, pengurus pasukan, jurulatih, dan khususnya buat pegawai atasan kerana telah membawa TLDM sehingga ke tahap kini. Diharapkan sokongan dan galakkan hendaklah secara terus menerus supaya keadaan pada masa kini dapat dikekalkan serta sekali gus dapat mempertingkatkan kecemerlangan di masa akan datang.



e-Demand Satu Inovasi dalam TLDM

Oleh: Lt Dya Mohamad Nazirul Mubin bin Zaidy TLDM

Sejak sekian lama, proses permohonan alat ganti kapal ke Depot Bekalan Armada menggunakan kaedah manual iaitu menggunakan BAT L 8. Kaedah ini merupakan satu keadaan yang telah usang dan tidak sesuai dilaksanakan lagi dalam era transformasi TLDM. Atas dasar tersebut, dibawah pemerintahan Pegawai Memerintah Kept Abdul Aziz bin Abdul Gaffor TLDM, DBA telah memperkenalkan sistem permohonan baru yang menggunakan aplikasi atas talian sepenuhnya.



Sistem ini diperkenalkan bagi memudahkan dan melancarkan lagi proses permohonan ke Depot. Wakil kapal tidak perlu lagi hadir bagi memajukan permohonan ke depot. Secara tidak langsung akan menjimatkan masa dan proses permohonan.

Apakah yang dimaksudkan dengan sistem e-Demand?

Sistem ini adalah secara 'web-based application' yang menggunakan talian internet sebagai medium penghubung. Pengguna hanya perlu mengisi Borang Permohonan secara atas talian dan seterusnya hanya dengan satu klik sahaja permohonan tersebut akan terus diterima oleh DBA.

DBA seterusnya akan memproses permohonan tersebut juga secara dalam talian. Kapal akan dapat status permohonan yang telah dimajukan samada telah diproses oleh DBA atau sebaliknya. Bagi permohonan yang nombor kenalan tidak dikenalpasti oleh DBA, maklum balas bagi mendapatkan pengesahan daripada kapal akan dikeluarkan.

Kelebihan sistem e-Demand:


- Menjimatkan masa. Pemohon tidak lagi perlu datang ke DBA untuk membuat permohonan alatganti. Hanya memerlukan talian internet.
- Kos yang murah. Hanya menggunakan aplikasi internet.
- Mudah dan senang untuk dikendalikan. Pemohon boleh mengisi permohonan secara atas talian pada bila-bila masa dan di manapun sekiranya dihubungkan dengan capaian internet.
- Kelulusan oleh Pegawai Memerintah(PM) juga tidak lagi dengan menandatangani sebaliknya dengan meluluskan di atas talian dengan menekan butang lulus di mana jua berada dan pada bila-bila masa.
- Setiap permohonan akan disimpan di pangkalan data DBA dan

peralatan sediaada digunakan tanpa perlu penambahan.

- Keselamatan pada maklumat adalah sangat tinggi memandangkan pangkalan data adalah berpusat di Bilik Server DBA.

Adalah diharapkan, dalam usaha mencapai matlamat menjadi Tentera Laut bertaraf dunia sistem e-Demand mampu menjadi pemangkin sebagai satu sistem sokongan logistik kepada kapal-kapal TLDM.

Semoga TLDM mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan tentera laut Negara-negara maju di dunia satu hari nanti. Insya Allah.





Selaras dengan peredaran masa dan zaman, TLDM sentiasa berusaha dalam meningkatkan kualiti taraf hidup bagi warga dalam usaha mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Perkhidmatan juga telah berusaha dengan pelbagai rencana untuk merealisasikan objektif dengan menyediakan keperluan asas yang sempurna dan serba lengkap demi kesejahteraan warga.

Pada awal tahun 60-an, perumahan tentera dikenali sebagai Rumah Kelamin (Married Quarters). Lokasi kuarters tersebut terletak di Marsailing Road, Woodlands yang mana ianya merupakan peninggalan kerajaan British dan telah diserahkan kepada kerajaan Malaysia untuk kegunaan anggota TLDM yang bertugas di Woodlands, Singapura. Kerajaan juga telah memperuntukkan rumah kelamin kepada anggota di kawasan Alexandra Hall yang lebih


dikenali dengan panggilan "Rumah Tinggi" dan mempunyai 1 atau 2 bilik tidur.

Perpindahan ke Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

Semenjak perpindahan Pangkalan TLDM dari Woodlands, Singapura ke Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Banyak kemudahan perumahan telah dirancang dan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan keselesaan warga yang menginap. Kuarters yang telah dibina dikategorikan seperti blok A adalah penginapan dikhatusukan kepada anggota yang berpangkat Bintara Kanan ke bawah, samada yang bujang atau telah berkahwin. Manakala blok B pula disediakan kepada anggota LLP yang berpangkat PW II

dan PW I. Seterusnya blok C, rumah Semi-D dan Banglo telah dikhaskan kepada pegawai mengikut pangkat yang disandang. Penambahbaikan dari segi struktur bangunan dan jumlah bilik serta peralatan perabot juga telah diambilkira semasa proses pembinaan tersebut. Faktor kesejahteraan ini sekaligus dapat meningkatkan moral warga yang mendiami kuarters dan mutu kerja yang dipamerkan oleh anggota juga akan bertambah baik.

Perubahan Infrastruktur dan Prasarana Apartment TLDM



PENINGKATAN FASALITIS

Hasrat Pihak Pengurusan Tertinggi dalam mewujudkan kesejahteraan warga tidak pernah diabaikan dan terus ditambahbaik dari masa ke semasa bergantung kepada peruntukan kewangan yang diluluskan. Kemudahan dan prasarana yang lebih baik ini telah berjaya diwujudkan di Pangkalan TLDM Langkawi di mana projek apartment kediaman untuk warga telah disediakan sebanyak 122 unit bernilai RM 67.36 juta. Dalam usaha memberi keselesaan kepada warga TLDM juga terdapat pelbagai kemudahan-kemudahan lain

turut disediakan antaranya:

- Kemudahan parkir kenderaan yang teratur dan selamat.
- Pembekalan peralatan perabot-perabot yang serba moden dan sesuai dengan peredaran zaman.
- Kemudahan padang permainan, taman kanak-kanak dan rekreasi.
- Sistem pengurusan sisa pepejal yang bersistematik.
- Tempat ibadat dan bilik kuliah agama menyediakan sebuah surau yang boleh memuatkan antara 350 hingga 400 jemaah.
- Dewan Serbaguna boleh memuat 450 hingga 500 orang, Rumah Bakat TLDM dan 3 Lot rumah kedai serbaneka.
- Sistem kawalan keselamatan yang cekap.
- Sistem mencegah melawan kebakaran yang bersesuaian.
- Pusat Multimedia dan kelas tabika.
- Persekutuan dan pemandangan yang menarik.



PERUMAHAN TLDM MAWILLA 3

3 SOALAN

MENJAWAB HAKIKAT KEHIDUPAN

Manusia merupakan makhluk terhebat ciptaan Allah S.W.T jika dibandingkan dengan penciptaan makhluk-makhluk yang lain. Atas kehebatan tersebut, manusia diberikan amanah oleh Allah S.W.T untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin sebagai bukti kehebatan mereka. Pun begitu, di dalam menyusuri kehidupan di atas muka bumi yang sementara ini, manusia seringkali gagal memahami hakikat sebenar kehidupan serta mengapa mereka diciptakan. Manusia selalu alpa dan terpedaya dengan dunia yang melalaikan lantas jarang dari kalangan kita membicarakan atau membincangkan hakikat sebenar kehidupan. Bagi menyelami serta menghurai hakikat sebenar kehidupan, terdapat tiga soalan asas yang sepatutnya difahami serta diperamati oleh kita semua.

SOALAN PERTAMA

Soalan pertama adalah berkaitan siapa kita? Jawapannya sudah tentu pasti semua dari kalangan kita akan menjawab bahawa kita adalah Hamba Allah. Cuma persoalan timbul sejauh mana kita mengimplementasikan maksud sebagai Hamba Allah tersebut. Sebagai hamba, manusia sepatutnya tunduk, patuh, taat, akur, ikut serta melaksanakan segala apa yang diperintahkan oleh Tuannya iaitu Allah S.W.T. Dialah yang mencipta serta memelihara kita serta Dialah juga yang mengatur kehidupan kita. Ini bertepatan dengan firman Allah di dalam al Quran surah Al Najm ayat 32 yang bermaksud:

“Dia (Allah) lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Dia menjadikan kamu (berasal) daripada tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai-bagai peringkat dalam perut ibu kamu, maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih daripada dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang yang bertaqwa”.

Manusia perlu menyedari hakikat bahawa walaupun mereka diciptakan sebagai sebaik kejadian, tetapi manusia memiliki pelbagai kelemahan dan ketidak upayaan. Apa yang dimiliki oleh kita hanyalah sekadar apa yang dikurniakan oleh Allah SWT dan ianya terbatas serta tidak berkekalan. Sebab itulah manusia perlu tunduk dan patuh kepada Yang Maha Pencipta serta Yang Maha Memelihara kerana Dialah yang mengurniakan manusia sedikit kelebihan serta keupayaan untuk mengatur kehidupan di dunia yang sementara ini. Apabila kita engkar serta tidak mematuhi segala suruhanNya, seolah-olah kita merasakan bahawa kitalah empunya milik diri ini sedangkan kita tidak memiliki apa-apa. Justeru amatlah wajar untuk kita taat serta akur kepada kehendakNya.

SOALAN KEDUA

Soalan kedua berkaitan untuk apa kita? Manusia diciptakan oleh Allah dengan matlamat dan tujuan yang begitu komprehensif. Manusia tidak diciptakan sekadar untuk bersuka ria atau melakukan perkara yang tidak berfaedah. Matlamat diciptakan manusia disebut oleh Allah melaui firmanNya dalam surah al Zariyat ayat 56 yang bermaksud:

“dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku”.

Beribadat dalam ayat tersebut mempunyai pengertian yang cukup luas iaitu dalam erti kata manusia sebagai khalifah Allah perlu merealisasikan tanggungjawab atau amanah yang dipikulkan ke atas mereka mengikut syariat atau ketetapan yang ditunjukkan oleh Allah.

Bagi membantu manusia untuk melaksanakan amanah atau tanggungjawab yang diperintahkan mengikut kehendak yang sewajarnya, Allah S.W.T mengutuskan Rasul-rasul sebagai pembimbing atau penunjuk arah agar manusia berupaya memahami keperluan seperti mana yang dikehendaki. Para Rasul membawa agama atau cara hidup kepada manusia yang dikenali sebagai Islam, iaitulah cara hidup yang berlandaskan kehendak serta peraturan Allah S.W.T. Untuk itu, manusia perlu menjadikan Islam sebagai pedoman serta manual kehidupan mereka. Perlu diingat, bahawa cara hidup yang tidak berpaksikan atau berorientasikan kepada kehendak Islam merupakan cara hidup yang ditolak oleh Yang Maha Pencipta. Manusia perlu memastikan setiap apa yang hendak dikerjakan mestilah memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh agama. Jika ini dipatuhi serta dituruti, kita bukan sekadar mendapat kejayaan atas setiap apa yang dikerjakan, bahkan dijanjikan pula pahala yang berlipat ganda.

Ramai dari kalangan kita yang beranggapan bahawa ibadat adalah semata-mata yang berkaitan dengan soal akhirat sahaja seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji, sedangkan kita terlepas pandang sebenarnya ibadat di sisi agama mencakupi apa jua perlakuan serta kerja buat kita yang tidak bercanggah dengan syariat yang ditetapkan. Justeru peluang untuk memburu pahala sebagai bekalan untuk kehidupan yang kekal abadi begitu luas terbuka. Terpulang kepada kita, sama ada hendakkannya atau membiarkan ia berlalu sahaja.

SOALAN KETIGA

Soalan ketiga berkaitan ke mana kita? Setiap dari kita sudah pasti jawapannya iaitu manusia akhirnya akan kembali menemui tuhannya Qadhi Rabbul Izzati. Tiada yang bernyawa di atas muka bumi ini kecuali semuanya akan dimatikan oleh Allah untuk mereka merasai saat kemusnahan dan kehancuran diri yang bersifat binasa ini. Allah menjadikan kehidupan sebagai pentas untuk menguji siapakah dari kalangan hambanya yang mampu berbakti serta membuktikan diri sebagai makhluk terpuji. Sesudah itu, dimatikan serta dihidupkan kembali untuk setiap diri dibalasi mengikut kesesuaian serta kelayakan empunya diri. Ini sejaajar dengan firman Allah di dalam al Quran surah al Mulk ayat 2 yang bermaksud:

"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi amat Pengampun (kepada orang yang bertaubat)."

Sekarang jelas kepada kita bahawa kehidupan yang sementara ini mempunyai matlamat yang begitu besar untuk membuktikan tujuan penciptaan kita sebagai Hamba Allah dan juga Khalifah di muka bumi bagi melaksanakan segala tanggungjawab yang diperintahkan oleh Yang Maha Pencipta. Maka perlu bagi kita membereskan segala tuntutan tersebut supaya apabila kita dikembalikan kepadaNya kita mampu memperolehi kebahagiaan dan kesenangan yang hakiki. Semoga Allah memberikan kita kekuatan serta keupayaan untuk melestarikan segala keperluan.



Majlis Pengislaman Saudara Kita Maitu Lt Kdr Mohammad Danial Adam Kee Ing Chung bin Abdullah TLDM telah berlangsung di Pejabat Panglima Markas Pemerintahan Bantuan pada jam 0900 pagi. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Pemerintahan Bantuan Laksdyo Dato' Mohammad Roslan bin Mohammad Ramli dimana YBhg Panglima sendiri telah mengislamkan Saudara Kita dengan disaksikan oleh Pengarah PUSPEK Kept Zukarani bin Talib TLDM, Pegawai Memerintah KD Melaya Kept Badrul Hisham bin Mohamed TLDM dan para pegawai Markas Bantuan Perkhidmatan. Majlis yang di-

pada 25 Mei 2000 sebagai Pegawai Kadet UPNM pengambilan Ke-6 dalam jurusan Sarjana Muda Sains Komputer. Ditauliahkan pada 10 Dis 04 dengan pangkat Leftenan TLDM dan diserapkan dalam Cawangan Bekalan. Pegawai telah berkhidmat di lima unit sepanjang perkhidmatan di antaranya Timbalan Pegawai Bekalan KD KASTURI, PS3 Bantuan Bahagian Logistik Pertahanan ATM, Pegawai Gaji Rejimen Perhubungan Strategik Kem Paya Jaras ATM, Pegawai Bekalan KD SELANGOR dan unit terakhir adalah sebagai Pegawai Pengiraan dan Pemeriksaan Stok Depot Peluru dan Bahan Letupan TLDM. Pegawai

Cawangan Kerohanian PUSPEK di masa hadapan.



MAJLIS PENGISLAMAN SAUDARA BARU

koordinasikan oleh Cawangan Kerohanian PUSPEK ini merupakan pengjuran kali kedua semenjak PUSPEK ditubuhkan secara rasminya pada dua tahun yang lepas. Pegawai yang berasal dari Sibu, Sarawak ini merupakan anak ketiga daripada empat adik-betradik. Beliau berbangsa Cina dan beragama Kristian sebelum memilih untuk memeluk agama Islam. Memasuki perk-hidmatan

kini dalam proses peralihan dan akan menamatkan perkhidmatan pada 6 Jun 14. Melalui sesi temuramah yang diadakan, beliau terdetik memeluk Agama Islam pada Feb 14 yang lepas. Ini adalah hasil pengaruh dan galakkan kawan-kawan rapat yang rata-ratanya beragama Islam. Hasil daripada itu, beliau telah memohon bimbingan dan nasihat daripada Cawangan Kerohanian PUSPEK. Pelbagai pendedahan telah beliau perolehi sepanjang tempoh tersebut dan akhirnya memutuskan untuk menganut Agama Islam. Beliau bercadang untuk menghadiri pelbagai kursus untuk mendalami Agama Islam dengan dibantu oleh



Naval Terms

Boatswains Pipe

No self-respecting boatswain's mate would dare admit he couldn't blow his pipe in a manner above reproach. This pipe, which is the emblem of the boatswain and his mates, has an ancient and interesting history. On the ancient row-galleys, the boatswain used his pipe to call the stroke. Later because its shrill tune could be heard above most of the activity on board, it was used to signal various happenings such as knock-off and the boarding of officials. So essential was this signaling device to the well-being of the ship, that it became a badge of office and honor in the British and American Navy of the sailing ships.

Old World Cosmic Company

Image by JekkV

Original photo by P. Balmer

Bravo Zulu

The term originates from the Allied Signals Book (ATP 1), which in the aggregate is for official use only. Signals are sent as letters and/or numbers, which have meanings by themselves sometimes or in certain combinations. A single table in ATP 1 is called governing groups, that is, the entire signal that follows the governing group is to be performed according to the governor. The letter B indicates this table, and the second letter (A through Z) gives more specific information. For example, BA might mean You have permission to . . . (do whatever the rest of the flashing light, flag hoist or radio transmission says) BZ happens to be the last item in the governing groups table. It means well done.

Dog Watch

Dog Watch is the name given to the 1600-1800 and the 1800-2000 watches aboard a ship. The 1600-2000 four-hour watch was originally split even to prevent men from always having to stand the same watches daily. As a result, Sailors dodge the same daily routine, hence they are dodging the watch or standing the dodge watch. In its corrupted form, dodge became dog and the procedure is referred as dogging the watch or standing the dog watch.

Dress Ship

Commissioned ships are full-dressed on Washington's Birthday and Independence Day, and dressed on other national holidays. When a ship is dressed, the national ensign is flown from the flagstaff and usually from each masthead. When a ship is full-dressed, in addition to the ensigns, a rainbow of signal flags is displayed from bow to stern over the mastheads, or as nearly so as the construction of the ships permits. Ships not under way are dressed from 0800 to sunset; ships under way do not dress until they come to anchor during that period.



Naval Terms

fouled Anchor

The foul anchor as a naval insignia got its start as the seal of the Lord Howard of Effingham. He was the Lord Admiral of England at the time of the defeat of the Spanish Armada in 1588. During this period the personal seal of a great officer of state was adopted as the seal of his office. The fouled anchor still remains the official seal of the Lord High Admiral of Great Britain. When this office became part of the present Board of Admiralty, the seal was retained on buttons, official seals, and cap badges. The Navy's adoption of this symbol and many other customs can be directly attributed to the influence of British Naval tradition. The fouled anchor is among them.

Sally Ship

Sally ship was not a ship but a method of loosening a vessel that ran aground from the mud holding her fast. In the days before sophisticated navigation equipment, ships ran aground much more often than today. A grounded ship could be freed with little or no hull damage if she could be rocked out of her muddy predicament. To free her, the order was given to sally ship. The crew gathered in a line along one side and then ran from port to starboard and back and forth until the vessel began to roll. Often the rolling broke the mud's suction and she could be pulled free and gotten underway.

Ship's Husband

Sometimes when a ship is heading for the yards, an old salt says that she is going to her husband now and it causes novices to wonder what he is talking about. A ship's husband was once a widely used term which described the man in charge of the shipyard responsible for the repair of a particular ship. It was not uncommon to hear the sailors of creaky ships lament, Ah, she's been a good ship, lads, but she's needing her husband now. In the course of a ship's life, she may have had more than one husband, but this had little bearing upon her true affections. Tradition has it, her love was saved solely for her sailors.

Yankee

Americans are known by their nicknames from Hong Kong to Timbuktu; one of the most widely used is yankee. Its origin is uncertain but one belief is that it was given to us by the early Dutch. Early American sea captains were known but not revered for their ability to drive a hard bargain. Dutchmen, who were also regarded as extremely frugal, jokingly referred to the hard to please Americans as Yankers or wranglers. The nom de plume persists to this day.

STAMP HERE



BAHAGIAN OPERASI DAN EKSESAIS
MARKAS TENTERA LAUT
KEMENTERIAN PERTAHANAN
JALAN PADANG TEMBAK
50634 KUALA LUMPUR

BORANG MAKLUM BALAS MAJALAH SAMUDERA EDISI KHAS

Nama : Umur :

Emel : Jantina :

No Tel : Pekerjaan :

GAM DI SINI

GAM DI SINI

Alamat :

1. Bagaimana anda mengetahui mengenai majalah ini?

Majalah

Rakan

Promosi dan Poster

Lain-lain (nyatakan)

5.-Sangat Baik

4.-Baik

3.-Memuaskan

2.-Sederhana

1.-Lemah

2. Nilaikan majalah ini mengikut kategori berikut :

5**4****3****2****1**

a. Rencana

b. Gambar Hiasan

c. Kandungan Keseluruhan

d. Rekabentuk

e. Kualiti Cetakan dan Kertas

f. Pemasaran/promosi


3. Nyatakan ruangan kegemaran dan mengapa anda meminatiinya.

4. Cadangan penambahbaikan kualiti (seperti tambahan ruangan) kandungan majalah.

5. Komen lain.



**AUSTRALIAN MARITIME
SYSTEM (AMS)
VESSELS TRACKING
SYSTEM (VTS)**



AMS



**NAVIGATION RADAR:
KELVIN HUGHES
SHARPEYE E/F
& I BAND TRANSCEIVERS**




**DIVING SET:
COBHAM
VIPER SC**



Service Centre

Headquarters



D'AQUARIAN (M) SDN BHD
Wisma D'Wan, No. 31-3A, Jalan PJU 5/18
Dataran Sunway, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-6156 5651 Fax: +603-6157 1653
E-mail: enquiry@daquarian.com

Service Centre
Lot PT 3709, Kawasan Perindustrian
Seri Manjung, 32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan
Tel: +605-688 3526 Fax: +605-688 3531
E-mail: enquiry@daquarian.com

D'AQUARIAN SERVICES (M) SDN BHD
Lot PT 3709, Kawasan Perindustrian
Seri Manjung, 32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan
Tel: +605-688 2393 Fax: +605-688 4816
E-mail: daquarianservices@gmail.com



Certificate No: KLR 0500086



SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your Thinking Company

System Consultancy Group of Companies:



Prestigious Discovery Sdn Bhd
(286874-W)

Telemetry and SCADA Systems



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions



IBS Technology Sdn Bhd
(394181-H)

Intelligent Building and
Security Systems

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@po.jaring.my
www.scs.my